

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: ... 6-2-91

BURUH - BURUH BINAAN POOCHOW SITIAWAN

DI SINGAPURA

OLEH

YONG CHOO CHIAU

MATRIX NO. 55305

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT - SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1990/91

SYNOPSIS

This study is about the Sitiawan Foochow construction workers who work in Singapore. A number of them are illegal migrant labours without work permit. Nevertheless, they are able to face the difficulties with the aid from within their own group. The bond of clanship and Sitiawanist identity enable them to help each other in coping with various problems encountered in Singapore.

This migration is encouraged by the push factors from Sitiawan and the pull factors in Singapore. The attitude towards migration is influenced by such factors like financial benefits, level of formal education and types of education (medium of instruction). The shortage of the manpower in Singapore labour market and the frequent change of its foreign labour policy have also affected the position of foreign labourers in the country.

This thesis is divided into five chapters. Chapter 1 discusses the objective and scope of the study as well as research techniques, problems encountered and the limitations of the study. Chapter 2 analyses the push and pull factors which have encouraged the migration. Chapter 3 examines the working condition of the Foochow labourers with special emphasis on their working environment (such as the safety standard) and their relationship with the employers. Chapter 4 describes the way Foochow labourers solved the problems encountered in their social life in Singapore.

Chapter 5 concludes the study. It outlines some policy implications and discusses the prospect of Sitiawan Foochow peoples' participation in the construction sectors of Singapore.

SINOPSIS

Kajian ini adalah mengenai buruh-buruh binaan Foochow Sitiawan yang bekerja di Singapura. Ramai di antara mereka merupakan buruh migran 'illegal' yang tidak mempunyai permit kerja. Namun demikian, mereka dapat menghadapi segala kesulitan dengan bantuan dari kumpulan mereka sendiri. Identiti 'Sitiawanist' dan ikatan 'clanship' membolehkan mereka saling bantu-membantu dalam menghadapi pelbagai masalah di Singapura.

Faktor-faktor penolakan dari Sitiawan dan faktor-faktor penarikan di Singapura telah menyebabkan penghijrahan ini berlaku. Faktor sosio-ekonomi seperti ganjaran kewangan, aliran bahasa dan taraf pendidikan formal mempengaruhi sikap untuk berhijrah. Kekurangan tenaga pekerja di pasaran buruh Singapura dan perubahan polisi buruh luarnya yang kerap juga mempengaruhi kedudukan buruh asing di negaranya.

Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 membincangkan tujuan kajian. Skop kajian, teknik-teknik penyelidikan, masalah yang dihadapi dan cara mengatasinya serta limitasi kajian juga diutarakan. Bab 2 menganalisa faktor-faktor penarikan dan penolakan yang menyebabkan penghijrahan berlaku. Bab 3 meneliti keadaan kerja buruh-buruh Foochow dengan tumpuan kepada suasana kerja (seperti taraf keselamatan) dan perhubungan mereka dengan majikan. Bab 4 menghuraikan bagaimana buruh-buruh Foochow dapat mengatasi masalah-masalah dalam kehidupan sosial di Singapura.

Bab 5 merupakan rumusan kajian dan membuat cadangan serta ramalan tentang prospek penglibatan orang-orang Foochow Sitiawan dalam sektor pembinaan Singapura.

Dengan izin dan kurnia Tuhan, latihan ilmiah ini telah disempurnakan dalam bentuk yang terdapat pada hari ini. Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Juli Edo selaku penyelia dalam kajian ini. Nasihat, kritikan, pendapat yang bernalas serta masa yang diluangkan untuk memeriksa deraf-deraf penulisan amatlah dihargai.

Ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Rokiah Talib yang sanggup pergi ke Singapura untuk menyelia kerja-kerja lapangan saya di situ. Minat serta perhatian yang diberikan sepanjang penyelidikan ini tidak dilupakan. Jasa-jasa Dr. Tan Chee Beng dan Dr. Syed Husin Ali memberi bimbingan serta pendapat bagaimana mengatasi pelbagai masalah menjalankan penyelidikan di negeri orang juga dikenangi.

Kepada Dr. Gong Wei Ai dan Encik Koh Eng Bing, saya ucapkan terima kasih kerana sudi meminjamkan artikel dan tesis yang berkaitan kepada saya. Cik Siti Rohani Abdul Razak (tutor UKM) dan Cik Tan Siew Bee (pensyarah UKM) tidak dilupakan kerana budi baik mereka membantu saya dalam mendapatkan buku-buku rujukan penting dari bilik sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM. Sokongan dan pendapat Dr. Cheu Hock Tong (pensyarah UKM) terhadap kajian ini juga dihargai.

Jasa-jasa Dr. Hing Ai Yun (pensyarah NUS) tidak dapat dilupakan kerana kesanggupannya melayan saya sebagai seorang pelajar, memberi nasihat dan pendapat tanpa sebarang rasa kedekut serta menoadangkan buku-buku rujukan yang berkaitan dengan 'polisi buruh luar Singapura' kepada saya semasa kunjungan ke NUS selepas selesai kerja lapangan di Singapura.

Saya amat menghargai keikhlasan dan pertolongan dari mereka yang berikut :

1. Encik Khoo Lek Ann (sub-kontraktor), majikan saya semasa kerja lapangan dijalankan. Beliau telah memberikan segala kerjasama sebagai informan utama dan bantuan-bantuan lain yang diperlukan semasa di Singapura.
2. Encik Ho Choo Ing (projek manager) yang juga berasal dari Sitiawan. Beliau telah bekerjasama sebagai informan utama yang kedua dan memberikan maklumat penting tentang orang-orang Foochow serta

organisasi pekerjaan dalam sektor pembinaan.

3. Rakan-rakan dalam sektor pembinaan yang melayan saya sebagai seorang buruh binaan serta sudi memberikan maklumat - maklumat yang berguna.
4. Sahabat saya, Too Luan Kim (Madona), Ling Siew Lee (Gao Ji) dan adik saya Choo Kiong yang telah membantu dari segi kewangan di Singapura dalam lawatan beberapa kali ke situ dengan tujuan meninjau beberapa perkara.
5. Keluarga angkat di Singapura, ibu dan kakak Wong Ah Siew yang telah melayan saya sebagai ahli keluarga sendiri.

Keikhlasan dan kesetiaan sebagai sahabat yang ditunjukkan oleh Abu (Yu Kong Diong) dan Ngo Kie Choong dalam menemani saya ke Singapura dan Sitiawan dengan motosikal saya sepanjang kajian ini amat dihargai. Di samping itu, sebagai 'roomate', toleransi terhadap kerja-kerja penulisan sehingga larut malam sangat bererti kepada saya.

Akhir sekali, saya berasa amat terhutang budi kepada Ong Hong Hong kerana sudi memeriksa dan menyusun manuskrip asal serta melukis semula gambarajah-gambarajah dan jadual-jadual dengan elok dalam hasil akhir latihan ilmiah ini. Beliau juga menghulurkan pelbagai bantuan lain dengan jujur termasuk menaip keseluruhan latihan ilmiah ini. Saya doakan semoga budi baiknya mendapat balasan baik dari Tuhan.

Terima kasih kepada semua.

YONG MICHAEL (CHOO CHIAU)

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

December, 1990.

KANDUNGAN

Halaman

SYNOPSIS	i
SINOPSIS	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI GAMBARAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
DEDIKASI	xiii-xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop dan Kawasan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.3.1 Hipotesis	10
1.4 Kerja Lapangan	11
1.4.1 Tempoh Penyelidikan	11
1.4.2 Method Kajian	12
1.4.3 Pemerhatian dan Penglibatan Diri	12
1.4.4 Pendekatan Etnometodologi	16
1.4.5 Soalselidik	16
1.4.6 Temubual Biasa	16
1.4.7 Temuramah dengan Informan Utama	17
1.4.8 Kajian Dokumen dan Perpustakaan	17

1.4.9	Masalah dan Limitasi Kajian	17
1.5	Ulasan Tulisan Karya - Karya Terpilih	19
 BAB 2 : PENGHIJRAHAN BURUH FOOCHOW SITIAWAN KE SINGAPURA		
2.1	Pengenalan	22
2.2	Faktor - Faktor Yang Mendorong Kepada Penghijrahan	22
2.2.1	Faktor Ekonomi	22
2.2.2	Faktor Sosial	25
2.2.3	Sikap dan Mentaliti Orang-Orang Foochow Sitiawan	29
2.3	Pengenalan Suku Kaum (clan) orang-orang Foochow Sitiawan di Singapura	30
2.4	Pengalaman dan Fleksibiliti Kerja dalam Sektor Pembinaan	32
2.4.1	Pengalaman Kerja Sebelum ke Singapura	32
2.4.2	Fleksibiliti Sebagai Buruh Binaan di Singapura	35
2.5	Identiti Kecinaan Singapura	36
2.6	Pergantungan Singapura Kepada Buruh Dari Luar	39
2.6.1	Keadaan Ekonomi dan Industri Pembinaan di Singapura	41
2.7	Mod Pengangkutan ke Singapura	45
2.8	Kesimpulan	46
 BAB 3 : KEADAAN KERJA DI KAWASAN PEMBINAAN		
3.1	Pengenalan	47
3.2	Pengertian 'Construction Work'	47
3.3	Pembahagian Tugas (Pengkhususan Kerja)	49
3.4	Struktur dan Proses Pekerjaan	50

3.5	Perhubungan Majikan dengan Pekerja	54
3.6	Prosedur dan Tata Kerja	57
	3.6.1 Masa dan Tempat Kerja	57
	3.6.2 Kerja Lebih Masa	59
3.7	Insentif Kerja	60
	3.7.1 Cara Pembayaran Gaji dan Promosi	61
3.8	Keselamatan Semasa Bertugas	62
	3.8.1 Ancaman Keselamatan dalam Kerja Pembinaan Bangunan yang Tinggi	63
	3.8.2 Kecuaian dan Tahap Pengetahuan Keselamatan	65
	3.8.3 Sikap dan Kepercayaan Pekerja Terhadap Keselamatan	66
3.9	Proses Pengambilan Pekerja	67
3.10	Kesimpulan	70
BAB 4 :	MASALAH - MASALAH DAN KEMIDUPAN SOSIAL DI SINGAPURA	71
4.1	Pengenalan	71
4.2	Keadaan Tempat Tinggal	71
4.3	Perhubungan dengan Etnik Lain	76
	4.3.1 Interaksi di antara Pekerja Foochow dengan Thai	77
	4.3.2 Pertalian Buruh Foochow dengan Kantonese dan Hokkien	78
4.4	Permit Kerja	81
	4.4.1 Pekerja 'Illegal'	83
4.5	Aktiviti - Aktiviti Masa Lapang	85
4.6	Turnover	88
	4.6.1 Semasa Ketiadaan Kerja	89

4.7	Sumbangan Wang kepada Keluarga di Sitiawan	90
4.8	Imej Sosial dan 'Social Outlook'	91
4.9	Kesimpulan	93
BAB 5 : RUMUSAN		94
5.1	Penemuan Kajian	94
5.2	Komen dan Cadangan	96
5.3	Prospek Penglibatan Buruh Binaan Foochow Sitiawan dalam Industri Pembinaan Singapura	97
LAMPIRAN (1 - 6)		101-129
BIBLIOGRAFI		130-141

Senarai Gambarajah

Tajuk

Halaman

Gambarajah 1	Perubahan Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan Singapura (1984 - 1987).	42
Gambarajah 2	Pertumbuhan Ekonomi di Negara - Negara Perindustrian Baru (1984 - 1987).	42
Gambarajah 3	Pertumbuhan Ekonomi di Negara - Negara Perindustrian Baru (1987 - 1990).	44
Gambarajah 4	Perubahan Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan Singapura (1987 - 1990).	44
Gambarajah 5	Struktur dan Organisasi Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan	52
Gambarajah 6	Kedudukan Buruh Foochow Sitiawan dalam Struktur Pekerjaan	53
Gambarajah 7	Kes - kes Kemalangan (1985 - 1989)	65
Gambarajah 8	Pola - pola Pengelompokan Etnik dari segi Tempat Tinggal di Kawasan Pembinaan	80

Senarai Jadual

	Tajuk	Halaman
Jadual 1	Tahap - tahap dan aliran pendidikan.	27
Jadual 2	Hubungan umur dengan keinginan untuk berpindah.	31
Jadual 3	Bilangan jenis pekerjaan yang pernah diceburi sebelum ke Singapura.	33
Jadual 4	Kekerapan dalam pelbagai jenis pekerjaan sebelum pergi ke Singapura.	34
Jadual 5	Kekerapan pekerja sudah berumahtangga mengikut kumpulan umur.	91

Senarai Peta

	Tajuk	Halaman
Peta 1	Nama tempat - tempat di kawasan Sitiawan dan Lumut.	2
Peta 2	Taburan Penempatan Kumpulan Dialek Cina di Semenanjung (1957).	4
Peta 3	Penempatan Utama di dalam Mukim Sitiawan.	5
Peta 4	Kawasan - kawasan utama di Singapura dan kawasan kajian (Lokasi Pembinaan).	7
Peta 5	Lokasi Penempatan di Kawasan Sitiawan.	9

Senarai Lampiran

	Tajuk	Halaman
Lampiran 1	Borang Soal Selidik Untuk Buruh-Buruh Binaan Foochow Sitiawan Di Singapura.	101-108
Lampiran 1(a)	Borang Soal Selidik - Temubual dengan informan utama(sub-kontrak-tor).	109-112
Lampiran 1(b)	Borang Soal Selidik - Temubual dengan informan utama(kedua) - (pengurus projek).	113-115
Lampiran 2	Sejarah Pembukaan SIBU dan SITIAWAN oleh Orang - Orang Foochow.(terjemahan)	116-118
Lampiran 2(a)	<u>(asal).(Lianhe Zhaobao).</u>	119
Lampiran 3	Kerajaan Singapura Tidak Mahu Bergantung Kepada Buruh Asing-Hukuman Berat Bagi Pekerja 'Illegal'.(terjemahan).	120-121
Lampiran 3(a)	<u>(asal).(Zhongguo Pao).</u>	122
Lampiran 4	Kad Pekerja.	123
Lampiran 5	Safety Orientation Course.	124-125
Lampiran 6	Kad Putih.	126-127
Lampiran 6(a)	Permit Kerja.	128-129

I. From 1911

Dear Friends, I urge you, an alliance and
struggle for the world, to separate from
capitalist system, which has害害 your
and.

Dedicated to,

My Parents,
My Brothers & Sisters especially:
Sooi Eung, Eileen, Nee Eng,
Dr. Choo Ming, Robin and Choo Wong.

Hong Kong,
My friends and all the Labourers in the world.

I. From 1911

1 Peter 2:11

Dear friends, I urge you, as aliens and strangers in the world, to abstain from sinful desires, which war against your soul.

1 Peter 2:11(NIV)

1 John 2:15 - 16

Do not love the world or anything in the world. If anyone loves the world, the love of the Father is not in him. For everything in the world - the cravings of sinful man, the lust of his eyes and the boasting of what he has and does - comes not from the Father but from the world.

1 John 2:15-16(NIV)

1.1 Pengenalan


Dalam masyarakat majmuk di Malaysia hari ini, orang-orang Cina merupakan etnik yang kedua besar selepas kaum bumiputera. Mengikut banci penduduk Malaysia tahun 1980, terdapat kira-kira 4,631,250 orang Cina di Malaysia.

Walaupun mereka ini berasal dari negeri China tetapi mereka bukanlah masyarakat yang bersifat homogenous. Masyarakat ini mempamirkan ciri-ciri kepelbagaian seperti dialek, suku kaum dan tempat asal mereka.¹

Ciri kepelbagaian yang paling ketara ialah perbezaan dialek.² Salah satu dialek yang kurang dikenali oleh masyarakat Malaysia hari ini ialah dialek Foochow (Hockchew) yang merupakan komuniti minoriti dalam masyarakat Cina Malaysia. Dialek ini dikaitkan dengan penduduk Cina di Sitiawan atau Sibu di Sarawak.³

Sitiawan adalah salah satu mukim yang terletak di dalam daerah Manjong (dulunya Dinding), Perak. Sitiawan mengandungi kawasan penempatan utama seperti Kampung Raja Hitam, Kampung Merbau, Kampung Jering, Pekan Ayer Tawar (termasuk Taman Ling Sing Hang, Ah Pi Kong, New Village, Taman Dindings dan lain-lain), Kampung Sitiawan, Simpang Empat (bandar Sitiawan), Simpang Tiga (Pekan Gurney), Simpang Dua, Kampung Koh, Kampung Bahru, Kampung China dan Kampung Selamat. Lihat peta 1.

-
1. Kepelbagaian ini adalah disebabkan oleh faktor sejarah di mana sebelum orang-orang Cina berhijrah dari China, mereka tinggal di wilayah-wilayah yang berdasarkan dialek dan suku kaum.
 2. Di Malaysia, terdapat sembilan kumpulan dialek Cina yang utama iaitu, Kantonis, Hokkien, Hakka, Hainanis, Teochew, Kwangtsai, Hockchew (Foochow), Hockchia dan Henghua. Setiap dialek ini mempunyai sub-dialek mereka. Contohnya, dialek Foochow mempunyai 10 sub-dialeknya yang tersendiri seperti Mingchang, Kutien serta Hockchang dan sebagainya.
 3. Pada masa sekarang, Sibu mempunyai bilangan penduduk Foochow yang terbanyak di Malaysia sementara Sitiawan menduduki tempat yang kedua. Namun begitu, Sitiawan merupakan tumpuan orang-orang Foochow di Semenanjung Malaysia. Sibu dikenali sebagai 'New Foochow' atau 'Sin Hook Chiu' dalam dialek Foochow sementara Sitiawan sebagai 'Siao Foo Zhou' dalam bahasa Mandarin. Lihat lampiran 2.



Peta 1 : Nama tempat - tempat di kawasan Sitiawan dan Lumut.

Sumber : Chan, Khoo dan Cho, 1971 : 187

Mukim ini berkeluasan kira-kira 100,000 ekar atau 157.5 batu persegi. Sebelum tahun 1935, mukim Sitiawan ditadbir sebagai satu mukim di Perak Selatan oleh Pejabat Daerah Teluk Anson (sekarang Teluk Intan). Namun demikian selepas 1935 hingga sekarang, Lumut telah menjadi pusat pentadbiran bagi Daerah Manjong.


Daerah Manjong didiami oleh sebahagian besar orang Hockchiu (Ginsburg, 1958:136). Kebanyakan orang Hockchiu menetap di sebelah selatan Perak iaitu Daerah Manjong kira-kira 50% (Laporan Am Banci Penduduk Malaysia 1970 : 67). Lihat peta 2.

Pada tahun 1921, terdapat kira-kira 8,800 orang Hockchiu (Foochow) di Semenanjung dan tidak kurang dari 3,278 orang Hockchiu dicatatkan menghuni di Mukim Sitiawan (Chan, Khoo dan Cho, 1970:65). Banci penduduk 1931, jumlah itu meningkat kepada 31,971 orang dan 11,693 daripada jumlah itu tinggal di Sitiawan (Cleland, 1963: 82). Pada tahun 1947, jumlah penduduk Hockchiu berjumlah 38,617 dan 15,372 daripada mereka tinggal di kawasan Sitiawan. Banci penduduk 1980 menunjukkan peningkatan jumlah penduduk Hockchiu besar iaitu berjumlah 68,736 orang. Statistik Majlis Bandaran Sitiawan menunjukkan 33,219 orang Hockchiu tinggal di kawasan Sitiawan (Ong, 1986 : 20).

Dalam mukim Sitiawan, mereka menduduki beberapa kawasan penempatan utama seperti Ayer Tawar, Simpang Dua, Simpang Tiga, Simpang Empat (bandar Sitiawan) dan Kampong Koh.⁴


Lihat peta 3.

4. Kampong Koh juga dikenali oleh masyarakat tempatan (Hockchiu) sebagai 'Mok Su Lau' yang bermakna 'Menara Paderi' kerana sebelum kedatangan orang Hockchiu yang ditaja dan dikelola-kan oleh Pertubuhan Methodist, tiada nama bagi Kampong Koh. Oleh itu sebuah menara dua tingkat kepunyaan seorang paderi dan juga rumah paderi-paderi lain telah digelar 'Menara Paderi' bagi Kampong Koh. (Article Dr. Gong Wei Ai), Gong Wei Ai, Sejarah Pemindahan Orang Foochow ke Sitiawan, Perak dalam Papers on Chinese Studies.



Peta 2 : Taburan Penempatan Kumpulan Dialek Cina di Semenanjung (1957).

Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan dari Tay Bee Eng, Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi UM, 1989.



Peta 3 : Penempatan Utama di dalam Mukim Sitiawan.

Sumber : Chan, Khoo dan Cho, 1971 : 186

1.2 Skop dan Kawasan Kajian

Kajian ini adalah mengenai buruh binaan dari dialek Foochow, khususnya dari Sitiawan Perak yang bekerja di Singapura. Fokus kajian adalah sektor pembinaan yang berdasarkan kepada buruh mahir (skilled worker), separuh mahir (semi-skilled worker) dan tidak mahir (unskilled worker). Selain itu, buruh yang mempunyai permit kerja dan tanpa permit kerja (illegal), sementara dan tetap juga menjadi sebahagian dari kajian ini.


Akibat dari penggunaan kaedah pemerhatian dan penglibatan diri sebagai method utama, satu tapak pembinaan telah dipilih sebagai kawasan kajian utama. Tapak pembinaan ini terletak di Balestier Road, Singapura yang sedang dalam proses pembinaan sebanyak 21 tingkat. Sila rujuk peta 4.

Pengkaji pernah bekerja di kawasan kajian ini pada April 1989, bersama-sama 16 orang Foochow dari Sitiawan. Kemudian jumlah ini telah bertambah akibat dari permintaan pihak pengurusan.⁵ Selanjutnya, sewaktu pengkaji melibatkan diri semula pada bulan April 1990, buruh-buruh binaan (tidak termasuk pihak pengurusan) berjumlah kira-kira 250 orang dan dari jumlah ini 32 orang adalah buruh Foochow Sitiawan.

Harus ditegaskan bahawa orang-orang Foochow dalam kes ini hanya mengkhusus dalam bahagian pembinaan yang digelar penyusunan bata (bricklaying) dan 'plastering'. Ini hanya melibatkan lelaki sahaja kerana wanita Foochow jarang melibatkan diri dalam sektor ini di Singapura. Ciri-ciri pekerjaan sektor ini dan keadaan tempat tinggal adalah tidak sesuai untuk kaum wanita. Lebih-lebih lagi terdapat banyak peluang pekerjaan yang dapat dilakukan oleh wanita seperti pelayan kedai makan, restoran, tukang jahit, pekerja kilang dan pencuci pinggan mangkuk.

Kebanyakan buruh Foochow Sitiawan berasal dari Kampung Bahru, Ayer Tawar. Oleh yang demikian, pengkaji juga akan membuat tinjauan

5. Pertambahan buruh Foochow ini dikesani semasa tinjauan awal (pilot survey) oleh pengkaji pada bulan Oktober 1989 iaitu lebih kurang setengah tahun kemudian.



di Sitiawan untuk melihat faktor penolakan ke Singapura. Lokasi penempatan di Sitiawan ditunjukkan oleh peta 5.

1.3 Objektif Kajian


Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kehidupan sosio-ekonomi orang Foochow dari Sitiawan yang terlibat dalam sektor pembinaan di Singapura. Minat terhadap bidang kajian ini timbul akibat pengalaman pengkaji sebagai buruh binaan selama beberapa tahun. Tambahan pula, kajian tentang buruh binaan atau buruh Foochow di Singapura belum pernah dilakukan selama ini.

Orang-orang Foochow yang bekerja di Singapura adalah merupakan imigran - imigran sementara yang akan pulang ke Sitiawan selepas beberapa ketika di situ. Kebanyakan mereka yang bekerja tanpa permit kerja (*illegal workers*) biasanya akan pulang ke Sitiawan selepas 2 bulan bekerja.⁶

Namun demikian, ada juga setengah daripadanya terus menetap di Singapura sehingga 2 tahun walaupun risikonya adalah begitu tinggi dari segi perundangan republik itu.

Akta pekerjaan bagi buruh dari luar negeri adalah lebih menguntungkan kerajaan Singapura di mana sistem 'levy' diperkenalkan.⁷ Tambahan pula, pekerjaan seperti ini dianggap sebagai 'lower job'⁸ yang biasanya tidak diceburi oleh penduduk Singapura.

-
6. Di bawah undang-undang imigresen Singapura, seseorang dari luar negeri (Malaysia) hanya dibenarkan masuk untuk kunjungan sosial (social visit) selama 2 bulan sahaja. Dalam masa dua bulan itu, pengunjung dikehendaki untuk keluar dari Singapura dalam masa 2 minggu sekali.
 7. Di bawah sistem 'levy' seseorang yang mengambil permit kerja dikehendaki membayar cukai kepala sebanyak S\$280.00 sebulan (April 1990) dan hanya mereka yang mendapat permit kerja 3 tahun sahaja diletak di bawah pembayaran EPF.
 8. Dalam kajian ini, penduduk Singapura hanya kelihatan dalam tingkat pengurusan (management) sahaja.



Peta 5 : Lokasi Penempatan di Kawasan Sitiawan.
 (Dipetik dari Chan, Khoo dan Cho, 1970 : 67)

Sumber : Ong Chek Yok, Latihan Ilmiah di UKM, 1986

Penekanan juga diberikan kepada soal kebijakan dan kehidupan sosial mereka seperti keadaan pekerjaan dan tempat bekerja, masalah tempat tinggal, perubatan, perhubungan awam, pengangkutan, pendapatan dan corak perbelanjaan serta aktiviti-aktiviti di masa lapang.

Dari segi keselamatan, pekerja yang tidak mempunyai permit kerja bukan sahaja tidak mendapat perlindungan dari segi undang-undang malah kebebasan untuk menetap dan bekerja di situ diancam oleh pihak berkuasa Singapura. Biasanya 'spot check' akan dilakukan oleh pihak tersebut dan golongan pekerja seperti inilah yang akan disuruh meninggalkan Singapura dan hanya dibenarkan untuk masuk semula selepas beberapa bulan kemudian dan ada kalanya selama setahun.

1.3.1 Hipotesis

Persoalan yang ingin saya jawab di sini ialah mengapakah orang-orang Foochow ini masih berhijrah ke Singapura walaupun terdapat pelbagai cabaran, risiko dan masalah yang perlu dihadapi? Bagaimanakah mereka boleh bertahan di Singapura dengan masalah-masalah tadi? Apakah faktor-faktor yang menolak dari Sitiawan dan faktor-faktor yang menarik di Singapura?

Pengkaji membuat beberapa andaian tentang persoalan ini.

Pertama, faktor kewangan. Buruh-buruh Foochow masuk ke pasaran Singapura kerana pendapatan yang diperolehi adalah jauh lebih baik daripada tempat asal mereka, walaupun terdapat risiko yang tinggi bagi mereka yang bekerja tanpa permit dan terpaksa tinggal di tapak pembinaan yang kotor dan tidak teratur, namun, faktor ekonomi ini dapat menebus kesukaran dan masalah mereka.

Kedua, Singapura lebih bersifat etnik Cina. Identiti kecinaan Singapura dan sikap pemerintah yang lebih mengutamakan pekerja keturunan Cina menjadi faktor penting kenapa mereka boleh bertahan di Singapura. Sementara itu buruh-buruh Foochow kurang mendapat peluang di negara sendiri.

Ketiga, identiti Sitiawan. Orang-orang Cina selalu mengklasifikasi diri mereka dalam satu-satu kesatuan suku kaum (clanship) (Ong, 1985:4). Dengan itu orang-orang Foochow Sitiawan selalunya mengaitkan diri mereka dengan identiti 'Foochow Sitiawan' bilamana mereka berada di luar kampung halaman mereka. Sikap dialek dan 'ethnic honour' ini menyebabkan mereka saling bantu - membantu

sebagai satu keluarga bila berada di kawasan orang lain. Sikap sebegini menyebabkan mereka dapat pergi dan bertahan di Singapura.

Jadi, dapat dirumuskan bahawa dari ketiga-tiga andaian di atas, faktor kedua dan ketiga merupakan sokongan kepada faktor pertama.

1.4 Kerja lapangan

1.4.1 Tempoh penyelidikan

Pengkaji memulakan kerjaluuar dari bulan April hingga June. Sebelum itu, pengkaji telah pergi ke kawasan kajian selama 5 hari untuk membuat tinjauan awal pada bulan Oktober, 1989. 'Pilot Survey' dilakukan untuk mengetahui sejauh manakah kajian ini dapat dilakukan. Di samping itu, ia juga membantu pengkaji dalam menyusun strategi bagi kajian ini. Pada 8hb. Mei, 1990, pengkaji memulakan kajian di Singapura secara melihatkan diri sebagai seorang buruh binaan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah pulang ke Sitiawan selepas bekerja selama sebulan di situ atas masalah-masalah yang dihadapi seperti masa untuk menyusun data, masalah kewangan dan masalah-masalah lain. Sejak itu, pengkaji sering berulang-alik dari Sitiawan ke Singapura untuk menjalankan kajian, khususnya secara temubual formal dan tidak formal. Selain daripada itu, borang soalselidik dibawa bersama dan maklumat-maklumat dari akhbar, buletin majalah, risalah serta laporan-laporan dari sektor berkenaan dikumpulkan di Singapura. Umpamanya, pengkaji telah pergi beberapa kali ke CIDB dan CITC di Singapura untuk mengumpulkan maklumat.⁹

9. CIDB adalah nama ringkasan bagi 'Construction Industry Development Board' iaitu satu badan yang ditubuhkan untuk membangunkan industri pembinaan di Singapura. Sementara itu CITC ialah 'Construction Industry Training Centre' untuk melatih buruh-buruh berskil dalam sektor pembinaan.

1.4.2 Method Kajian

Pengkaji mengabungkan beberapa kaedah kajian seperti pemerhatian dan penglibatan diri sebagai kaedah utama untuk mengumpulkan maklumat primary, temuramah dengan informan utama, temubual biasa, borang soalselidik, pemeriksaan ke atas laporan - laporan serta dokumen - dokumen lain yang berkaitan dan juga bahan-bahan tulisan lain yang berkaitan dengan sektor pembinaan.

1.4.3 Pemerhatian dan penglibatan diri


Dorongan untuk menggunakan method 'participant observation' ini adalah dari pengalaman pengkaji sebagai buruh binaan di Singapura sejak tahun 1983.¹⁰ Pengkaji pernah bekerja secara 'illegal' di Singapura pada tahun 1983, 1985 dan 1989. Hanya pada tahun 1987, pengkaji mengambil permit kerja untuk bekerja di kilang elektronik selama setengah tahun.

Dengan pengalaman yang ada dan identiti seorang buruh, maka pengkaji diterima dengan mudah oleh buruh-buruh lain semasa menjalankan kajian.¹¹ Namun demikian, pengkaji sedar bahawa kaedah ini harus digunakan dengan berhati-hati di mana nilai, sikap dan sentimen peribadi harus diketepikan supaya maklumat yang didapati tidak berat sebelah.

Kejayaan Malinowski mempelopori kaedah ini dalam kajiannya mengenai orang asli di Pulau Trobriand memberi ilham kepada pengkaji untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh buruh-buruh tadi. Hanya dengan cara ini pengkaji dapat merasakan penat-lelah, kesulitan, ketakutan serta masalah-masalah lain yang dihadapi oleh mereka. Umpamanya satu insiden telah berlaku semasa pengkaji sedang sibuk bekerja. (Lihat gambar 1 - 5). Selain daripada itu, buruh biasanya mudah menaruh syak-wasangka terhadap pendatang asing terutamanya mereka yang berpendidikan tinggi.

10. Pada ketika itu, pengkaji adalah buruh di bawah umur.

11. Pengkaji sebenarnya telah dikenali dan dianggap oleh mereka sebagai salah seorang dari masyarakat tersebut.



Gambar 1 : Kontainer ini biasanya digunakan untuk memuatkan bahan-bahan binaan seperti simen dan bata (pandangan dari sisi) dan ia ditarik ke tingkat-tingkat tertentu oleh krem yang ditunjukkan dalam gambar 3.



Gambar 2 : Perhatikan papan, kayu dan besi yang patah akibat dari hampasan kontainer di atas. Sebenarnya lubang ini adalah di atas pelantar yang dibina khas bagi memudahkan kerja-kerja pembinaan. (Perhatikan bahagian tepi kontainer yang kemek akibat dari hampasan di gambar 1).



Gambar 3 :

Krem ini akan menurunkan rantai besi bagi menarik kontainer atau barang - barang lain ke atas. Pemandu di puncak atas biasanya dihubungi dengan menggunakan isyarat tangan dan 'wireless radio'.



Gambar 4 : Kontainer ini bersama-sama dengan batu-bata yang beratnya beberapa tan telah tertangkal dari rantai besi krem bila dinaikkan setinggi 4 tingkat dan mengakibatkan lubang yang besar seperti dalam gambar 2 dan 5.



Gambar 5 : Lubang di atas pelantar akibat hampasan kontainer yang dinaikkan setinggi 4 tingkat. Insiden ini berlaku ketika pengkaji sedang sibuk bekerja di sekitarnya.

J. Lubang Pelantar

Pengkaji literatur menyatakan bahawa lubang pada pelantar bukanlah sebab-sabab bagi kematian tetapi ia merupakan faktor penyebab. Lubang pada pelantar boleh menyebabkan kesan berlumpur pada pelantar dan ia juga boleh menyebabkan kesan berlumpur pada jalan raya. Lubang pada pelantar boleh menyebabkan kesan berlumpur pada jalan raya dan ia juga boleh menyebabkan kesan berlumpur pada jalan raya.

1.4.4 Pendekatan Etnometodologi

Pendekatan ini digunakan untuk mengkaji tingkah-laku bukan 'verbal' dan tingkah laku 'verbal' (Bailey, 1978 : 477). Walaupun pendekatan ini memerlukan jangka masa yang panjang, namun pengkaji telah lama berada dalam masyarakat buruh binaan Foochow ini. Pendekatan ini ditumpukan kepada interaksi antara buruh-buruh binaan Foochow dan bagaimana mereka memberi makna kepada interaksi tersebut.

Etnometodologi digunakan untuk mengkaji fenomena biasa yang selalunya tidak dititikberatkan oleh pengkaji siasatan. Oleh itu, pengkaji cuba mengkaji aktiviti-aktiviti sosial harian yang biasa berlaku dalam kehidupan buruh binaan Foochow di Singapura. Selain dari itu, Etnometodologi memberikan pemahaman bagaimana responden memahami soal-selidik dan kenapa mereka menjawab sebagaimana mereka menjawab (Bailey, 1978 : 477).

1.4.5 Soalselidik

Borang soalselidik disediakan untuk memeriksa (probing) semula setengah-setengah data yang telah dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian dan penglibatan diri. Ia juga berfaedah untuk mengesan latarbelakang buruh-buruh binaan serta soal-soal peribadi yang tidak dapat diperhatikan.

Dua jenis bentuk soalan disediakan iaitu soalan berbentuk 'close-ended' untuk memudahkan para responden dan pengkaji sendiri dan soalan yang bercorak 'open-ended' untuk memperolehi pendapat, pandangan serta penjelasan dari informan.

1.4.6 Temubual biasa

Pengkaji biasanya cuba mengambil kesempatan untuk berbual-bual dengan buruh-buruh binaan lain semasa bekerja atau ketika waktu rehat. Dalam setiap perbualan, pengkaji mengemukakan soalan yang kurang berstruktur supaya mereka tidak terasa yang diri mereka sedang ditemubualkan. Seringkali pengkaji mencatatkan maklumat yang diberikan di atas kertas kotor semasa menjalankan tugas apabila tidak diperhatikan oleh orang lain.

1.4.7 Temuramah dengan Informan Utama

Dua orang 'key respondent' telah dipilih iaitu sub-kontraktor yang merupakan majikan kepada buruh-buruh binaan dan projek manager dari pihak pengurusan. Dalam kes ini kedua-dua responden adalah berasal dari Sitiawan.

Dari sub-kontraktor yang juga majikan kepada pengkaji, banyak maklumat penting dan pendapat diperolehi. Sementara itu, projek manager yang telah mengenali pengkaji telah memberikan penerangan yang panjang lebar mengenai sektor pembinaan (construction) ini terutamanya yang berkaitan dengan buruh-buruh dari Sitiawan. Namun begitu, beberapa temujanji terpaksa dibuat sebelum dapat menemuramah mereka.

1.4.8 Kajian dokumen dan perpustakaan

Pembacaan awal mengenai komuniti Cina - Foochow Sitiawan adalah penting untuk memahami sejarah dan latarbelakang orang-orang Foochow ini. Kefahaman tentang proses sejarah ini dapat membantu pengkaji menjalankan penyelidikan dengan lebih baik.

Walaupun kajian terhadap komuniti Foochow di Sitiawan kurang dilakukan, namun pengkaji dapat memperolehi beberapa kajian mengenai sejarah penghijrahan komuniti Foochow ke Sitiawan dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Asia Tenggara Universiti Malaya dan tempat-tempat lain.

Selain dari rujukan kepada buku-buku latihan ilmiah, tesis, laporan-laporan, majalah artikel, suratkhabar dan cetakan-cetakan kerajaan juga diselidiki.

1.4.9 Masalah dan Limitasi Kajian

Masalah 'entry permit' tidak dihadapi oleh pengkaji dalam kajian buruh binaan kerana 'rapport' telah terbina sejak beberapa tahun yang lalu. Pengkaji telah dikenali sebagai salah seorang dari buruh-buruh Foochow Cina Sitiawan di Singapura.

Masalah utama ialah limitasi masa di mana kajian ini terpaksa dibuat dalam masa lapan bulan dan pada masa yang sama pengkaji juga dikehendaki mengikuti pelajaran seperti biasa. Ini menyebabkan kaedah 'participant observation' tidak dapat dilakukan dengan berkesan. Oleh itu pengkaji mengabungkan kaedah 'interview' untuk menjimatkan kos dan masa. Penggunaan kaedah borang soal selidik mempunyai beberapa kebaikan, antaranya ialah menjimatkan kos dan masa (Babbie, 1975 : 279).

Kesuntukan masa juga mengakibatkan rujukan kepada bahan-bahan bacaan lain tidak meluas. Di samping itu, ia juga menghalang pengkaji untuk meneliti, menyusun dan mengordinasikan latihan ilmiah ini seperti yang dirancangkan.

Data-data sekunder seperti fail-fail kerajaan terutamanya statistik mengenai buruh-buruh tidak dapat diperolehi.¹² Pada masa yang sama, terdapat responden yang tidak begitu bekerjasama dan memberi jawapan secara sambil-lewa sahaja. Sebagai sahabat kepada buruh binaan ini, maka pengkaji terpaksa menggunakan kebijaksanaan untuk mengungkil maklumat-maklumat daripada mereka. Borang soal selidik ini sebenarnya dibuat pada kali terakhir lawatan pengkaji ke Singapura untuk tujuan penyelidikan.

Akhir sekali, disebabkan jarak antara Sitiawan dengan Singapura adalah jauh, pengkaji terpaksa tinggal di situ untuk beberapa lama dan ada kalanya terpaksa berulang - alik beberapa kali. Semua ini ditambah pula oleh nilai pertukaran wang Singapura yang tinggi menyebabkan pengkaji terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi. Risiko bekerja tanpa 'work permit' serta menjalankan penyelidikan tanpa kebenaran kerajaan Singapura mengingatkan pengkaji supaya selalu berwaspada.

12. Atas sebab - sebab tertentu, pengkaji tidak memohon kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Singapura. Jadi penyelidikan ini dijalankan secara tidak formal.

1.5 Ulasan Tulisan Karya-karya Terpilih

Banyak kajian ke atas buruh telah dilakukan tetapi setakat ini kajian yang khusus kepada buruh Cina amat kurang. Lebih-lebih lagi tiada sebarang kajian yang dilakukan khas kepada analisis semasa buruh-buruh migran Cina dari Sitiawan.¹³

Penulisan mengenai komuniti Cina telahpun banyak dibuat tetapi kebanyakannya lebih memberi perhatian kepada proses migrasi dan latarbelakang sejarahnya. Purcell dalam bukunya The Chinese in Malaya (1948) dan The Chinese in Southeast Asia (1957) menjelaskan mengenai sejarah kedatangan orang-orang Tionghua ke rantau ini.

Sementara itu Gong Wei Ai dalam artikelnya 'Sejarah Pemindahan Orang Foochow ke Sitiawan, Perak' menceritakan tentang kejayaan penerokaan Sibu oleh orang Foochow telah memberi ilham bagi pembukaan Sitiawan. Perkembangan sejarah dan masalah-masalah orang Foochow di peringkat awal banyak diutamakan tanpa memberi perhatian kepada proses pekerjaan mereka yang kebanyakannya adalah buruh-buruh kasar dan juga buruh migran.

Ting Chew Peh pula dalam bukunya The Chinese in Peninsular Malaysia (1980) telah meninjau struktur sosial masyarakat Cina di Malaysia dari segi diversiti, stratifikasi dan pertubuhan-pertubuhannya. Tulisan-tulisan beliau yang lain termasuk 'Komuniti Cina di Sitiawan' (1975) dan 'Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Cina di Malaysia' (1977). Sementara itu Chan, Khoo dan Cho pernah menulis dalam 'Journal of Southeast Asian Studies' (1970) mengenai kawasan-kawasan penempatan orang-orang Foochow di Sitiawan, Perak dan mengenai nama-nama tempat di Sitiawan (1971).

Banyak lagi kajian dibuat ke atas komuniti Cina tetapi tidak ditumpukan kepada buruh-buruh migran Cina yang menjadi satu fenomena ketara di mana-mana sekalipun. Tokoh-tokoh lain yang pernah menulis

13. Harus diingatkan bahawa dalam memperkatakan Sitiawan, ia secara tidak langsung akan dikaitkan dengan orang Foochow yang menjadi majoriti dalam komuniti Cina Sitiawan.

mengenai komuniti Cina termasuk Ginsburg, Chen Ta, Maurice Freedman, Wolfgang, Hsieh, Tien Ju K'ang, Cheng Lim Keak, Somers Heidhues, Puroell, Wang Gungwu dan Stephen Leong.

Satu kajian baru mengenai komuniti Cina iaitu komuniti Hockchiu di Sitiawan telah dilakukan oleh Ong Chek Yok dalam latihan ilmiahnya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan ilmiahnya yang bertajuk 'Pola Sosio-budaya dan Mobiliti dalam Komuniti Hockchiu di Sitiawan, Perak' (1986). Perbincangan beliau tertumpu kepada sejarah kedatangan orang - orang Foochow ke Sitiawan dan pengekalan trait-trait budaya mereka sehingga sekarang. Penekanan lebih ditumpukan kepada soal keperoayaan dan upacara - upacara serta perayaan - perayaan yang berbentuk keagamaan dan bukan keagamaan. Sedikit sahaja perbincangan dibuat mengenai aspek pendidikan formal dan pekerjaan orang-orang Foochow di Sitiawan.

Kajian terbaru mengenai komuniti Cina di Sitiawan dilakukan oleh Koh Eng Bing dalam tesis sarjana di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya mengenai buruh migran masyarakat ini. Tesisnya yang bertajuk 'Sejarah buruh - buruh keturunan Cina Sitiawan di Singapura' memberi perhatian kepada proses sejarah sebagai faktor penting mendorong penghijrahan orang-orang Foochow ke Singapura. Sejarah penjajahan British yang memperkenalkan sistem ekonomi kapitalisme telah memberi kesan negatif kepada penduduk Sitiawan.

"Sementara itu akibat dari kapitalisme itu telah menyebabkan struktur ekonomi Sitiawan runtuh dan ini telah menyebabkan penduduk Foochow yang masih bekerja pada kerja yang sebelumnya adalah tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka. Dengan ini, mereka terpaksa menyara hidup keluarganya dengan sumber lain iaitu dengan migrasi ke kawasan bandar di mana peluang pekerjaan dan upah adalah lebih tinggi." (Koh, 1989 : 5)

Kenyataan ini menunjukkan Sitiawan merupakan kawasan luar bandar yang saling bergantung (interdependency) dengan bandar-bandar lain. Penerusan sistem ekonomi kapitalisme sehingga kini menyebabkan hubungan 'metropolis - satelite' berlaku di mana buruh-buruh Foochow terpaksa pergi ke Singapura (metropolis) untuk mencari sumber kewangan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, kesimpulan yang dibuat oleh Koh agak kurang tepat kerana sejak awal kajiannya, beliau terlalu bergantung kepada fakta-fakta sejarah dari kajian-kajian lepas, majalah, laporan, artikel, jurnal dan sebagainya. Data primer pula berdasarkan kepada temubual dan borang soalselidik yang lebih berbentuk kuantitatif. Perspektif sejarahnya tidak mengambilkira faktor tolakan lain seperti sikap, nilai, norma, persepsi dan mentaliti buruh Foochow serta tekanan pekerjaan seperti perhubungan mereka dengan majikan di tempat asal dan sebagainya. Oleh itu, analisa secara kualitatif tidak kelihatan dan perhatian adalah terlalu kurang kepada keadaan sosio-ekonomi dan masalah mereka semasa buruh Foochow berada di Singapura.

Sepanjang usaha dalam penyelidikan ini, belum lagi saya temui hasil penyelidikan yang bercorak kualitatif ke atas buruh migran Foochow Sitiawan di Singapura. Oleh itu, saya berharap kajian ini akan memberi sumbangan dan signifikan kepada perkembangan akademik khasnya.

2.1 Pengenalan

Bab ini menguraikan sebab - sebab buruh Foochow berhijrah ke Singapura walaupun kebanyakannya hanya untuk jangkamasa pendek sahaja.

Faktor tolakan dari tempat asal seperti peluang pekerjaan yang terhad, ekspektasi terhadap hasil pulangan yang tinggi dari pihak majikan, gaji yang tidak setimpal dengan tenaga buruh yang dicurahkan, keengganahan golongan muda untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian dan mentaliti serta persepsi terhadap sikap pemerintah atau kerajaan pada masa ini merupakan faktor penting mendorong mereka berhijrah ke Singapura.

Sebaliknya faktor tarikan seperti gaji yang tinggi di Singapura, peluang pekerjaan yang terbuka di mana Singapura masih bergantung kuat kepada buruh-buruh luar, keadaan kerja yang lebih baik, corak kehidupan bandar dan identiti kecinaan Singapura menjadi pokok perbincangan dalam bab ini. Selain daripada itu, faktor-faktor yang menyokong kepada migrasi seperti tahap dan aliran pendidikan formal dan pengenalan suku kaum (olan) orang-orang Sitiawan di Singapura termasuk informasi dan pengaruh rakan-rakan atau saudara-mara sebelum ke Singapura buat kali pertamanya juga akan dibincangkan.

2.2 Faktor-faktor yang mendorong kepada penghijrahan

2.2.1 Faktor ekonomi

Faktor ekonomi dalam konteks ini merujuk kepada upah yang diterima dalam bentuk wang dan taraf hidup¹ keluarga buruh-buruh di Sitiawan.

Menurut Koh Eng Bing, 1989

"..... perbezaan pendapatan merupakan salah satu

1. Taraf hidup di sini bererti jumlah barang dan perkhidmatan yang seseorang perolehi dalam kehidupan ekonominya.

faktor penting yang menyebabkan mereka bekerja di sana. Didapati 91.8% daripada jumlah buruh kajian pergi ke Singapura kerana tarikan gaji yang lebih tinggi. Selain dari ini, peluang buruh - buruh Foochow Sitiawan mendapat pendapatan yang lebih tinggi boleh berlaku dengan senang dan cepatnya di Singapura.

Berbanding dengan kajian ini di mana 100% buruh binaan Foochow ke Singapura didorong oleh bayaran upah yang lebih tinggi. Masalah kekurangan pekerjaan dalam sektor pembinaan dan sektor-sektor lain di Malaysia tidak dijadikan alasan oleh buruh-buruh binaan semasa ditanya oleh pengkaji.²

Sementara itu 90.4% dari buruh ini terpaksa pergi ke Singapura kerana mereka menghadapi masalah kekurangan pekerjaan di Sitiawan. (Koh, 1989:27)

Walaupun penemuan Koh mempunyai asas kebenarannya namun ia didasarkan kepada keseluruhan buruh-buruh Foochow ke Singapura sementara pengkaji menumpukan kajian ke atas buruh binaan sahaja. Oleh itu, dari 15 orang responden yang ditemubualkan,³ kesemuanya mengatakan bahawa mereka sanggup meninggalkan kampung halaman untuk pergi ke Singapura semata-mata kerana bayaran upah yang lebih baik. Dengan adanya pendapatan yang memuaskan, mereka dapat menghantar pulang sejumlah wang bagi membantu keluarga mereka di kampung. Di samping itu, pemisahan dari keluarga dengan cara yang demikian dapat mengurangkan bebanan untuk menanggung kehidupan mereka. Tambahan pula, pada masa ini nilai matawang Singapura adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai matawang Malaysia. Pada bulan May, 1990,

-
2. Buruh binaan selalunya menceburি sektor-sektor pekerjaan lain bila sesuatu projek pembinaan itu siap. Jadi pekerjaan sebagai buruh binaan bukannya secara tetap dan berterusan.
 3. Sebenarnya pengkaji telah lama bersama buruh-buruh binaan di Singapura. Penjelasan dari 15 orang ini hanya untuk membuktikan kebenaran perhatian pengkaji.

nilai wang Singapura adalah 1.43 wang Malaysia.⁴ Ini bermakna dengan gaji sebanyak S\$35.00 bagi buruh binaan kasar (unskilled workers), ia adalah bersamaan dengan \$50.05 wang Malaysia. Didapati juga pada bulan Mei ini, kadar upah S\$35.00 bagi kategori buruh binaan kasar merupakan bayaran yang paling minima sekali. Kategori buruh ini biasanya dibayar sebanyak S\$35.00 - S\$45.00 sehari.⁵ Dengan ini boleh dikatakan seseorang yang bekerja sehari di Singapura adalah bersamaan lebih kurang 2 hari bekerja di Malaysia.

Construction Industry Development Board (CIDB) melaporkan bahawa gaji bagi buruh binaan di Singapura adalah antara yang paling tinggi di rantau ASEAN.

"Local construction workers were the highest paid in the ASEAN Region. The daily wage levels of semi-skilled workers in these countries, with the exception of Brunei are between 13% and 69%⁶ of that enjoyed by their Singapore counterparts."

Buruh separuh mahir (semi-skilled workers) dibayar S\$36.00 - S\$40.00 sehari sementara bagi yang mempunyai kemahiran (Skilled workers) dibayar sebanyak S\$45.00 - S\$60.00 sehari.⁷

Walaupun kos hidup di Singapura adalah lebih tinggi akibat dari taraf kehidupan yang lebih tinggi, namun dengan mengurangkan perbelanjaan ke atas hiburan dan barang mewah serta menghadkan

-
4. Nilai matawang adalah tidak tetap dan sentiasa berubah - ubah mengikut keadaan ekonomi sesebuah negara. Pada bulan Ogos, 1990, nilai wang Singapura pernah mencapai 1.48 wang Malaysia di mana pada 1hb. September pula ia adalah sebanyak 1.514 wang Malaysia dan pada 8hb. September sebanyak 1.52 wang Malaysia.
 5. Sub-kontraktor yang berwarganegara Singapura biasanya memberi upah yang lebih tinggi dari sub-kontraktor dari Sitiawan atau Malaysia.
 6. Construction Industry Development Board; News letter of the Construction Industry in Singapore, Vol. 1 No. 8 September, 1989.
 7. Skima gaji ini hanya khas kepada buruh - buruh Foochow Sitiawan sahaja. Pekerja Thai, Filipina dan Sri Lanka biasanya mendapat hanya 50% - 60% dari gaji buruh-buruh Foochow tersebut.

perbelanjaan ke atas barang asas, maka dapatlah mereka menambah simpanan wang di bank dan selebihnya dihantar pulang sebagai bantuan kepada keluarga mereka di Sitiawan.

Di Malaysia, bayaran gaji kepada seorang buruh kasar (unskilled workers) adalah sebanyak M\$18.00 - M\$25.00 sehari. Sementara yang mahir (skilled workers) dibayar sebanyak M\$30.00 - M\$35.00 sehari. Jadi, perbezaan gaji yang begitu ketara merupakan faktor penting kepada migrasi buruh - buruh ke Singapura.

Seorang buruh bergelar 'Tan Ngan'⁸ menyatakan

"Buruh mahir hanya dibayar sebanyak M\$30.00 - M\$32.00 sahaja. Saya dibayar M\$35.00 kerana bekerja dengan abang sendiri semasa di Sitiawan dua bulan yang lalu."

Ramai di antara buruh binaan Foochow menganggap kesukaran dan masalah yang dihadapi adalah sementara sahaja, yang pentingnya ialah untuk mendapatkan wang atau keuntungan yang lebih. Oleh itu, boleh dikatakan segala masalah dan kesulitan yang dihadapi dapat ditebus oleh wang yang diperolehi di Singapura.

2.2.2 Faktor Sosial

a) Tahap dan aliran pendidikan formal

Tahap pendidikan formal dan jenis aliran bahasa pengantar biasanya akan mempengaruhi hiraku dan bentuk pekerjaan yang diceburi oleh seseorang individu. Seseorang yang berpendidikan rendah biasanya akan bekerja sebagai buruh kasar sahaja dan tidak cukup kelayakan untuk bekerja sebagai seorang kerani atau pentadbir. Sementara seseorang yang berpendidikan tinggi biasanya akan menceburi bidang pengurusan, pentadbiran serta menduduki tangga yang lebih tinggi dalam hiraku pekerjaan sesebuah organisasi. Begitu juga dengan jenis aliran bahasa pengantar dalam sistem pendidikan seperti aliran bahasa

8. Selalunya buruh binaan Foochow memberikan nama jolokan kepada rakan - rakan mereka. 'Tan Ngan' dalam dialek Foochow bermaksud 'sebelah mata'.

Cina, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil boleh mempengaruhi pihak majikan dalam pengambilan tenaga kerja dalam organisasinya. Oleh itu, kedua - dua tahap pendidikan dan jenis aliran pendidikan dapat mempengaruhi mobiliti seseorang dalam stratifikasi pekerjaan.

Dalam kes buruh binaan Foochow di Singapura, mereka mengakui bahawa dengan tahap pendidikan yang mereka perolehi tidak cukup untuk berkecimpung dalam sektor formal. Selain itu, mereka tidak fasih dalam bahasa Malaysia dan tiada pengetahuan langsung dalam bahasa Inggeris terutamanya. Dari 'sample' pengkaji, 46.7% daripada mereka mendapat pendidikan sehingga darjah 6 dan 46.7% lagi telah memperolehi pendidikan sehingga tingkatan 3. Hanya 6.7% telah memperolehi tahap pendidikan tingkatan 5. Dari segi aliran pendidikan, sebanyak 93.3% pernah belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) sehingga darjah 6 dan hanya seorang (6.7%) sahaja yang berpendidikan dari aliran Inggeris sejak sekolah rendah lagi. Dari temubual pengkaji pula, lebih ramai lagi yang berpendidikan setakat darjah 4 hingga darjah 6 serta beraliran bahasa Cina. (Lihat Jadual 1)

Mereka sering menyesali nasib kerana tidak berpendidikan tinggi dan meluahkannya seperti,

"Kalau saya boleh bertutur 'En Mou Sai' dan berpendidikan lebih tinggi sedikit, tidak perlulah saya bekerja begitu susah dalam 'Chu Gen' ini." 9

Kelohan seperti ini membuktikan bahawa tahap pendidikan dan aliran yang berkaitan telah mengikat mereka kepada kerja-kerja kasar sahaja.

-
9. 'En Mou Sai' dalam dialek Foochow adalah sindiran kepada bahasa Inggeris dan 'Chu Gen' selalunya merujuk kepada kerja - kerja kasar yang tidak dipandang tinggi dalam komuniti tersebut.

Jadual 1 : Tahap - tahap dan aliran pendidikan

Tahap Pendidikan	Aliran						
	Cina	%	Inggeris	%	Melayu	%	Jumlah
Darjah 1 - 3							
Darjah 4 - 6	7	46.67					46.67
Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3			1	6.67	6	40	46.67
Tingkatan 4 - 5					1	6.67	6.67
Jumlah		46.67		6.67		46.67	100

pendidikan. Maka ia adalah sebahagian sekutuhan yang sangat penting dengan berbilang bukti bukti pendidikan. Sekiranya kita mengamati dalam jenama dan jenama pendidikan di Singapura, ia adalah

12. Jumlah pendidikan pada 12 tahap di Singapura tidak dibatasi.

13. Jumlah pendidikan tergantung di antara peratusan pula dan antara antara pengeluar (berdasarkan pada 10 jenama) dan antara antara pengeluar dengan maklum balas (berdasarkan 3 jenama).

14. Pihak majlis pendidikan berharapkan jumlah kelulusan bukti per tahun akhir mengikut para pengajar pada setiap 100, walaupun bilangan yang mungkin dapat mengikuti 600 bukti di Australia sebenarnya hanya 500 bukti bukti di Singapura (CEB report February, 1957).

15. Pengajar diturunkan untuk pengajar pengajar dan mengajar bahasa Inggeris antara pengeluaran 15 orang pengajar mengajar yang masing berada di Singapura.

b) Tugas kerja pembinaan yang lebih berat di Malaysia

Secara amnya, kerja pembinaan bagi buruh di Malaysia dan Singapura mempunyai beberapa perbezaan yang ketara. Pertamanya, pihak majikan lebih cerewet dan tegas serta mengeksplotasikan tenaga kerja dengan secukupnya. Ini dapat dilihat dari segi jumlah jam bekerja dalam sehari. Di Malaysia, terutamanya di Sitiawan, seorang buruh biasanya bekerja selama 9 jam sehari iaitu dari 8 pagi hingga 6 petang,¹⁰ sementara di Singapura seseorang buruh hanya perlu bekerja dari 8 pagi hingga 5 petang. Waktu yang selebihnya dikira sebagai tambahan kepada jumlah jam bekerja dalam sehari. Keadaan yang sama berlaku dalam konteks masa rehat. Di Singapura, buruh-buruh binaan biasanya mengambil masa 15 hingga 30 minit untuk 'dian sin'¹¹ tetapi pihak majikan di Sitiawan biasanya mula menarik muka bila pekerja mengambil masa lebih dari 15 minit. Ini berpunca dari keinginan pihak majikan untuk mengaut keuntungan maksima di mana hasil kerja dari tenaga buruh merupakan pendapatan majikan. Tentu sekali pihak majikan cuba menekan pekerja untuk bekerja dengan lebih cepat dan berkesan.¹² Sebaliknya, pihak majikan di Singapura sering berinteraksi rapat dengan pekerja-pekerjanya. Malahan terdapat setengah sub-kontraktor yang tinggal bersama dengan buruh-buruh di kawasan pembinaan. Sub-kontraktor dalam kajian ini merupakan orang Foochow dari Sitiawan.¹³

10. Waktu rehat dari pukul 12 hingga 1 tengahari tidak dikira.

11. 'Dian sin' bermakna sarapan di antara sarapan pagi dan waktu makan tengahari (biasanya pukul 10 pagi) dan waktu antara makan tengahari dengan makan petang (biasanya 3 petang).

12. Pihak majikan mendapat keuntungan berdasarkan jumlah keluasan kawasan yang telah dibina mengikut cara pengukuran yang tertentu. Seorang buruh binaan yang mahir dapat menyusun 680 bata di Australia sementara hanya 500 ketul bata di Singapura (CIDE report February, 1989).

13. Pengkaji difahamkan oleh pengurus projek dan majikan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 15 orang sub-kontraktor yang masih berada di Singapura.

Kemesraan antara pekerja dengan majikan sedikit-sebanyak mempengaruhi ketegasan seorang ketua dalam sesuatu organisasi.

Keduanya, bekerja di Sitiawan biasanya terpaksa berjemor kerana rumah-rumah yang dibina adalah jenis persendirian sementara rumah yang dibina di Singapura kebanyakannya merupakan bangunan yang bertingkat-tingkat milik kerajaan. Oleh itu kerja-kerja seperti melapis dinding (plastering), menyusun bata (bricks laying) dan sebagainya tidak banyak mengambil tempat di bawah sinaran matahari. Kedua-dua keadaan ini dijadikan alasan oleh buruh binaan Foochow bila ditanya mengenai perbezaan kerja pembinaan antara Sitiawan dan Singapura.

2.2.3 Sikap dan mentaliti orang - orang Foochow Sitiawan

Generasi muda di Sitiawan tidak lagi berminat bekerja dalam sektor pertanian yang telah menjadi pekerjaan tradisi sejak pembukaan Sitiawan oleh orang-orang Foochow. Menoreh getah merupakan salah satu pekerjaan utama di kawasan ini tetapi kini sudah mula ditinggalkan oleh generasi muda. Golongan muda merasakan pekerjaan menoreh getah tidak mencabar serta menjatuhkan status mereka. Ramai golongan muda menganggap pekerjaan menoreh getah serta pekerjaan lain dalam sektor pertanian tidak sesuai untuk orang muda kerana ia amat memalukan serta tidak mempunyai prospek yang baik. Sikap begini ketara di kalangan pemuda-pemuda yang masih belum berumahtangga. Mereka lebih suka mencari pekerjaan yang lebih mencabar di negeri orang.¹⁴

Golongan muda ini lebih tertarik kepada kehidupan di bandar kerana banyak terdapat hiburan dan kemudahan. Di samping itu, mereka merasakan diri mereka dipandang tinggi oleh penduduk tempatan walaupun pekerjaan mereka di bandar adalah antara yang paling rendah sekali. Orang-orang Foochow Sitiawan mempunyai satu kata pepatah yang berbunyi, "Orang yang berguna atau berkebolehan tidak akan menetap di tempat asalnya sendiri malah mencari kehidupan lebih baik di tempat lain."

14. Pada masa sekarang terdapat pemuda-pemuda Foochow dari Sitiawan pergi ke Amerika Syarikat, Holland dan Australia untuk bekerja sebagai buruh migran.

Kajian Ong juga menunjukkan golongan muda lebih mobil. 42.5% daripada responden Foochow Sitiawan cenderung berpindah ke kawasan lain manakala 57.5% pula tidak ingin berpindah. Golongan yang tidak ingin berpindah ini sebahagian besar daripadanya adalah orang-orang yang telah tua. (Sila rujuk pada Jadual 2)

Golongan remaja yang pulang ke Sitiawan pada musim-musim perayaan sering mengayakan fesyen-fesyen pakaian, rambut dan sebagainya yang bercorak moden dan terkini (*up to date*). Kebanggaan diri yang ditonjolkan ini juga amat mempengaruhi remaja lain yang tidak berminat dalam pelajaran dan kurang terdedah kepada dunia luar untuk bekerja di Singapura. Mengikut kata pepatah bahasa Cina, 'Bulan lebih bulat di negeri orang'.

2.3 Pengenalan suku kaum (clan) orang-orang Foochow Sitiawan di Singapura

Buruh-buruh migran biasanya memerlukan bantuan pihak tertentu untuk berhijrah buat kali pertamanya ke Singapura. Bantuan seperti tempat tinggal, wang dan panduan kepada persekitaran yang baru serta bantuan mencari pekerjaan adalah amat penting bagi buruh-buruh migran yang baru.

Orang-orang Sitiawan biasanya menghulurkan pelbagai jenis bantuan kepada anggota-anggota komuniti mereka semasa berada di luar Sitiawan. Bantuan ini sentiasa dihulurkan dengan adanya 'we feeling' di sanubari masing-masing kerana mereka ini berasal dari satu kawasan yang sama. Apalagi kalau mereka yang baru tiba di Singapura itu merupakan rakan, saudara-mara atau anggota keluarga sendiri. Dalam kes buruh binaan di Singapura, hampir kesemuanya telah mempunyai rakan, saudara-mara atau anggota keluarga sendiri semasa pemergian mereka ke sana untuk tujuan bekerja buat kali pertamanya. Hanya seorang sahaja yang diketahui mempunyai rakan dari warganegara Singapura telah mengajaknya untuk bekerja di republik itu pada 1970an.

Seorang buruh bergelar 'Ma Tak'¹⁵ memberitahu pengkaji bahawa

15. 'Ma Tak' adalah nama jolokan seorang buruh binaan yang bermaksud anggota polis dalam dialek Foochow.

Jadual 2 : Hubungan umur dengan keinginan untuk berpindah

Umur	Keinginan untuk berpindah			
	Ingin		Tidak ingin	
	F	(%)	F	(%)
31 - 40	9	(11.25)	5	(6.25)
41 - 50	16	(20.0)	17	(21.25)
51 - 60	5	(6.25)	10	(12.5)
61 - 70	0	(0.0)	8	(10.0)
71 - 80	3	(3.75)	6	(7.5)
81 - 90	1	(1.25)	0	(0.0)
Jumlah	34	(42.5)	46	(57.5)

Sumber : Ong Chek Yok, 'Pola sosio - budaya dan mobiliti dalam komuniti Hookohiu di Sitiawan, Perak'. (Latihan ilmiah 1986 - UKM).

beliau tidak pernah datang ke Singapura dan ini adalah kali pertama baginya. Beliau ke sana kerana diajak oleh rakan untuk bekerja sebagai buruh binaan di mana pendapatan adalah lumayan sementara nilai wang Singapura lebih tinggi dari nilai wang Malaysia.

Sebelum pergi ke Singapura untuk kali pertama, buruh-buruh ini telahpun mendapat informasi dari rakan-rakan yang pulang mengenai keadaan kerja di Singapura. Ada setengahnya pula menyuruh rakan mereka untuk mencari pekerjaan untuknya di Singapura. Sekiranya majikan memerlukan tambahan buruh, mereka yang berada di kampung atau telah tiba di Singapura akan dihubungi. Buruh-buruh yang pulang juga biasanya akan mengajak rakan-rakan, saudara-mara mereka ke Singapura untuk bekerja. Adakah ajakan ini dilakukan melalui surat dan telefon atau melalui rakan-rakan yang pulang pada masa-masa yang tertentu.

Sebagai buruh migran, orang-orang Foochow lazimnya hanya membawa sedikit wang untuk tambang ke Singapura. Oleh itu, setibanya di Singapura, mereka mendapat perlindungan, tempat tinggal, serta bantuan kewangan dari rakan atau saudara-mara di situ. Sub-kontraktor selaku majikan kepada buruh binaan ini kebanyakannya juga merupakan buruh migran dari Sitiawan. Dengan ini mereka yang berpengalaman dalam sektor pembinaan di Singapura biasanya tidak menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan kerana sub-kontraktor - sub-kontraktor ini merupakan orang yang dikenali. Bantuan kewangan juga sering diberikan oleh sub-kontraktor sebelum buruh ini memulakan pekerjaan mereka.

2.4 Pengalaman dan Fleksibiliti kerja dalam sektor pembinaan.

2.4.1 Pengalaman kerja sebelum ke Singapura

Pengalaman kerja sebelum pergi ke Singapura sebagai buruh migran adalah penting supaya individu dapat menyesuaikan diri dalam keadaan-keadaan yang mencabar. Ini adalah kerana layanan bagi buruh migran adalah tidak sama dengan buruh-buruh tempatan.

Dalam sektor pembinaan di Singapura, buruh-buruh migran Foochow Sitiawan telahpun mempunyai pengalaman kerja dalam sekurang-kurangnya satu jenis pekerjaan di tempat asal.

Jadual 3 : Bilangan jenis pekerjaan yang pernah diceburi sebelum ke Singapura

Bilangan Pekerjaan	Jumlah Orang	%
1 jenis	4	26.67
2 jenis	7	46.67
3 jenis	4	26.67
Jumlah	15	100

Dari Jadual 3, kesemua buruh binaan pernah menceburi sekurang-kurangnya satu jenis pekerjaan sebelum pergi ke Singapura. 46.7% pernah melakukan 2 jenis pekerjaan dan 26.7% telahpun berpengalaman bekerja lebih dari dua jenis pekerjaan di tempat asal. Walaupun ada di antara mereka yang masih muda tetapi telah menceburi lebih dari dua jenis pekerjaan. Namun demikian ini tidaklah menghairankan kerana bagi mereka yang miskin di Sitiawan, sejak kecil lagi menoreh getah di waktu subuh dan pergi ke sekolah pada waktu pagi adalah menjadi satu kebiasaan. Di sebelah petang pula, mereka membantu keluarga dalam sektor pertanian atau kerja-kerja pertukangan.

Jenis pekerjaan yang paling kerap diceburi sebelum ke Singapura adalah dalam sektor pertanian yang meliputi 44.4% iaitu 37% penoreh getah dan 7.4% pekebun sayur. Sebanyak 25.9% telahpun mempunyai pengalaman kerja dalam sektor pembinaan dan selebihnya sebagai tukang kayu, tukang cat, pekerja elektrik, pelayan restoran, penjual makanan, mekanik dan pemasang paip (plumber). Lihat Jadual 4.

48.2% telahpun mempunyai kemahiran sebelum pergi ke Singapura untuk tujuan bekerja. Golongan ini lebih mudah diterima oleh majikan kerana terdapat kemahiran serta pengalaman bekerja.

Jadual 4 : Kekerapan dalam pelbagai jenis pekerjaan sebelum pergi ke Singapura

Jenis Pekerjaan	(F)	%
(Berkemahiran)		
Buruh Binaan	7	25.9
Mekanik	2	7.4
Tukang Kayu	1	3.7
Pekerja Elektrik	1	3.7
Tukang Paip	1	3.7
Tukang Cat	1	3.7
(Tanpa Kemahiran)		
Penoreh Getah	10	37
Pekabun Sayur	2	7.4
Pelayan Restoran	1	3.7
Penjual Makanan	1	3.7
Jumlah	27	100

2.4.2 Fleksibiliti sebagai buruh binaan di Singapura

Walaupun ramai buruh Foochow Sitiawan yang tidak mempunyai kemahiran tertentu, namun mereka tidak menghadapi masalah besar dalam mencebur ke dalam pembinaan di Singapura. Fleksibiliti sebagai buruh binaan bagi orang Foochow dalam sektor ini terwujud disebabkan oleh ikatan kesukuan (clanship) dan identiti Sitiawan di antara mereka.

Fleksibiliti di sini merujuk kepada 'turnover' atau keluar-masuk buruh-buruh binaan dalam sektor ini. Pekerjaan sebagai buruh binaan adalah tidak tetap di Singapura.¹⁶ Bagi mereka yang tidak mempunyai permit kerja¹⁷ hanya dibenarkan berada di Singapura selama 2 bulan sahaja. Selepas tempoh ini kebanyakan mereka akan pulang dan bergiat semula dalam pekerjaan asal atau sektor pekerjaan lain di Sitiawan.

Buruh-buruh yang memegang permit kerja biasanya kekal sehingga tamat tempoh permintaan atau tamatnya sesuatu projek pembinaan. Ini tidak bermakna mereka harus kekal sehingga tamat tempoh permit kerja. Sekiranya mereka ingin berhenti, permit kerja boleh ditamatkan kerana telah menjadi satu kebiasaan apabila sesuatu projek pembinaan siap, buruh-buruh binaan juga menamatkan permit kerja mereka. Jika tidak, mereka terpaksa membayar 'levy' yang diperuntukan oleh kerajaan Singapura.¹⁸

Pada musim outi sekolah di Malaysia, terdapat juga penuntut - penuntut Foochow Sitiawan pergi ke Singapura menjadi buruh migran sementara. Untuk mengelakkan dari mengambil permit kerja yang memerlukan prosedur-prosedur tertentu dan juga pembayaran 'levy',

-
16. Jangkamasa yang paling lama bagi seseorang untuk bekerja sebagai buruh binaan di Singapura ialah 2 tahun. Selepas itu dia dikehendaki pulang untuk tempoh masa yang tertentu.
 17. Golongan ini adalah yang paling banyak sekali. Tanpa permit kerja bermakna mereka masuk melalui lawatan sosial ke Singapura. Maka mereka merupakan golongan pekerja 'illegal'.
 18. Sistem 'levy' dan permit kerja akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab 3 dan 4 nanti.

maka sektor pembinaan adalah jalan keluar yang mudah sekali. Di sini, jelas terlihat adanya kewujudan fleksibiliti dalam sektor pembinaan.

Fleksibiliti boleh berlaku disebabkan 2 faktor iaitu identiti Sitiawan dan kemudahan pengambilan pekerja oleh majikan. Sub-kontraktor yang juga berasal dari Sitiawan cuba mengekalkan kehormatannya di kalangan orang-orang Sitiawan dengan menerima pekerja-pekerja dari Sitiawan dan memahami masalah-masalah kumpulannya sendiri. Di samping itu, keluar-masuk buruh-buruh sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos tanggungan ke atas buruh bagi pembayaran 'levy' di mana majikan selalunya menanggung separuh darinya. Malahan sektor pembinaan ini tidak memerlukan pekerja-pekerja untuk jangkamasa yang panjang. Sebaik sahaja sesuatu projek pembinaan siap, sub-kontraktor sendiri terpaksa mencari kontrak baru atau pulang ke Sitiawan. Pekerja-pekerja bukannya dilatih untuk mendapatkan kemahiran tetapi lebih berdasarkan pada pengalaman dan pembelajaran sendiri.

2.5 Identiti Kecinaan Singapura

Kebanyakan orang Foochow Sitiawan menganggap Singapura sebagai negara kedua bersifat kecinaan selain dari Hong Kong dan Taiwan. Singapura adalah negara jiran Malaysia dan mempunyai jalanan perhubungan diplomatik yang baik.¹⁹ Dengan itu, orang-orang Foochow Sitiawan boleh pergi ke Singapura dengan mudah. Malahan Singapura lebih menonjolkan identiti kecinaan di mana kebudayaan rakyatnya lebih bersifat kebudayaan Cina.

Dari pecahan masyarakat majmuk Singapura, orang Cina merupakan kumpulan majoriti dengan jumlah populasi seramai 1,935,000 orang, bersamaan dengan 76.5% dari keseluruhan penduduk yang berjumlah 2,529,100 orang pada 30hb. Jun, 1984.²⁰ Kumpulan dialek yang utama

19. Singapura dan Malaysia adalah bekas tanah jajahan British dan merdeka tidak lama kemudian. Malaya mendapat kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957 sementara Singapura, Sabah dan Sarawak telah bergabung dengan Malaya untuk membantuk Malaysia pada 16hb. September, 1963. Namun demikian Singapura telah keluar dari Malaysia pada 9hb. Ogos, 1965.

20. Land and People in 'SINGAPORE Facts And Pictures 1985,' Information Division Ministry of Communications and Informations.

adalah Hokkien, Teochew, Kantonese, Hainanese, Hakka dan Foochow. Namun demikian mereka biasanya bertutur dalam bahasa Mandarin dan dialek Hokkien.

Penguasaan ke atas ekonomi dan politik Singapura membolehkan orang-orang Cina lebih menonjolkan kebudayaan mereka di Singapura. Dalam kempen bertutur dalam Bahasa Mandarin yang dimulakan beberapa tahun yang lalu, Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura mengatakan:

"Parents should not over-emphasize the learning of English by their children at the expense of Mandarin, If they choose to reduce the learning of Chinese, it would not be good for society in the long term. And with reduced learning of Chinese, traditional culture and civilization too, will be lost and that would be a tragedy".

(Singapore Bulletin 1978, 6, 9:7)²¹

Penekanan kepada bahasa Mandarin dan pengekalan kebudayaan Cina adalah begitu jelas sekali. Perdana Menteri Singapura seterusnya menekankan bahawa:

"Heaven forbid that we lose our own cultures, We must keep the core of our value systems and social mores. To do that we must have our children literate in Chinese and English. To be literate, they must be Mandarin speaking, able to read the books, the proverbs, the stories of heroes and villains, so that they know what a good upright man should do and be (Lee 1978 : 8)²²

Kesan sifat kecinaan Singapura menyebabkan orang-orang Foochow Sitiawan secara tidak langsung telah tertarik kepada Singapura. Kecenderungan sesuatu etnik untuk berinteraksi atau hidup dalam kumpulan etniknya adalah suatu fenomena yang biasa. Lagipun, orang-orang Foochow Sitiawan merasakan diri mereka dianaktirikan oleh kerajaan yang pro-Melayu.²³ Semasa pengkaji bersama dengan

21. Cheng Lim - keak, Social Change and the Chinese in Singapore, 1985.

22. Ibid

23. Konsep kesetiaan kepada negara tidak timbul kerana kerajaan dan negara adalah dua perkara yang berbeza. Kerajaan boleh bertukar-ganti tetapi negara tetap wujud.

buruh-buruh Foochow di Singapura, sering kedengaran dari mereka mengeluh Malaysia adalah 'Hwan Yan Sie Gai' yang membawa maksud dunia Melayu. Malah mereka sedar akan sistem kuota yang terdapat dalam pelbagai bidang pekerjaan dan pelajaran di Malaysia. Oleh itu, mereka berpendapat tidak banyak peluang untuk mencapai mobiliti yang lebih tinggi dengan tahap pendidikan mereka. Maka penghijrah ke Singapura merupakan satu 'escaptism' di mana Singapura seolah - olah lebih baik untuk kehidupan mereka.

Kerajaan Singapura sebenarnya juga cuba meningkatkan populasi penduduk Cina di negaranya.²⁴ Sejak dua tahun kebelakangan ini, kerajaan Singapura cuba mengambil lebih ramai penduduk Hong Kong yang berhijrah ke situ sebagai warganegara dengan syarat - syarat tertentu.²⁵ Sebelum itu, ramai penduduk Cina dari Malaysia telah diterima sebagai warganegara Singapura. Dari pengetahuan pengkaji, beberapa orang Foochow Sitiawan telahpun diberi P.R. (permanent resident) kerana mempunyai skill dalam bidang tertentu.

Pada tahun 1984 seramai 6,087 memohon untuk menjadi warganegara Singapura dan dari itu, 4,911 permohonan telah diluluskan. Walaupun tidak ada bukti bagi menunjukkan peratusan dari jumlah tersebut yang diluluskan adalah etnik Cina, namun pengeluaran permit kerja untuk buruh migran membuktikan kenyataan ini. Menurut seorang pengurus projek yang ditemubualkan, peratus yang paling tinggi diberikan permit kerja adalah orang-orang Cina. Jadi ini memperlihatkan sikap kerajaan yang lebih mementingkan kewujudan orang-orang Cina di Singapura.

-
24. Perbincangan pengkaji dengan seorang pensyarah dari NUS (National University of Singapore) juga berpendapat sedemikian.
 25. Masalah berhubung dengan pengambilan balik Hong Kong oleh negara China pada 1997 nanti menyebabkan ramai penduduk Hong Kong bertindak untuk berhijrah ke negara lain terutamanya ke Singapura. Kerajaan Singapura pula sangat mementingkan kelayakan pendidikan dan sumber kewangan seseorang individu untuk menjadi warganegaranya. Begitu juga, skil pekerjaan ditekankan.

2.6 Pergantungan Singapura kepada buruh dari luar

Singapura sejak dulu lagi telah bergantung kepada buruh-buruh dari luar untuk memenuhi permintaan yang tinggi di pasaran buruhnya bagi pembangunan ekonomi negara.

In 1968 the tight immigration policy was again relaxed to let in a new wave of temporary migrants (or guest workers). The relaxation was necessary to ensure that Singapore's development would not be impeded by the existing severe shortage of domestic labour. (Chow Kit Boey, 5 : 1980)

Pergantungan ini berterusan sehingga ke hari ini menyebabkan orang-orang Foochow Sitiawan juga mengambil kesempatan untuk berhijrah ke situ atas beberapa sebab yang telah dibincangkan tadi. Dalam industri pembinaan pergantungan ini lebih jelas kerana Singapura mengalami perkembangan yang pesat dalam pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi sejak tahun 1970 lagi. Keadaan ini menjadi lebih rumit dengan sikap memilih kerja oleh rakyat Singapura. Mereka tidak mahu melibatkan diri dengan kerja-kerja yang dianggap berat, kotor dan bising.

..... there were signs that domestic labour was unwilling to work in "unpleasant" jobs such as in construction, overtime, and jobs in many-factoring sector which were dirty or noisy.²⁶

Informan-informan utama kajian ini juga berpendapat demikian. Menurut pengurus projek berkenaan, orang-orang Singapura tidak mahu terlibat dalam sektor ini atas alasan-alasan keselamatan. Di samping itu terdapat pelbagai peluang pekerjaan yang membolehkan mereka bersikap memilih dan selektif. Oleh itu sumber buruh-buruh dari luar negeri adalah penting bagi penyumbangan tenaga dalam sektor ini. Lihat lampiran 3.

26. Lawrence B. Krause et. al., The Singapore Economy Reconsidered. (m.s. 188)

Work permit holders come from three sources. The "traditional" source is Malaysia, at the peak of the economic boom in 1973 non-citizen work permit holders reportedly numbered about one - eight of the total work force.²⁷

Hasil kajian ini menunjukkan dari keseluruhan populasi yang berjumlah 250 orang di kawasan pembinaan di Balestier Road, 70% adalah warganegara Malaysia, 27.7% orang Thai, 1.6% orang Filipina dan 1.2% orang Sri Lanka.²⁸ Dari 70% orang Malaysia ini, 46.7% adalah orang Foochow Sitiawan yang memonopolikan kerja-kerja seperti 'plastering' dan 'bricklaying'. Dari keseluruhan populasi, orang - orang Foochow meliputi 14% di mana tiada seorang pun rakyat Singapura yang mengambil bahagian dalam kerja-kerja di peringkat pembinaan yang memerlukan tenaga yang banyak. Mereka kelihatan lebih ketara pada peringkat pentadbiran atau pengurusan dan teknikal.

Kecenderungan rakyat Singapura untuk memilih kerja-kerja yang ringan dan selesa di pejabat menyebabkan kerajaan Singapura terpaksa mengambil buruh-buruh dari luar untuk mengisi kekosongan dalam pasaran buruhnya. Tambahan pula, buruh-buruh migran biasanya lebih sihat, kuat dan rajin bekerja. Pengurus projek memberi komen kepada buruh-buruh Foochow Sitiawan seperti berikut :

"They are generally more co-operate, serious in their work and have struggle spirit."

Ciri ini tidak dinafikan oleh perdana menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew :

Singapore welcomes immigrants they are physically healthy and hard-working such people will do many jobs better than the next generation Singaporean.²⁹

Kenyataan Encik Lee ini menggambarkan di masa-masa yang akan datang semakin kurang penduduk Singapura akan melibatkan diri dalam

27. Ibid

28. Temubual dengan Encik Ho iaitu pengurus projek pembinaan ini.

29. Peter S.J. Chen (m.s. 210)

kerja-kerja yang berat seperti sektor pembinaan.

2.6.1 Keadaan Ekonomi dan Industri pembinaan di Singapura

Kenaikan dan penurunan dalam sektor pembinaan akan sentiasa memberi kesan ke atas kedudukan orang-orang Foochow Sitiawan dalam sektor ini di Singapura. Namun demikian orang-orang Sitiawan tidak pernah luput dalam industri pembinaan di Singapura walaupun dalam masa kemelesetan ekonomi pada tahun 1985 di mana industri pembinaan ini mengalami penurunan yang hebat.³⁰ Oleh itu sektor ini telah mengurangkan pekerjaan ke peringkat yang paling rendah seperti yang ditunjukkan oleh Gambarajah 1 . Sementara itu Gambarajah 2 menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang negatif pada tahun 1985.

Kesan dari penurunan dalam ekonomi Singapura menyebabkan ramai buruh-buruh Malaysia termasuk orang-orang Foochow Sitiawan kehilangan kerja.

"In the construction sector, the previous quarter's employment gain of 200 was wiped out by a further loss of 1,800 jobs. ³¹

Harus diingatkan bahawa kemerosotan ekonomi Singapura juga dipengaruhi oleh perkembangan dalam sektor pembinaan ini. Sebelum 1984, industri pembinaan merupakan penyumbangan yang besar kepada ekonomi Singapura.

"Prior to the 1985 recession, the construction sector was a key sector in the growth of the economy. In 1982 through to 1984, it was the fastest growing sector, growing by an average of 27 per cent per annum.³²


Sebelum 1985, terdapat ramai buruh-buruh Foochow Sitiawan yang masih bekerja di situ. Pada tahun 1985 diketahui terdapat hanya kira-kira

30. Pengkaji pada ketika itu (1985) sedang bekerja dengan beberapa orang Foochow lain di Bukit Timah dalam satu projek pembinaan.

31. Economic Survey of Singapore, 3rd Quarter 1987 (page 7).


32. Economic Survey of Singapore, Third Quarter 1989.

CONSTRUCTION



Gambarajah 1 : Perubahan Pekerjaan Dalam Sektor Pembinaan Singapura (1984-87)

Sumber : Economy Survey of Singapore, 3rd Quarter, 1987 : 7



Gambarajah 2 : Pertumbuhan Ekonomi di negara - negara Perindustrian Baru. (1984-87)

Sumber : Economy Survey of Singapore, 3rd Quarter 1987 : 2

35 orang buruh Foochow dari Sitiawan di Singapura yang terlibat dalam projek pembinaan Institut Vokasional di Chai Chee Street. Keadaan ini menunjukkan bahawa orang-orang Foochow tidak pernah lekang dari Singapura dalam sektor pembinaan sejak 1970 walaupun dalam masa resesi ekonomi.


Selepas kemelesetan ekonomi pada tahun 1985, kelihatan ekonomi Singapura mula pulih dengan cepatnya. Perhatikan Gambarajah 3 yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi Singapura sejak 1987. Kenaikan semula ini juga diikuti dengan kenaikan dalam sektor pembinaan di mana jumlah pekerjaan dalam industri ini mulai meningkat selepas 1985. Lihat Gambarajah 4. Lantaran itu, pasaran buruh juga kekal ketat dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Jumlah pekerjaan meningkat kepada 14,100 dalam suku pertama 1990 berbanding dengan 12,600 pada tahun yang lalu.³³ Tahun 1989, ekonomi Singapura telah pun menampakkan puuk pertumbuhannya sebanyak 8.7% dalam suku ketiga tahun tersebut. Sektor pembinaan mencapai pertumbuhan sebanyak 3.8% setelah kejatuhan secara berterusan sejak 4½ tahun yang lalu.³⁴

Jumlah kontrak yang diluluskan juga merupakan satu petanda kepada pertumbuhan dalam industri pembinaan ini. Bagi 9 bulan pertama 1989, jumlah kontrak yang diberikan adalah bernilai S\$3.8 billion iaitu peningkatan sebanyak 47% berbanding dengan masa yang sama dalam tahun 1988.³⁵ Peningkatan ini bererti jumlah bangunan yang akan dibina semakin bertambah.

..... in the early July, 1989, about 3,600 units worth of building contracts will be awarded for the lost quarter of 1989 and 19,000 units for the whole of 1990 in order to clear the waiting list.³⁶


Pertumbuhan dalam sektor pembinaan akan menyebabkan kerajaan

-
33. Economy Survey of Singapore, First Quarter 1990.
 34. Op - cit. 3rd Quarter 1989
 35. Ibid - perhatikan lampiran 3 yang disertakan pada bahagian akhir buku ini.
 36. Ibid.



Gambarajah 3 : Pertumbuhan Ekonomi di negara-negara Perindustrian Baru. (1987-90)

Sumber : Economy Survey of Singapore, 2nd Quarter, 1990



Gambarajah 4 : Perubahan Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan Singapura. (1987-1990)

Sumber : Economy Survey of Singapore, 2nd Quarter, 1990 : 11

Singapura melonggarkan syarat kemasukkan buruh-buruh migran dari luar negeri untuk bekerja sebagai buruh binaan. Oleh itu, polisi buruh luar Singapura selalu berubah-ubah mengikut keadaan perkembangan ekonomi di dalam negaranya. Perubahan polisi ini secara tidak langsung akan mempengaruhi buruh-buruh Foochow di Singapura yang pada hakikatnya juga merupakan buruh migran.³⁷

2.7 Mod pengangkutan ke Singapura

Jarak dari Sitiawan ke Singapura adalah lebih kurang 720 km. Dengan jarak yang tidak begitu jauh ini, pelbagai jenis pengangkutan telah digunakan untuk pergi ke Singapura. Misalnya, 'kereta sapu'³⁸ merupakan kaedah yang paling digemari pada 1970an hingga awal 1980an. Sebagai kaedah utama, beberapa agensi 'kereta sapu' telah didirikan di Kampung Koh, Sitiawan pada masa itu. Agensi ini mempunyai stesyen perhentiannya di Singapura.

'Kereta sapu' ini digemari kerana ia mengutip penumpang dari rumahnya dan menghantar mereka terus ke tempat yang hendak dituju di Singapura. Ini memudahkan mereka yang pertama kali pergi ke Singapura atau mereka yang masih tidak biasa dengan perjalanan di Singapura. Jadi masalah mencari tempat tinggal rakan-rakan, saudara-mara atau tempat kerja dapat diatasi. Fenomena ini telah berubah akibat dari permintaan yang tinggi ke atas perkhidmatan bas ekspress sejak 1985. Perubahan ini adalah berkaitan dengan tambang yang lebih murah³⁹ dan kemudahan yang lebih baik oleh bas ekspres. Ramai penghijrah merasakan menaiki bas ekspres adalah lebih selamat berbanding dengan 'kereta sapu'.

-
37. Polisi buruh luar Singapura akan dibincangkan dalam bab akhir nanti.
 38. Kereta sapu di sini membawa maksud jenis kereta Mercedes Benz lama yang digunakan untuk mengutip penumpang dari Sitiawan dan terus ke Singapura. Ia terkenal di Sitiawan dengan nama 'Pau Wan Che'.
 39. Tambang bas ekspres ialah M\$28 sementara tambang kereta sapu ialah M\$50 ke Singapura. Untuk balik ke Sitiawan, harga tambang bagi kedua-dua jenis pengangkutan ini adalah sama tetapi dibayar dengan matawang Singapura.

Namun demikian, bas ekspres hanya mengutip penumpang bermula dari Lumut, Sitiawan, Ayer Tawar, Ipoh dan terus ke Singapura. Di Singapura ia berhenti di Woodland dan berakhir di Golden Mile, Jalan Sultan. Akibatnya, bagi mereka yang pergi ke Singapura untuk kali pertama, maka 'kereta sapu' lebih digemari. Lagipun, hanya terdapat satu agensi yang bernama Bas Ekspres Sri Maju di Sitiawan yang memberi perkhidmatan ini. Adakalanya orang - orang Foochow terpaksa pergi ke Ipoh yang sejauh 68 kilometer untuk menaiki keretapi ke Singapura terutamanya selepas musim-musim perayaan di mana 'kereta-kereta sapu' dan bas-bas ekspres telah habis ditempah.

2.8 Kesimpulan

Boleh dikatakan bahawa faktor kewangan merupakan dorongan terpenting kepada penghijrahan buruh-buruh Foochow Sitiawan ke Singapura. Namun demikian sikap pemerintah tempatan dan polisi kerajaan Singapura juga penting untuk membolehkan mereka masuk ke pasaran buruh Singapura. Tambahan pula, Singapura bergantung kepada buruh dari luar dan di mana kerajaan Singapura juga lebih mementingkan buruh migran dari etnik Cina. Dengan itu, buruh-buruh Foochow Sitiawan yang berpendidikan rendah serta dari aliran Cina yang menghadapi kesukaran untuk mencari pekerjaan yang sesuai di tempat asal mengambil kesempatan untuk mengisi kekosongan dalam sektor pembinaan akibat dari sikap memilih kerja oleh rakyat Singapura. Identiti Sitiawan di Singapura juga membantu buruh-buruh migran ini kekal berterusan di Singapura sehingga ke hari ini.

BAB 3

KEADAAN KERJA DI KAWASAN PEMBINAAN

3.1 Pengenalan

Keadaan kerja atau suasana kerja (working condition) mempunyai pengertian yang luas. Namun demikian ia dapat ditarifkan dengan jelas melalui beberapa aspek yang terdapat dalam sesuatu organisasi pekerjaan. Aspek-aspek seperti gaji, elaun, bonus, 'fringe benefit'¹, kenaikan pangkat, kebersihan dan keselesaan tempat kerja adalah tergolong dalam pengertian 'working condition'. Selain daripada itu, keselamatan pekerja, kemudahan rekreaksi, hubungan mereka dengan pihak majikan dan jumlah masa bekerja juga penting dalam mengkaji keadaan kerja sesuatu golongan buruh.

Bab ini meninjau keadaan kerja buruh - buruh binaan Foochow Sitiawan di Singapura. Persoalan seperti sejauh manakah keadaan kerja buruh - buruh migran ini memuaskan dan apakah mereka juga menikmati faedah - faedah tertentu sepertimana yang dinikmati oleh rakyat Singapura akan cuba dihuraikan dalam bab ini. Persoalan lain seperti adakah terdapatnya perbezaan keadaan kerja di antara buruh 'illegal' dengan mereka yang memegang permit kerja juga akan dijawab. Di samping itu, pengertian 'construction work' yang selalu disalahfahamkan oleh orangramai akan dijelaskan dalam bab ini.

3.2 Pengertian 'Construction work'

Bila disebut sahaja perkataan 'construction work' atau kerja pembinaan, orangramai selalu mengaitkannya dengan kerja binaan dan memperbaiki rumah atau bangunan-bangunan. Menurut Encik Ho Choo Ing seorang pengurus projek² di kawasan kajian, terdapat 4 bentuk 'construction work' yang utama iaitu :

-
1. 'Fringe benefit' merupakan faedah sampingan yang diterima oleh pekerja seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin dan sebagainya.
 2. Encik Ho adalah seorang yang berkelulusan kejuruteraan awam, berasal dari Sitiawan dan berdialek Foochow merupakan salah seorang informan utama dalam kajian ini. Beliau telah berkecimpung lebih dari 15 tahun dalam sektor pembinaan dan pernah menguruskan pelbagai jenis projek pembinaan.

- 1) 'Foundation' : pembinaan asas atau dasar
- 2) 'Highway' : jalan dan lebuhraya
- 3) 'Drainage' : saluran air
- 4) 'Building' : rumah dan bangunan

Keempat - empat bentuk pembinaan ini meliputi kerja - kerja memperbaiki, membina dan memperbaharui. Bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada pembinaan bangunan (building construction works) sahaja. Dalam bahagian ini, terdapat pula bidang-bidang pengkhususannya sendiri yang menyebabkan buruh - buruh binaan terpaksa mengkhusus dalam kerja-kerja tertentu sahaja. Seseorang buruh binaan pada hari ini tidak lagi serba boleh tetapi mengkhusus dalam satu atau 2 bidang sahaja. Bidang-bidang pengkhususan kerja dalam sektor pembinaan bangunan adalah seperti berikut :

- 1) 'Carpentry' : kerja-kerja pertukangan kayu
- 2) 'Metal works' : kerja-kerja pertukangan besi
(mengikat dan memasang)
- 3) 'Reinforcement concrete' (R.C.) : kerja-kerja pengukuhan konkrit
- 4) 'Bricklaying' : kerja-kerja penyusunan bata
- 5) 'Plastering' : kerja-kerja melapis dinding dengan simen
- 6) 'Metal scaffolding' : kerja-kerja memasang dan mengikat besi atau kayu di sekeliling bangunan sebagai perancah
- 7) 'Electrical works' : kerja-kerja memasang sistem pendawaian elektrik dan yang berkaitan dengannya
- 8) 'Tiling' : kerja-kerja melekat jubin dan 'mosaic'
- 9) 'Sanitary Plumbing and Pipe Fitting' : kerja-kerja memasang paip dan saluran air
- 10) 'Floor screeding' : kerja-kerja berkaitan dengan lantai

- 11) 'Iron mongry' : kerja-kerja memasang perkakas besi seperti kunci dan sebagainya
- 12) 'Joinery works' : kerja tukang tanggam yakni kerja-kerja membuat bahagian kayu bangunan seperti pintu dan tingkap
- 13) 'Glazing' : kerja-kerja memasang dan menggilap kaca
- 14) 'Painting' : kerja-kerja mengecat bangunan
- 15) 'Fire Fighting' : Kerja-kerja memasang alat-alat rintangan api
- 16) 'Air conditioning' : kerja-kerja memasang alat hawa dingin

Dari bidang-bidang di atas³, orang-orang Foochow Sitiawan lebih ketara mengkhusus dalam bidang 'plastering' dan 'bricklaying'. Ini adalah berkaitan dengan ciri pengenalan-diri suku-kaum orang Sitiawan sendiri⁴.

3.3 Pembahagian Tugas (Pengkhususan kerja)

Dalam kedua-dua bidang 'plastering' dan 'bricklaying' terdapat pula pembahagian buruh kepada kategori-kategori tertentu seperti buruh berkemahiran (skilled worker), buruh separuh mahir (semi-skilled worker) dan buruh kasar (unskilled worker). Pembahagian tugas ini penting bagi menyelaras dan mempercepatkan proses pembinaan.

3. Bidang-bidang yang disenarikan di atas hanyalah jenis yang utama sahaja. Projek manager mengatakan bahawa terdapatnya kecenderungan kumpulan dialek tertentu untuk bekerja dalam bidang tertentu. Contohnya yang berdialek Kantonese Ipoh dikatakan selalunya terlibat dengan 'Reinforcement concrete work', Hokkien Penang - 'Metal work', Kongfu - 'Carpentry' dan Shanghanist - 'Joinery work'.
4. Beberapa orang buruh binaan telah berjaya menjadi sub-kontraktor di Singapura pada awal 1970an dan kemudiannya membawa lebih ramai pekerja baru dari Sitiawan untuk bekerja di Singapura. Aliran masuk buruh dari Sitiawan ini terus berlaku sehingga ke hari ini.

Dalam konteks buruh Foochow ini, kategori 'skilled - worker' adalah merujuk kepada mereka yang telah mahir menyusun bata dan melapis dinding. Golongan ini dianggap telah memperolehi segala kemahiran yang berkaitan dengan kedua-dua bidang pembinaan tersebut. Buruh separuh mahir pula merupakan kategori buruh yang sudah boleh melakukan kerja - kerja seperti juga buruh mahir tadi tetapi tidak begitu mahir serta kekurangan pengalaman. Kategori ini terletak di antara buruh mahir dan buruh kasar dalam susunan pembahagian tugas sektor pembinaan⁵. Oleh itu kumpulan buruh separuh mahir ini biasanya dikehendaki melakukan kerja-kerja kasar bilamana buruh kasar tidak mencukupi. Begitu juga pada ketika buruh mahir terlalu ramai, mereka diturunkan untuk bekerja sebagai buruh kasar. Walau bagaimana pun mereka tetap diletakkan pada tangga gaji buruh separuh mahir. Sementara itu, buruh kasar pada lazimnya melakukan kerja-kerja yang boleh dikatakan sebagai tidak ada kemahiran. Mereka melakukan kerja-kerja seperti mengangkat simen yang telah digaul, papan serta alat - alat lain untuk buruh-buruh mahir⁶. Adakalanya mereka diperlukan untuk memunggah bungkusan-bungkusan simen dan juga memindahkan timbunan-timbunan pasir serta batu-bata yang diantar oleh lori-lori ke kawasan pembinaan. Boleh dikatakan kategori buruh ini melakukan sebarang pekerjaan yang diarahkan oleh sub-kontraktor atau buruh - buruh mahir.

3.4 Struktur dan Proses Pekerjaan

Proses pekerjaan di kawasan pembinaan melibatkan pelbagai kategori buruh dalam tingkat - tingkat hiraku pekerjaan. Stratifikasi

-
5. Pembahagian tugas ini tidak dibuat dalam bentuk bertulis seperti sektor perkilangan di mana kedudukan seseorang pekerja dinyatakan dengan jelas dalam borang perjanjian.
 6. Pengaul simen biasanya diletakkan dalam kategori buruh kasar tetapi adakalanya sebagai buruh separuh mahir. Ini bergantung kepada sub - kontraktor.

sosial⁷ yang wujud ini perlu untuk membentuk satu organisasi pekerjaan yang mantap dan terselaras.


Pengurus projek menduduki tempat tertinggi dalam tangga hiraki tersebut. Beliau mewakili pihak syarikat pembinaan untuk membuat segala keputusan dasar dalam projek pembinaan yang dicadangkan.

Segala hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan di kawasan pembinaan adalah di bawah kuasa beliau⁸. Beberapa orang jurutera projek akan membantu beliau untuk memastikan proses pembinaan berjalan dengan lancar dan mengikuti syarat-syarat pembinaan⁹. Di bawah jurutera-jurutera projek, terdapat pula bahagian-bahagian teknikal seperti 'R.C. supervisors', 'Mechanical and Electrical Cordinators', 'Architectural Supervisors', 'Surveyors' dan 'site safety officers'. Penyelia-penyelia dari bahagian teknikal ini bertugas memerhati kerja-kerja buruh-buruh dan juga memeriksa hasil kerja mereka. Sekiranya terdapat kesilapan, foreman atau sub-kontraktor dari bahagian berkenaan akan dipanggil untuk menjalankan perubahan dan penyesuaian. Setiap bahagian seperti 'Sanitary', 'bricklaying', 'plastering' dansebagainya akan diketuai oleh seorang dua sub-kontraktor yang juga dipanggil foreman. (Lihat gambarajah 5). Dalam bahagian-bahagian inilah ramai orang - orang Foochow Sitiawan terlibat terutama dalam 'bricklaying' dan 'plastering'. Mereka merupakan buruh yang menduduki tangga terendah dalam hiraki pekerjaan tersebut (Lihat gambarajah 6).


Walaupun orang-orang Foochow Sitiawan menduduki tempat terbawah dan tidak berkuasa untuk membuat keputusan namun keadaan alienasi

-
7. Stratifikasi sosial di sini merujuk kepada susun lapis buruh - buruh dalam tingkat-tingkat yang berbeza termasuk pihak pengurus dan pentadbiran. Kedudukan buruh pada tahap tertentu akan membawa kepada perbezaan dalam gaji, status dan kuasa untuk membuat keputusan.
 8. Satu pejabat sementara selalunya dibina di kawasan pembinaan untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran. Projek manager, jurutera-jurutera dan penyelia-penyelia biasanya akan tiba ke kawasan pembinaan sewaktu buruh-buruh binaan mula bekerja pada awal pagi.
 9. Biasanya kerajaan juga mengarahkan seorang juruteranya untuk memeriksa dan memerhatikan proses pembinaan dilakukan dengan memenuhi syarat-syarat yang diluluskan.

Gambarajah 5 : Struktur dan Organisasi Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan



Gambarajah 6 : Kedudukan buruh Foochow Sitiawan dalam Struktur Pekerjaan



Nota:

B & P : Bricklaying & Plastering
B.K : Buruh Kasar

tidak dikesani berlaku¹⁰ kerana kebanyakan 'foreman' atau sub-kontraktor merupakan sahabat kepada buruh-buruh berkenaan. Dalam kes ini, kedua-dua orang sub-kontraktor yang berkongsi mengambil kontrak dalam 'bricklaying' dan 'plastering' juga berasal dari Sitiawan. Mereka bergaul rapat dengan pekerja-pekerjanya.

Alienasi juga tidak ketara kerana buruh - buruh Foochow tidak diletakkan di bawah penyeliaan pihak pengurusan dan pentadbiran secara terus¹¹. Buruh - buruh Foochow secara khususnya bekerja dengan sub-kontraktor yang merupakan majikan mereka. Oleh itu, mereka lazimnya tidak mengendahkan suara-suara dari pihak pengurusan sebaliknya arahan sub-kontraktor yang biasanya diikuti. Tekanan dari pihak pengurusan dan pentadbiran tidak begitu dirasai kerana sesuatu arahan baru akan disampaikan melalui sub-kontraktor yang bertanggung-jawab kepada pengurus projek. Ketegasan sub-kontraktor pula dipengaruhi oleh personalitinya sebagai pelindung dan juga rakan kepada buruh - buruh berkenaan. Hubungan antara majikan dengan buruh-buruh Foochow ini sedikit-sebanyak berbentuk 'patron - client'.

3.5 Perhubungan Majikan dengan Pekerja

Interaksi antara dua pihak yang berbeza status sosialnya akan mempamirkan pola atau corak perhubungan yang tertentu. Di kawasan kajian, pola perhubungan ini dapat dilihat dari dua segi iaitu perhubungan antara sub-kontraktor dengan pekerjanya dan pihak pengurusan serta teknikal dengan buruh-buruh binaan. Pihak pengurusan dan pentadbiran serta teknikal secara teorinya merupakan majikan kepada

-
10. Konsep alienasi ini digunakan oleh Karl Marx untuk menjelaskan keadaan pekerja dalam industri yang mempunyai pengkhususan kerja. Alienasi adalah perasaan pengasingan yang wujud dalam hati pekerja akibat dari stratifikasi sosial di mana upah, kuasa dan status akan mementukan kedudukan seseorang. Mereka yang berada di tingkat yang paling rendah sekali akan merasa tidak berkuasa dan terpaksa menerima keputusan yang dibuat oleh orang lain.
 11. Jenis alienasi lain seperti alienasi dari hasil pengeluaran dan masyarakat juga tidak ketara di sini kerana kerja-kerja pembinaan memerlukan gerakbalas dan tenaga yang banyak di samping dapat mengetahui hasil kerja mereka. Kerjasama dalam kumpulan adalah penting.

buruh-buruh binaan tetapi pada praktiknya sub-kontraktorlah yang menjadi majikan kepada buruh - buruh tersebut.

Sub-kontraktor di kawasan pembinaan Singapura bukan sahaja bertindak sebagai seorang majikan malah juga berlagak sebagai seorang saudara kepada buruh-buruh binaan. Dalam kajian ini, salah seorang daripada sub-kontraktor ini telah tinggal bersama buruh-buruh binaan di kawasan pembinaan selama beberapa bulan. Hubungan yang dijalankan itu begitu mesra sehingga melibatkan emosi serta hal - hal yang amat personal dalam interaksi mereka. Adakalanya sub - kontraktor ini menasihati buruh-buruh binaan untuk berjimat-cermat dan menjadi manusia yang berguna. Sikap mengambil berat di antara satu sama lain ini telah memudarkan jenis pola perhubungan majikan dengan pekerja secara formal. Malahan sub-kontraktor sendiri telah beberapa kali menegaskan bahawa beliau sendiri juga adalah salah seorang dari buruh-buruh binaan yang berasal dari Sitiawan.¹² Pengkaji berpendapat bahawa tindakan sebegitu rupa bertujuan untuk menanamkan perasaan kekitaan di kalangan buruh-buruh Foochow untuk lebih berusaha dan bekerjasama.

Kesedaran akan kehadiran diri mereka di negeri orang menyebabkan buruh-buruh Foochow ini lebih cenderung berinteraksi sesama mereka sendiri. Golongan pengurus dan pentadbir serta teknikal telah dianggap sebagai kumpulan luar (out group) yang tidak disenangi oleh mereka.¹³ Keadaan menjadi lebih rumit dengan penglibatan rakyat Singapura di peringkat pentadbiran dan teknikal. Akibatnya satu konflik wujud di antara pekerja dengan pihak pengurusan dan pentadbiran.

Sekali pandang, buruh-buruh Foochow dengan golongan teknikal dan pentadbir agak mesra sewaktu menjalankan tugas kerana masing - masing cuba tidak menunjukkan belang yang sebenarnya. Tetapi sekiranya seseorang berada di dalam kelompok buruh-buruh itu, perasaan tidak

12. Dalam kes ini, sub-kontraktor bukan sahaja berasal dari Sitiawan malah sekampung dengan kebanyakan buruh - buruh Foochow dari Kampung Baru Ayer Tawar.

13. Satu kekecualian di sini ialah pengurus projek di kawasan kajian adalah juga orang Foochow dari Sitiawan. Oleh itu beliau dapat diterima sebagai 'ingroup' oleh golongan buruh-buruh Foochow Sitiawan.

suka kepada kelompok lain terutama pihak teknikal dan pentadbiran dapat dirasai. Ketegangan seringkali dirasai apabila seseorang juru-tera atau penyelia memberi komen atau arahan bahawa sesuatu bahagian harus diperbetulkan. Buruh-buruh biasanya akan tetap dengan pendirian bahawa mereka tetap betul sehingga sub-kontraktor datang untuk menyelesaikannya. Ini menyebabkan penyelia-penyelia cenderung untuk memberitahu masalah-masalah dan kesilapan-kesilapan kepada pengurus projek. Kesannya, buruh-buruh semakin memendam rasa dendki terhadap golongan teknikal dan pentadbir itu. Kekerohan ini ditambah dengan kedudukan mereka yang lebih tinggi dari buruh - buruh tadi. Malah terdapat setengah-setengah dari golongan teknikal dan pentadbir yang berwarganegara Singapura memandang rendah kepada rakyat negara asing terutamanya dari negeri-negeri Asia Tenggara yang lain. Golongan ini selalunya cuba membeza - bezakan diri mereka dengan buruh migran dan mengagung - agungkan budaya negara mereka. Buruh - buruh migran ini biasanya dilihat oleh mereka sebagai ganas, berpengetahuan rendah dan tidak bermoral.

Konflik antara dua golongan tadi tidak membawa kepada pertelingkahan, percaduhan, mogok, pemulauan atau dengan kata lain konflik secara terbuka tidak berlaku. Ia hanya setakat konflik terpendam sahaja. Masing-masing sedar akan kesan dari konflik terbuka itu di mana ia akan membawa kerugian kepada kedua-dua pihak.¹⁴ Oleh itu, kedua-dua golongan ini pada hari-hari bertugas selalunya cuba membina satu perhubungan yang lebih baik di sebalik konflik terpendam mereka. Pengkaji merasakan bahawa kemesraan yang mungkin dilihat oleh orang luar terhadap kedua-dua golongan ini sebenarnya adalah suatu kemesraan palsu.

Konflik secara terbuka seringkali terdapat dalam kelompok asas yang lebih 'intimate' seperti buruh - buruh Foochow Sitiawan di Singapura. Kelompok ini berinteraksi secara kerap dan menjadi kebiasaan ahli-ahlinya untuk melibatkan emosi masing-masing semasa berinteraksi.

14. Kedua-dua pihak sedar bahawa jangkamasa pembinaan sesuatu projek adalah pendek sahaja iaitu selama setahun dua. Buruh-buruh migran pula banyak yang 'illegal' dan bekerja secara tidak tetap.

Emosi-emosi yang ada mendorong konflik secara terbuka berlaku. Buruh-buruh Foochow biasanya menyelesaikan sesuatu masalah di antara mereka melalui pertelingkahan dengan nada yang tinggi tetapi mereka faham bahawa pertelingkahan itu hanya salah satu cara untuk menyelesaikan masalah atau ketegangan yang mereka hadapi. Contohnya, pada 19/4/90 di kawasan kajian, seorang buruh kasar telah bertengkar dengan buruh Foochow yang lain mengenai pembahagian kerja yang tidak adil sesama mereka. Malangnya bila sub-kontraktor cuba menyelesaikan masalah tersebut, buruh kasar itu menghempaskan barang yang dipegangnya dan menuduh sub-kontraktor itu berat-sebelah. Beliau pun turun ke bilik tidur dan tidak bekerja lagi pada hari tersebut. Pada hari keesokannya buruh kasar berkenaan kembali bekerja seperti sediakala dan hubungan dengan pekerja lain serta sub-kontraktor terjalin semula selepas dua atau tiga hari kemudian. Keadaan konflik terbuka seperti ini sering berlaku di dalam kelompok asas buruh-buruh Foochow ini tetapi ia tidak berakhir dengan permusuhan atau perpecahan di antara mereka. Mereka selalu terikat dengan konsep persaudaraan di mana mereka semua berasal dari kampung-kampung di Sitiawan dan harus selalu bersatu - padu.

3.6 Prosedur dan Tata Kerja

Kumpulan orang-orang Foochow ini membentuk satu organisasi dan struktur pekerjaan yang tidak formal serta amat berbeza dengan organisasi-organisasi pekerjaan lain terutamanya sektor perkilangan¹⁵. Satu organisasi pekerjaan dibentuk secara sedar untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu akan mempunyai peraturan-peraturan dan norma-normanya sendiri.

3.6.1 Masa dan Kawasan Kerja

Pekerja-pekerja mula berkumpul di kawasan pembinaan sejak 7.50 pagi walaupun masa mula bekerja adalah 8.00 pagi. Pusat pertemuan

15. Orang-orang Foochow Sitiawan ini bekerja dalam kumpulan berdasarkan norma-norma yang saling difahami oleh mereka dan tidak seperti sektor formal di mana setiap pekerja terikat dengan perhubungan majikan - pekerja yang tertera dalam perjanjian bertulis mereka.

biasanya di hadapan atau di dalam bilik tempat tinggal di kawasan pembinaan¹⁶. Kebanyakan perkakas dan alat-alat pembinaan juga disimpan dalam bilik tersebut.

Ketua kumpulan pekerja (Sub-kontraktor) yang dikenali sebagai 'Gen Tao' akan membahagi-bahagikan pekerja kepada beberapa kumpulan untuk memulakan tugas. Setiap kumpulan mengandungi antara 3 hingga 7 orang pekerja. Pekerja-pekerja mahir akan mengetuai kumpulan masing-masing. Saiz kumpulan ditentukan oleh 'Gen Tao' berdasarkan kerja-kerja yang terdapat di kawasan kerja yang diberikan olehnya. Beliau juga berhak memindahkan pekerja dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain mengikut keadaan dan keperluan. Pemindahan ini kerap berlaku kerana kerja pembinaan memerlukan kecekapan 'Gen Tao' untuk menyelaraskan keperluan tenaga pekerja¹⁷. Misalnya setengah pekerja yang hampir menyiapkan kerja-kerja 'plastering' dikehendaki pergi membantu mereka yang sedang menyusun bata atau pergi menyiapkan kerja-kerja lain yang masih tertinggal. Pemindahan pekerja sentiasa berlaku dan ini selalu menimbulkan rasa kurang senang hati di kalangan pekerja kerana mereka rasa seolah-olah sebagai pekerja panggilan yang tidak berkuasa¹⁸. 'Gen Tao' pula pandai menggunakan daya pujukannya dalam hal ini.

Perubahan ahli-ahli dan saiz kumpulan lebih ketara pada waktu-waktu seperti selepas 'dian sin' (masa rehat sebelum dan selepas tengahari). Waktu tengahari pekerja diberikan masa sejam untuk makan dan berehat. Pekerja biasanya meluangkan masa untuk bersempbang mengenai hal pekerjaan mereka sebelumnya dan juga hal-hal yang lain. Ramai juga mengambil kesempatan untuk tidur atau rehat di dalam bilik

-
16. Lebih dari 90% pekerja tinggal di kawasan pembinaan kecuali seorang dua yang tinggal di luar.
 17. Kerja seperti 'plastering' memerlukan tenaga separuh mahir dan buruh kasar yang banyak pada permulaan kerja untuk membersihkan tempat, mengaul simen, membawa simen kepada pekerja mahir dan sebagainya tetapi pada peringkat akhir tenaga buruh kasar tidak begitu diperlukan.
 18. Kadang-kadang pekerja terpaksa berpindah dari satu kumpulan yang berada di tingkat 8 ke tingkat 16. Sekiranya lif rosak, pekerja terpaksa membawa perkakas dan menaiki anak tangga.

kerana keletihan. Masa 'dian sin' diberikan 15 minit rehat tetapi pekerja selalunya mengambil masa rehat sehingga 25 minit .

Pada sebelah petang, buruh kasar mula mengemasakan barang-barang dan perkakas serta mencucinya pada lebih kurang pukul 4.45 sementara buruh mahir cuba menyiapkan kerja-kerjanya sehingga pukul 5.00. Ketua pekerja akan berada di bilik tempat tinggal pekerja untuk merekodkan jumlah jam seseorang pekerja telah bekerja. Setiap pekerja juga dibekalkan dengan sekeping kad kerja untuk dicatatkan jumlah jam bekerja dalam sehari serta catatan lain seperti bayaran pendahuluan (advance) dan gaji yang telah dibayar¹⁹. Kad ini perlu dibawa bersama setiap hari untuk rekod-rekod 'advance' dan kerja yang telah dilakukan.

3.6.2 Kerja lebih masa

Pekerja-pekerja dalam kajian ini jarang sekali mahu melakukan kerja lebih masa selepas pukul 5.00 (overtime) kerana tiada apa-apa insentif yang diberikan oleh majikan selain dari pujuhan untuk mereka. Sekiranya terdapat kerja-kerja yang belum siap dan terpaksa dilakukan pada hari itu juga, pekerja-pekerja mahir selalunya cuba mengelak dari melakukannya. Pekerja rasa letih, bosan serta tidak berminat untuk kerja lebih masa kerana gaji yang diberikan untuk setiap jam bekerja adalah sama dengan bayaran biasa. Tambahan pula, rakan-rakan sejawat yang lain telahpun bersiap sedia untuk mencari hiburan di luar atau berehat sambil berjenaka di bilik mereka.

"suruh Ah Wen²⁰ lakukan,
..... saya tak ada masa,
saya terpaksa ke
atau saya ada temujanji malam ini".

Jawapan seperti ini sering diberikan apabila majikan menyuruh mereka melakukan kerja lebih masa. Majikan yang juga rakan kepada pekerja ini terpaksa menggunakan kata-kata manis untuk memenangi hati pekerjanya.

-
19. Kad pekerja ini ditunjukkan dalam Lampiran 4 dan cara pem-bayaran gaji akan dibincangkan nanti dalam bab ini.
 20. 'Ah Wen' adalah seorang buruh mahir yang rajin dan selalu patuh kepada arahan majikannya.

Kerja lebih masa pada hari kelepasan am, hari minggu seperti Sabtu dan Ahad juga tidak diberi tambahan gaji. Tiada sebarang elau atau faedah lain diberikan kepada pekerja. Akan tetapi pekerja-pekerja lebih rela bekerja pada hujung minggu daripada kerja lebih masa pada hari biasa. Mereka tidak mahu membuang masa dengan duduk di rumah sahaja. Insentif diri (self - incentive) sebagai buruh migran mendorong mereka untuk mendapatkan pendapatan yang lebih di hujung minggu. Lagipun duduk di rumah sepanjang hari adalah membosankan dan sekiranya keluar mencari hiburan, sejumlah wang terpaksa dihabiskan. Jadi untuk menjimat dan menambahkan pendapatan, kerja lebih masa pada hujung minggu lebih disukai.

Secara purata, pekerja-pekerja memperolehi 208 jam bekerja sebulan atau 26 hari. Ramai yang bekerja sehingga 28 atau 29 hari dalam sebulan²¹. Pekerja yang rajin mempunyai peluang kerja lebih masa membantu pihak pengurusan dalam pengukuhan konkrete (R.C. works) sehingga larut malam, adakalanya sehingga pukul 3 pagi. Pihak majikan lebih suka pekerja melakukan kerja lebih masa supaya projek pembinaan dapat dipercepatkan dan membawa lebih keuntungan. Kerja lebih masa ini merupakan sejenis eksloitasi tenaga pekerja oleh majikan bagi kepentingan mereka.

3.7 Insentif Kerja

Dalam konteks buruh binaan Foochow Sitiawan di Singapura, boleh dikatakan tiada sebarang insentif yang diberikan oleh majikan selain daripada pendapatan yang agak lumayan. Walau bagaimanapun, majikan menggunakan pelbagai cara untuk memanipulasikan tenaga pekerja tersebut.

Desakan sosio-ekonomi yang menyebabkan pekerja-pekerja ini sebagai buruh migran seperti yang dibincangkan dalam bab 2, juga mewujudkan 'Limited Personal Incentive' di kalangan mereka. Ganjaran wang menjadi

21. Ada seorang pekerja yang bekerja untuk pihak pengurusan dalam kerja kasar dan pengukuhan konkrete mencapai 35 hari atau 280 jam sebulan.

insentif penting untuk mendorong mereka bekerja keras. Tambahan pula pekerjaan sebagai buruh binaan pada zaman sekarang dalam masyarakat Timur tidak memberikan kedudukan status yang baik.

Pihak majikan tidak memberikan bonus tahunan, elau kerja, outi tahunan, outi sakit, kemudahan-kemudahan sampingan atau mengajurkan aktiviti-aktiviti sosial untuk pekerja-pekerjanya. Apa yang diperolehi oleh pekerja hanyalah gaji berdasarkan jumlah jam bekerja. Hanya pada waktu perayaan tertentu seperti Tahun Baru Cina, Perayaan Kuih Bulan, 'Chung Festival' dan semasa sesuatu projek pembinaan siap, majikan mengadakan majlis makan malam di restoran bersama pekerja-pekerjanya.²² Sewaktu Tahun Baru Cina, majlis ini biasanya diadakan di restoran makanan laut Kampung China Sitiawan.

3.7.1 Cara Pembayaran Gaji dan Promosi

Secara amnya, sehari bekerja dalam sektor pembinaan bermakna 8 jam tidak termasuk kerja lebih masa. Sewaktu kajian ini dijalankan pada bulan April 1990, buruh mahir dibayar S\$5.625 sejam (S\$45.00 sehari), buruh separuh mahir S\$4.50 sejam (S\$36 sehari) dan buruh kasar (unskilled workers) S\$4.375 sejam (S\$35 sehari).²³

Seoara purata,²⁴ pekerja tanpa kemahiran mendapat gaji sebanyak S\$910.00 sebulan iaitu bekerja sebanyak 26 hari. Buruh separuh mahir pula memperolehi pendapatan sebanyak S\$936.00 dan buruh mahir sebanyak S\$1,170.00 sebulan. Kebanyakan pekerja tidak membayar cukai pendapatan atau 'levy' kerana mereka adalah 'illegal workers'. Mereka juga tidak perlu membayar sewa rumah, elektrik dan air kerana tinggal di kawasan pembinaan. Hanya makanan sahaja yang perlu dibeli.

-
22. Pengkaji pernah menghadiri majlis makan malam sebanyak 2 kali di Singapura.
 23. Skima gaji ini adalah paling minima ketika itu untuk etnik Cina. Etnik lain diberi skima gaji yang lain dan ada sub - kontraktor lain memberi gaji yang lebih tinggi.
 24. Anggaran purata ini berdasarkan andaian segala proses pembinaan berjalan dengan lancar.

Satu perkara yang menarik di sini ialah pekerja-pekerja boleh mendapat 'advance' pada bila-bila masa. Syaratnya hanya 'advance' tidak boleh dibuat melebihi jumlah gaji yang masih ada. Namun demikian, ada pekerja yang membuat 'advance' sehingga melebihi gaji mereka sebelum akhir bulan. Keadaan ini boleh berlaku kerana hubungan yang rapat di antara majikan dengan pekerja.

Cara pembayaran gaji ini memberi banyak kelebihan kepada majikan. Pertamanya, majikan dapat membuat belanjawannya di mana pendapatan mereka adalah keuntungan dari hasil kerja buruh-buruh yang dikira pada ketika-ketika tertentu. Majikan juga membuat 'advance' dari pihak pengurusan untuk membayar gaji pekerja dan keperluan dirinya. Kedua-duanya 'advance' yang diberikan kepada pekerja secara tidak langsung mendorong pekerja untuk terus bekerja. Pekerja merasa puas hati bila selalu mendapat wang dari pihak majikan.

Dalam kes ini, majikan juga telah menaikkan gaji sebanyak S\$2.00 kepada setiap pekerja selepas 3 bulan kajian ini dijalankan.²⁵ Kenaikan ini dilakukan berikutan rasa tidak puas hati pekerja. Jadi ia dilakukan untuk mengambil hati pekerja supaya lebih tekun bekerja. Di samping itu, promosi juga diberikan kepada pekerja yang telah lama berkhidmat serta telah memperolehi kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Promosi adalah untuk buruh kasar kepada buruh separuh mahir atau terus ke buruh mahir. Sebenarnya, promosi ini jarang sekali dilakukan dan bergantung kepada majikan (sub-kontraktor) yang berkenaan.

3.8 Keselamatan Semasa Bertugas

Dari segi keselamatan, pekerja buruh binaan masih banyak terdedah kepada ancaman bahaya maut dan kecederaan. Kecederaan ringan seperti luka boleh dikatakan berlaku setiap hari di kawasan pembinaan. Punca atau jenis-jenis kemalangan berlaku di kalangan buruh binaan boleh

25. Maklumat ini diperolehi oleh pengkaji semasa lawatan ke Singapura pada bulan September, 1990. Sub-kontraktor memberitahu pengkaji bahawa beliau berroadang untuk menyelaraskan gaji pekerja dalam tempoh 4 bulan sekali.

dibahagikan kepada 3 faktor utama iaitu keadaan kerja pembinaan bangunan-bangunan sememangnya bahaya, sikap dan mentaliti pekerja terhadap keadaan keselamatan dan kecuaihan pekerja akibat kurangnya latihan untuk pekerja - pekerja bagi mengatasi masalah - masalah keselamatan.

3.8.1 Ancaman Keselamatan dalam Kerja Pembinaan Bangunan yang Tinggi

Setengah daripada kemalangan yang berlaku di kawasan pembinaan bangunan adalah sukar dielakkan walaupun terdapat daya usaha untuk mencegah atau mengurangkannya. Seorang responden yang sudah agak berumur memberitahu pengkaji bahawa semasa waktu mudanya. Beliau terlibat dengan pembangunan kawasan Red Lantern Place dan dari tahun 1972 hingga 1973 beliau menyaksikan 3 kes kemalangan yang membawa maut di mana mangsa-mangsa tersebut telah jatuh dari tingkat yang tinggi. Menurutnya, bangunan tersebut setinggi 40 tingkat pada masa kini. 2 orang pekerja pula mati dihempas oleh benda-benda berat di kawasan pembinaan Lumut Jeti, Perak pada 1980 dan seorang mati terjatuh dari bangunan yang sedang dalam proses pembinaan di Ghimo Housing Estate, Singapura tahun 1974²⁶. Sementara itu seorang pekerja Thai telah mati kerana terjatuh dari tingkat 15 di Tampines Avenue Six, Singapura di mana projek pembinaan bangunan setinggi 18 tingkat²⁷.

Kemalangan selalunya berpunca dari ketidakmampuan pekerja mengawal keadaan tertentu seperti kejatuhan benda-benda dari tempat tinggi. Bahan-bahan binaan sering terjatuh apabila dikaut oleh krem ke tingkat-tingkat yang tinggi. Kontainer yang dinaikkan melalui krem selalunya terhuyung-hayang, tersangkut atau melanggar dinding bangunan lalu menumpahkan sebahagian kecil benda-benda yang dibawanya. Keadaan ini berlaku kerana pemandu krem berada di tempat yang paling tinggi sementara pekerja yang cuba memberi isyarat tangan atau radio untuk

-
26. Temubual dengan informan utama Enoik Ho seorang pengurus projek pembinaan di kawasan kajian.
 27. Temubual dengan informan utama Enoik Khoo seorang sub-kontraktor (majikan) dalam kes ini.


menaikkannya berada di bawah bangunan tersebut. Seringkali pekerja dengan pemandu krem saling tidak nampak dan dalam keadaan ini jeritan atau hubungan radio digunakan.

Kadangkala kontainer yang dinaikkan pula terjatuh dari tempat tinggi sekiranya tidak diletakkan di atas rangka kayu dengan teliti. Kejadian seumpama ini berlaku ketika pengkaji memberi isyarat supaya kontainer yang penuh dengan 20 bungkus simen ditarik masuk ke dalam tingkat 18. Pekerja di tingkat tersebut tidak menempatkannya dengan sempurna dan 5 minit kemudian kedengaran bunyi yang kuat menghempas tanah dan koncrete yang sudah dibina.²⁸ Insiden seumpama ini berlaku semula pada keesokan paginya. Lebih kurang 10.45 pagi, rantai besi kontainer terurai dari sangkutan lalu mengugurkan keseluruhan kontainer yang mempunyai muatan batu bata seberat beribu paun ke atas pelantar.²⁹ Beberapa orang pekerja yang sedang bekerja di atas pelantar terkejut dan lari bertempiaran. Tiada kecederaan yang berlaku tetapi pengurus projek merasa amat kecewa dengan kejadian itu lantas satu mesyuarat mengenai keselamatan pekerja telah disadakan di antara pihak pengurusan dengan semua sub - kontraktor.³⁰

Berkaitan dengan kemalangan, sebanyak 1400 kes kecederaan ringan dan serius telah dicatatkan oleh Kementerian Buruh Singapura dalam tahun 1985. Namun demikian data ini tidak lengkap kerana kecederaan yang dialami oleh buruh-buruh 'illegal' biasanya tidak dilaporkan.

Kementerian Buruh Singapura telahpun mewajibkan Kursus Orientasi Keselamatan (Safety Orientation Course) kepada semua pekerja buruh

-
- 28. Insiden ini berlaku pada sebelah petang 10/4/90. Pengurus projek kelihatan amat marah dan kegiatan pembinaan terhenti untuk beberapa minit selepas kejadian.
 - 29. Sebuah lubang besar tertinggal di atas pelantar. Gambar-gambar insiden ini dapat dilihat di mukasurat 13 di bawah topik pemerhatian dan penglibatan diri dalam bab 1.
 - 30. Di bawah undang-undang Singapura, jika kematian berlaku, operasi pembinaan berkenaan dikehendaki berhenti sehingga selesai penyiasatan oleh pihak berkuasa yang biasanya mengambil masa kira-kira tiga bulan.



(sumber: Berita waktu malam SBC channel 5, 1.9.1990)

Gambarajah 7 : Kes - kes kemalangan (1985 - 1989)

binaan sejak 2 tahun yang lepas. Kini kerajaan Singapura pula cuba menguatkuasakan lagi undang-undang yang sedia ada dan memberi latihan yang intensif kepada buruh-buruh binaan. Sejauh manakah ia akan berkesan bagi menurunkan kadar kemalangan jika terdapat begitu ramai buruh-buruh 'illegal' di negaranya?

3.8.2 Kecuaian dan Tahap Pengetahuan Keselamatan

Kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaian pekerja sendiri. Salah satu punca kecuaian adalah kekurangan pengetahuan tentang keadaan keselamatan di kawasan pembinaan. Pengetahuan bagaimana menggunakan peralatan dengan betul, teknik memasang perancah dan sebagainya adalah penting bagi mengelakkan atau mencegah kemalangan dari berlaku. Buruh binaan memperolehi pengetahuan ini melalui pengalaman mereka termasuk tunjuk ajar dari ketua dan buruh yang lebih berpengalaman. Akan tetapi terdapat kursus Orientasi Keselamatan (SOC) yang dianjurkan oleh Kementerian Buruh Singapura.

Buruh-buruh Foochow Sitiawan tidak mendapat faedah dari SOC yang dianjurkan itu kerana kebanyakannya merupakan buruh 'illegal' iaitu sebanyak 66.7% dari sample kajian. Walaupun SOC ini adalah untuk semua buruh binaan di Singapura tetapi buruh-buruh 'illegal' tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa Singapura.

'The course is meant for all construction workers. Non-Singaporeans must be holders of valid work permits.'³¹

Akibatnya, lebih ramai buruh-buruh 'illegal' melakukan kecuaian dan membawa kepada kemalangan. Antara kes-kes kemalangan dan insiden yang disebutkan tadi (3.8.1) juga berpunca dari kelalaian pekerja. Satu lagi kes kemalangan yang berpunca dari kelalaian berlaku di Chai Chee St., Singapura dalam tahun 1985. Seorang pekerja Foochow Sitiawan telah dihimpit oleh kontainer ke atas pasir akibat kelalaian-nya sendiri. Beliau terpaksa berehat selama setengah tahun selepas pembedahan dijalankan ke atasnya.³²

3.8.3 Sikap dan Kepercayaan Pekerja terhadap Keselamatan

Buruh-buruh binaan selalunya mempunyai satu sikap yang negatif terhadap peralatan yang disediakan untuk keselamatan mereka. Jarang sekali kelihatan pekerja memakai topi keledar yang disediakan. Mereka lebih yakin kepada kebolehan diri mengatasi keadaan bahaya di samping inginkan keselesaan dan kebebasan bergerak. Encik Khoo memberitahu pengkaji bahawa tali pinggang keselamatan yang disediakan itu tidak disukai oleh pekerja kerana ia menghadkan pergerakan seseorang ke sesuatu tempat sementara topi keledar menambahkan berat dan kepanasan di kepala. Pengkaji mendapati pekerja tidak memakai topi keledar walaupun berada di kawasan yang dikhaskan sebagai 'Helmet Zone'. Begitu juga dengan mereka yang bekerja di luar bangunan yang tinggi tanpa tali pinggang keselamatan.³³ Kebanyakan kes terjatuh dari bangunan semasa bekerja adalah kerana tidak mematuhi peraturan

-
31. Safety Orientation Course - Construction Industry Development Board (Lampiran 5).
 32. Temubual dengan Encik Khoo.
 33. Selalunya sub-kontraktor (ketua atau majikan) sendiri tidak mematuhi peraturan keselamatan dan memberi alasan-alasan bagi pihak pekerjanya kepada pihak pengurusan.

keselamatan tadi. Di samping itu lif yang disediakan selalunya melebihi muatan yang dibenarkan. Notis amaran menyatakan hanya 10 orang dibenarkan tetapi selalunya ia melebihi 15 orang bersama dengan perkakas-perkakas binaan.

Buruh-buruh binaan etnik Cina juga terikat dengan kepercayaan agama mereka. Bila sesuatu kemalangan berlaku, ia biasanya dikaitkan dengan sembahyang pagi mereka yang tidak sempurna atau belum dilakukan³⁴. Hari pertama dan ke - 15 dalam setiap bulan mengikut kalender Cina akan diadakan pemujaan oleh buruh-buruh binaan ini. Setengah buruh membakar gaharu setiap pagi sebelum memulakan kerja. Pemujaan dan pengorbanan secara besar-besaran untuk dewa-dewa sering diadakan oleh pihak majikan pada permulaan sesuatu projek pembinaan dan juga pada hari perayaan-perayaan ini akan memberi keyakinan kepada pekerja-pekerja semasa bertugas.


3.9 Proses Pengambilan Pekerja

Cara pengambilan pekerja-pekerja Foochow oleh majikan memperlihatkan ikatan 'clanship' di antara mereka. Semasa projek bermula, sub-kontraktor (majikan) yang juga berasal dari Sitiawan telah membawa bersama beberapa orang pekerja yang rapat dengannya ke Singapura. Pemuda-pemuda sekampung di Sitiawan atau saudara-mara adakalanya datang sendiri ke Singapura untuk bekerja dengannya.³⁵ Seorang buruh mahir yang pernah bekerja dengannya telahpun datang ke Singapura dan selepas beberapa hari telah diambil oleh majikan untuk bekerja. Pengambilan pekerja juga bergantung kepada keperluan tenaga buruh

-
34. Dewa yang dikaitkan dengan keselamatan ialah La Tok Kun atau Tuhan 'Datok' yang selalu memberi kecelakaan kepada manusia kalau tidak dijaga dengan baik. Tuhan ini selalunya hidup di tempat yang terbiar seperti hutan, pokok dan sebagainya. Buruh percaya bahawa penerokaan atau pembinaan telah menganggu ketenteraman tuhan ini. Jadi penyembahan dengan buah-buahan dan gaharu harus diadakan.
 35. Agensi-agensi kereta sapu di Sitiawan dan Singapura (milik orang Sitiawan) biasanya tahu di mana letaknya tapak pembinaan yang mempunyai sub-kontraktor Foochow Sitiawan.



Gambar 6 : Notis di hadapan pintu lif menunjukkan hanya sepuluh orang sahaja dibenarkan naik tetapi ia selalu dinaiki oleh 15 - 16 orang bersama peralatan yang dibawa.



Gambar 7 : Perhatikan lif yang telah sampai ke tingkat atas hanya mempunyai satu sandaran sahaja. Beberapa kes kemalangan yang mengakibatkan kematian telah berlaku di tempat lain sebelumnya dalam jenis lif yang sama.



Gambar 8 : Perhatikan 2 orang pekerja sedang sibuk melapis dinding di luar bangunan (tingkat 3). Mereka tidak memakai tali pinggang keselamatan dan memakai kain di kepala sebagai ganti kepada topi keledar keselamatan.



Gambar 9 : Pekerja ini sedang melakukan sesuatu di tingkat 18 (luar bangunan) tanpa sebarang peralatan mencegah kemalangan.

oleh majikan. Ada ketika tertentu, banyak tenaga buruh diperlukan terutama sekali bila banyak kerja-kerja masih tertinggal dan harus disegerakan.

Semasa kajian ini dijalankan, sub-kontraktor sendiri telah pulang ke Sitiawan sebanyak 2 kali untuk mencari pekerja bagi mempercepatkan proses pembinaan. Seorang buruh yang pernah bekerja dengannya di Sitiawan dahulu telah datang dengan 'kereta sapu' (teksi jenis Mercedes Benz lama) beberapa hari selepas kepulangan sub-kontraktor ke Singapura. Kadangkala pekerja disuruh untuk memperkenalkan rakan atau saudara mara mereka kepada majikan bila tenaga pekerja lebih diperlukan. Peminjaman pekerja dari sub-kontraktor lain yang juga dari Sitiawan juga berlaku dalam keadaan tertentu.

3.10 Kesimpulan

Buruh-buruh Foochow Sitiawan tidak mendapat keadaan kerja yang baik dari segi kebijakan dan persekitaran kerja dalam sektor pembinaan di Singapura. Insentif diri untuk bekerja kuat semata-mata untuk mendapatkan wang timbul kesan dari desakan sosio-ekonomi tempat asal di Sitiawan. Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan dari suasana kerja dapat diselesaikan melalui ikatan dan perhubungan rapat dalam kumpulan mereka sendiri.

4.1 Pengenalan

Buruh migran biasanya terpaksa mengharungi pelbagai masalah dan kesulitan dalam kehidupan sosial mereka. Kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baru adalah penting bagi membolehkan mereka terus tinggal dan bekerja untuk jangkamasa tertentu.

Antara masalah yang dihadapi adalah seperti kesulitan mendapat permit kerja, tempat tinggal yang tidak memuaskan dengan sedikit kemudahan asas, hubungan dengan pekerja lain yang berbeza dari segi etnik dan tempat asal dan masalah mendapatkan kerja yang sesuai. Kesemua ini merupakan fenomena yang biasa dalam kehidupan sosial kebanyakannya buruh migran termasuk buruh binaan Foochow Sitiawan di Singapura.

4.2 Keadaan Tempat Tinggal

Dalam projek pembinaan yang besar, buruh-buruh dari luar selalu-nya tinggal di kawasan pembinaan. Dengan cara ini, kos sara hidup yang tinggi di bandar besar dapat dikurangkan. Pekerja tidak perlu membiayai kos pengangkutan, sewa rumah, sewa letrik dan bekalan air kecuali makanan, hiburan dan beberapa keperluan asas seperti sabun, tuala, baldi dan sebagainya. Namun demikian, tempat tinggal perouma di kawasan pembinaan bukanlah selesa seperti keadaan kos rumah rendah atau asrama pekerja malah ia lebih teruk dari keadaan penempatan setinggan.

Semua pekerja Foochow Sitiawan tinggal di kawasan pembinaan dalam 2 bilik berasingan kecuali sub-kontraktor yang telah menyewa bilik di Johor Bahru setelah beberapa bulan tinggal bersama pekerja-pekerjanya. Pada mulanya hanya sebuah bilik besar digunakan tetapi bilangan orang Foochow bertambah ramai dan sebilangan kecil terpaksa berpindah ke tingkat 2 untuk mengurangkan kesesakan. Walau bagaimana-pun, bilik besar di tingkat bawah itu masih merupakan pusat penemuan pekerja Foochow semasa rehat dan waktu lapang. Di sebelah bilik besar pekerja Foochow pula menjadi tempat tinggal pekerja-pekerja Thai sementara sekumpulan pekerja Kantonese dari Ipoh dan Kuala Lumpur tinggal di bilik yang bertentangan. Kesemua bilik ini merupakan bilik

sementara yang belum siap dibina dan serba kekurangan.

Tiada sebarang kemudahan kecuali bekalan elektrik dan air paip. Pendawaian elektrik ke bilik pekerja dibuat oleh mereka sendiri di mana hanya sebuah lampu kalimantan dan 2 buah soket untuk menjerang air. Bekalan air diperolehi dari bilik-bilik air yang terletak di hadapan bangunan yang sedang dalam proses pembinaan. Bilik air ini dikongsi bersama oleh semua pekerja dan juga untuk kegunaan proses pembinaan. Pekerja-pekerja terpaksa menunggu giliran untuk mandi dan mencuci pakaian pada waktu petang selepas kerja kerana hanya terdapat 5 buah bilik air termasuk 3 buah tandas yang juga berfungsi sebagai bilik mandi.¹ (Lihat gambar 10 dan 11).

Kemudahan dan peralatan lain adalah dibuat atau dibeli oleh pekerja sendiri. Setengah peralatan seperti television, radio, cerek elektrik dan bekas air disediakan oleh majikan (sub-kontraktor) untuk keselesaan pekerja (Lihat gambar 12). Barang-barang kegunaan peribadi dibeli oleh pekerja dan kebanyakannya diletakkan di atas katil panjang yang dibuat oleh pekerja-pekerja sendiri dari papan lapis dan perancah besi (Lihat gambar 13 dan 14). Katil panjang ini mempunyai pelbagai kegunaan. Di samping menjadi tempat rehat dan tidur, ia juga digunakan untuk meletak barang dan tempat makan.

Dari segi kesihatan, persekitaran tempat tinggal di kawasan pembinaan adalah amat kotor serta diselubungi oleh bau yang tidak menyenangkan. Pekerja-pekerja jarang menggunakan tandas untuk membuang air kecil. Mereka sudah biasa dengan cara pembuangan air kecil di marata tempat dalam kawasan pembinaan.² Sampah-sarap dan

-
1. Terdapat kira-kira 70 orang pekerja tinggal di kawasan pembinaan termasuk pekerja Thai, Kantonese, Foochow dan Hokkien.
 2. Pekerja rasa lebih selesa dan mudah bagi mereka membuang air kecil di tempat kerja berbanding dengan pergi ke tandas kongsi di luar bangunan. Mereka tidak biasa turun dari bangunan yang bertingkat-tingkat terutama sewaktu kerja semata-mata pergi membuang air. Berikut ini, pengurus projek mengeluarkan kenyataan bahawa sesiapa yang diketahui masih berbuat demikian akan dibuang kerja tetapi kenyataannya tidak dihiraukan langsung. Semasa temubual pengkaji dengannya, beliau menjawab bahawa memang disedari bahawa kenyataannya tidak praktikal tetapi semata-mata untuk mengurangkan tingkahlaku yang tidak menyenangkan itu.



Gambar 10 : Gambar di atas menunjukkan bilik-bilik air untuk kegunaan pekerja yang tinggal di kawasan pembinaan.



Gambar 11 : Gambar di atas menunjukkan 5 buah bilik air termasuk 3 buah tandas yang juga digunakan untuk mandi dan menouci pakaian.



Gambar 12 :

Ini adalah antara kemudahan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari.



Gambar 13 : Kemudahan lain seperti tilam, tikar, penyidai, kipas, radio dan sebagainya berselerak di dalam bilik.



Gambar 14 : Katil yang dibuat dari papan lapis dan perancah besi merupakan tempat beristirahat, makan, minum, menyimpan barang dan sebagainya.

1. Pembiayaan kepada keluarga yang ketinggalan oleh pengeluaran pendidikan dan pengeluaran rumah di akhir tahun. Pendapatan ini merupakan sumber utama. Pendapatan anak dipercayai kepada pengeluaran di rumah sebaiknya dikenakan dengan kurang daripada dua puluh lima peratus yang sama.
2. Pendapatan kepada keluarga yang ketinggalan oleh pengeluaran pendidikan dan pengeluaran rumah di akhir tahun. Pendapatan anak merupakan sumber utama pendidikan dan kerja. Pendapatan anak pada masa ini merupakan sumber utama.
3. Pendapatan 15.000, dan anak lepas bilang 15000 dan anak puluhan juta tergantung di dasar. Pendapatan anak sebagai orang yang tidak berkerja bukan sumber pendapatan bagi keluarga karena anak adalah.
4. Walaupun hasil dari perkembangan Tunas ini "dikata" keadaan mereka belum ditentukan secara sosial berdasarkan informasi sebelumnya, tetapi dalam sejak waktu Perang dunia kedua, hasil bukanlah yang penting lagi, kerana pengetahuan dan teknologi yang ada pada masa itu masih belum mencukupi untuk menghasilkan hasil yang baik.

takungan air juga banyak terdapat di sekitar tempat tinggal.³ Lantar-an itu, lalat juga membiak dengan cepat dan ketika pekerja-pekerja terlena pada waktu malam, lalat-lalat kelihatan menghinggapi muka pekerja-pekerja. Proses pembinaan juga meninggalkan banyak habuk dan kotoran lain di sekitar tempat tinggal. Kehilangan barang dan wang juga sering berlaku.⁴ Pekerja-pekerja tidak dapat menyimpan barang dan wang mereka dengan selamat kerana kekurangan kemudahan seperti almari yang berkunci dan sebagainya.

4.3 Perhubungan Dengan Etnik Lain

Perhubungan di antara pihak pengurusan dan majikan dengan pekerja telahpun dibincangkan dalam bab 3. Perbincangan mengenai perhubungan antara etnik akan dibuat dalam bahagian ini. Setiap kumpulan etnik⁵ berbeza dengan kumpulan yang lain dari banyak segi seperti linguistik, adat-resam, pola kelakuan, tingkahlaku seks, orientasi politik, aktiviti ekonomi dan pola hiburan. Di kawasan pembinaan, pekerja-pekerja Thai, Cina (pelbagai dialek), Sri Lanka dan Melayu adalah berasal dari latarbelakang budaya dan tempat asal yang berbeza. Justeru itu, ia menimbulkan masalah dalam perhubungan dan interaksi di antara mereka. Penekanan hanya akan diberikan kepada perhubungan di antara pekerja Foochow Sitiawan dengan Thai dan Foochow dengan Kantonese dan Hokkien kerana mereka lebih kerap bersua muka serta

-
3. Pemeriksaan pegawai kesihatan yang kerap menyebabkan pihak pengurusan sentiasa menyembur ubat Pencegah kuman di sekitar kawasan takungan air dan amaran-amaran pengurus projek tentang pembuangan sampah di merata tempat sedikit-sebanyak juga menyedarkan pekerja-pekerja.
 4. Pada malam 19.4.90, Tan Ngan telah hilang S\$34.00 dari saku seluarnya yang tergantung di dinding. Pencuri adalah disyaki sebagai orang luar kerana pekerja-pekerja Foochow sentiasa saling percaya pada kumpulan mereka sendiri.
 5. Etnik berasal dari perkataan Yunani iaitu 'ethnos' bermakna orang. Konsep ini selalu ditafsirkan secara sosial berdasarkan ukuran ciri-ciri kebudayaan. Kekeliruan selalu timbul di antara konsep etnik dengan ras. Satu kumpulan etnik biasanya mempunyai 'we feeling' kerana pengalaman sejarah dan tradisi budaya yang sama sementara ras adalah pembahagian kumpulan manusia berdasarkan persamaan ciri-ciri fizikal seperti bentuk kepala, jenis rambut, warna kulit dan sebagainya.

sama-sama tinggal di kawasan pembinaan. Pekerja Foochow, Kantonese dan Hokkien adalah sub-dialek dari etnik Cina tetapi masih mempunyai perbezaan dari segi budaya dan tempat asal.

4.3.1 Interaksi di antara pekerja Foochow dengan Thai

Seperti yang dinyatakan tadi, perbezaan latar - belakang budaya telah menimbulkan masalah dalam perhubungan di antara pekerja Foochow dengan Thai. Kekerapan interaksi boleh dikatakan amat rendah sekali dan terhad kepada keadaan - keadaan tertentu sahaja. Kekurangan interaksi menimbulkan banyak salah faham, prejedis dan sikap 'ethnocentric'. Sikap 'ethnocentric' ini mendorong sesuatu kumpulan atau bangsa menganggap ciri-ciri kebudayaan mereka lebih wajar, betul dan 'superior' sementara kebudayaan kumpulan lain dipandang rendah, ganjil serta tidak bermoral. Keadaan ini menyebabkan hubungan antara pekerja Foochow dengan Thai renggang dan saling tidak menyenangi antara satu sama lain.

Ikatan persaudaraan yang erat di kalangan orang-orang Foochow mewujudkan nama-nama samaran atau gelaran tertentu kepada ahli-ahli kumpulannya tetapi yang menghairankan ialah mereka tidak pernah cuba mengambil tahu hal-ehwal orang-orang Thai yang tinggal di sebelah bilik. Tiada seorang pun yang tahu nama-nama individu pekerja Thai atau kampung halaman mereka. Begitu juga bagi pekerja-pekerja Thai. Masing-masing tidak menyenangi kehadiran pihak lain di kawasan pembinaan. Kedua-dua pihak cuba mengekalkan kebudayaan masing - masing serta tidak mengambil initiatif untuk membina perhubungan di antara mereka. Mereka nampaknya merasa lebih selamat dalam kumpulan sendiri. Tambahan pula, sub-kontraktor (majikan) selalu menanamkan semangat kekitaan di dalam kumpulan Foochow supaya sentiasa bekerjasama di antara mereka. Sub-kontraktor merupakan orang Foochow yang dapat menjadi orang tengah semasa timbulnya masalah atau ketegangan di antara 2 pihak. Pihak pengurusan pula merasakan bahawa perhubungan di antara pekerja bukanlah urusan mereka kerana setiap kumpulan berada di bawah penjagaan sub-kontraktor atau majikan masing-masing.

Bagi pekerja Foochow, orang-orang Thai adalah manusia yang

tidak bertamadun. Sejak subuh lagi sudah kedengaran bunyi bising yang kuat dari Hi - fi bilik sebelah. Adakahnya pekerja Thai ini bergaduh dan berlawan sesama sendiri sehingga larut malam atau sehingga awal pagi selepas minum arak dengan terlalu banyak. Keadaan seperti ini sering berlaku pada malam selepas mereka mendapat gaji. Sebelum bergaduh, mereka memutar suara Hi-fi ke tahap yang tinggi sambil menari dan menjerit. Keadaan seperti ini menimbulkan kemarahan buruh-buruh Foochow di bilik sebelah. Kerapkali buruh-buruh Foochow yang lebih berumur dan matang menegah pekerja muda yang berdarah panas dari pergi ke bilik sebelah untuk bergaduh. Menurut mereka, orang Thai adalah ganas dan sanggup melakukan apa sahaja. Dalam satu kes pada bulan Februari 1990, seorang buruh Cina telah bertempur dengan seorang pekerja Thai dan mencederakannya (pekerja Thai) dengan sebilah gergaji. Polis telah datang dan mencatatkan butir-butir peribadi semua pekerja yang tinggal di situ.

Perasaan prejedis selalu wujud di antara etnik berlainan. Orang Foochow mendapati cara kehidupan pekerja Thai amat ganjil dan 'inferior' sementara pekerja Thai memandang pekerja-pekerja Cina sebagai sompong dan diberi kedudukan lebih tinggi oleh pihak majikan. Prejedis kedua pihak mempunyai asas kebenaran tetapi hanya terhad kepada tahap tertentu. Wujudnya prejedis dan 'stereotyping' yang kuat adalah hasil dari kurangnya interaksi dan pengetahuan tentang kumpulan yang berada di luar dari etnik mereka sendiri. Setiap etnik telahpun datang dengan kumpulan mereka sendiri pada awal proses pembinaan dan terus bergantung kepada kumpulan sendiri untuk mendapatkan perlindungan dan persahabatan. Jadi, tiap-tiap kumpulan etnik merasa bangga terhadap kumpulan sendiri lalu mengeneplikan kumpulan yang lain.

4.3.2 Pertalian Buruh Foochow dengan Kantonese dan Hokkien

Kualiti perhubungan di antara satu kumpulan dengan kumpulan-kumpulan lain adalah sentiasa berbeza. Orang-orang Foochow adalah lebih rapat dengan sub-etnik Cina lain seperti Kantonese dan Hokkien jika dibandingkan dengan pekerja Thai. Mereka dapat berhubung dalam


dialek Hokkien atau Kantonese. Suatu perkara yang menarik di sini ialah orang Hokkien dan Kantonese tidak memahami dialek Foochow sementara kebanyakan orang-orang Foochow boleh bertutur dengan baik dalam kedua-dua dialek berkenaan. Orang Foochow lebih mudah meresap serta melepassi sempadan sub-etnik mereka. Dengan ini, identiti dialek Foochow menjadi kabur kerana mereka juga merupakan orang Cina yang mempunyai ciri-ciri persamaan fizikal dan budaya dengan sub-etnik yang lain. Sebenarnya penekanan kepada persamaan etnik lebih nyata bila terdapatnya etnik lain dalam kawasan yang sama. Mereka telah dilihat oleh etnik lain sebagai orang Cina malah mereka sendiri telah cuba membezakan diri dari etnik lain seperti Thai, Tamil Sri Lanka dan Filipina yang berada di kawasan pembinaan.

Kebanyakan orang Cina yang berada di Singapura boleh berhubung dengan baik dalam bahasa Mandarin.⁶ Oleh itu, mereka yang tidak ada pengetahuan dialek lain boleh berhubung dalam bahasa Mandarin. Pekerja Foochow, Hokkien dan Kantonese selalu kelihatan bersalamans, berjenaka serta tidak salah faham terhadap kata-kata simbolik yang digunakan. Semasa makan tengahari, pekerja dari dialek-dialek yang berbeza ini dapat duduk dan makan bersama di suatu sudut tetapi orang-orang Thai berada dalam bilik mereka sendiri. Pekerja Thai menyediakan masakan mereka sendiri. Bau masakan mereka amat kuat dan tidak disukai oleh etnik Cina. Semasa penglibatan diri, pengkaji mendapati hampir seluruh orang Cina merasa tidak tahan dengan bau masakan mereka. Orang Foochow mengatakan bahawa sekiranya bau masakan tersebut terhidu di mana-mana kawasan pembinaan, pekerja-pekerja Thai pasti wujud di situ. Perbezaan cara masakan dan makanan ini juga mengakibatkan pengelakkan orang Foochow dengan pekerja Thai.

Berbanding dengan Kantonese dan Hokkien, perhubungan pekerja Thai dengan Foochow adalah amat sukar sekali. Hanya sebilangan kecil pekerja Thai yang boleh bercakap sedikit dialek Hokkien. Sekali-sekala pekerja Thai ini datang ke bilik Foochow tetapi hanya sedikit komunikasi yang dapat dilakukan. Orang Kantonese dan Hokkien lebih

6. Bahasa Mandarin adalah bahasa ibunda orang Cina dan digunakan dengan luas di Singapura sementara Hokkien merupakan dialek yang paling popular di negara itu.

kerap datang ke bilik Foochow dan sebaliknya semasa waktu lapang. Namun demikian, sub-etnik Foochow, Hokkien dan Kantonese ini masih mempunyai sempadan dialek mereka pada satu pihak yang lain. Mereka tidak tinggal dalam bilik yang sama. Orang-orang Foochow tinggal di bilik mereka sendiri bersama dengan dua orang dari dialek Hokkien dan Henghua yang fasih berbahasa Foochow dan juga berasal dari Sitiawan. Orang Kantonese pula tinggal di bilik berhadapan dengan bilik Foochow seperti dalam gambarajah 8 di bawah.



Gambarajah 8 : Pola-pola Pengelompokan Etnik dari segi Tempat Tinggal di kawasan pembinaan

Nampaknya tiada sebarang percubaan untuk mengintegrasikan etnik baik dari pihak pengurusan, majikan maupun dari pihak pekerja sendiri. Sebaliknya semua kumpulan tersebut berusaha mengekalkan 'cliques' yang kukuh di antara mereka⁷ walaupun semuanya bekerja dalam keadaan dan kawasan pembinaan yang sama.

7. Clique merujuk kepada 'we group' yang mempunyai kecenderungan yang sama.

4.4 Permit Kerja

Buruh-buruh dari Malaysia memasuki pasaran Singapura melalui pas lawatan social selama 2 bulan. Kebanyakannya akan mula bekerja dahulu sebelum memohon permit kerja dan ramai yang terus bekerja tanpa membuat permohonan sehingga melebihi 2 bulan di Singapura. Dalam kajian ini 33.3% daripada jumlah buruh Foochow yang dikaji mempunyai permit kerja. Semua urusan tentang permit ini dilakukan melalui pihak majikan dengan pihak pengurusan dan kerajaan. Jumlah 33.3% ini adalah lebih tinggi berbanding dengan masa-masa yang lalu di mana lebih ramai pekerja-pekerja dikehendaki bekerja untuk tempoh masa yang lebih lama.⁸

Jenis-jenis permit yang dimiliki oleh buruh dari luar di Singapura adalah seperti berikut :

- a) Permit individu : dimiliki oleh orang perseorangan
- b) Blok permit : dimiliki secara beramai-ramai atau berkumpulan

Orang Foochow menggunakan permit individu sementara pekerja-pekerja Thai menggunakan blok permit kerana mereka datang berkumpulan melalui 2 buah agen yang terdapat di Singapura dan Thailand.⁹

Jangkamasa sah permit yang dipegang oleh pekerja-pekerja terdapat dalam beberapa bentuk seperti berikut :

- a) Permit sementara : selalunya 3 bulan sahaja
- b) Permit $\frac{1}{2}$ tahun : 6 bulan
- c) Permit 1 tahun : 12 bulan

8. Temubual dengan Encik Khoo (majikan)

- 9. Maklumat dari Encik Ho (pengurus projek). Menurutnya, agen ini akan bertanggungjawab membawa pekerja-pekerja Thai yang sanggup membayar S\$2000.00 - S\$4000.00 ke Singapura serta menguruskan segala hal pekerjaan di situ. Agen-agen Cina ini mendapat keuntungan S\$1000.00 bagi setiap pekerja dan mereka amat rapat dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang berkaitan di Singpura. Kadar bayaran pada 1988 adalah S\$2000.00 - S\$4000.00

- d) Permit 2 tahun : 24 bulan (mesti diperbaharui selepas 12 bulan)
- e) Permit 3 tahun : 36 bulan (mesti diperbaharui setiap 12 bulan sekali). Permit 3 tahun ini hanya dikeluarkan kepada pekerja yang mempunyai kelayakan SPM / GCE dengan keputusan 5A atau STPM (4P) atau 'skill labours' dari VITB. Pemegang permit 3 tahun mempunyai keutamaan mendapat taraf 'Permanent Resident' di Singapura.

Sebanyak 44.4% pekerja Foochow mendapat permit kerja $\frac{1}{2}$ tahun dan mereka yang datang lebih lewat memperolehi permit kerja 2 tahun yang meliputi 55.6% dari jumlah pekerja Foochow yang mendapat permit kerja.¹⁰

Kerajaan Singapura telah memulakan sistem 'levy' pada tahun 1987 serta meletakkan semua bentuk permit kerja di bawah sistem ini kecuali permit kerja jenis 3 tahun yang masih di bawah pembayaran EPF. Setiap pemegang permit kerja dikehendaki membayar S\$140.00 sebulan kepada kerajaan tanpa mendapat apa-apa jaminan EPF. Kadar 'levy' ini telah meningkat kepada S\$250.00 pada tahun 1988 dan terus naik sehingga S\$280.00 semasa kajian ini dijalankan. Kenaikan ini dilakukan sebagai satu usaha kerajaan Singapura untuk menyekat kemasukan buruh asing khasnya dari Malaysia.¹¹

Kenaikan cukai 'levy' sebanyak 100% dari tahun 1988 ke awal tahun 1990 amat membebangkan pekerja-pekerja binaan di Singapura. Dalam sektor ini, majikan hanya menanggung separuh daripada cukai 'levy' pekerja. Ini bermakna buruh Foochow terpaksa membayar S\$140.00 setiap bulan tanpa mengambil kira jumlah pendapatan bulanan mereka.

-
- 10. Polisi buruh luar Singapura selalu berubah-ubah mengikut keadaan. Bila lebih ramai buruh diperlukan, permit kerja dengan jangka-masa panjang akan dikeluarkan. Pekerja-pekerja yang tidak berpendidikan tinggi juga mudah memperolehi permit kerja. Keadaan menjadi sebaliknya bila buruh-buruh tidak begitu diperlukan.
 - 11. Hal ini akan dibincangkan dalam bab akhir nanti.

Secara purata, mereka terpaksa membayar S\$4.67 sehari termasuk cuti awam dan hujung minggu. Pendapatan pekerja adalah berdasarkan jumlah jam bekerja dalam sehari. Jadi, untuk mengurangkan beban bayaran 'levy', pemegang permit kerja menjadi lebih tekun bekerja. Mereka biasanya mahu bekerja lebih masa pada hujung minggu dan hari kelepasan am. Pihak majikan juga selalu mengingatkan pemegang permit ini bahawa dia juga menanggung separuh dari bayaran cukai tersebut. Dengan ini, masalah '**absenteeism**' di kalangan pekerja Foochow yang memegang permit kerja tidak timbul atau ketara.

4.4.1 Pekerja 'Illegal'

Pekerja 'illegal' di sini adalah berdasarkan tarifan undang-undang buruh Singapura di mana seseorang pekerja dari luar telah bekerja di Singapura tanpa sebarang permit kerja. Bekerja tanpa permit kerja bermakna tiada rekod kerja pada pihak berkuasa dan kerajaan Singapura tidak mendapat cukai dari 'levy' dan pendapatan pekerja. Apatah lagi kerajaan Singapura amat mementingkan pekerja mahir dan terlatih. Undang-undang berkaitan dengan pekerja 'illegal' telah digubal semakin ketat sejak kebalangan ini.

Pada 31hb. Mac, 1989, kerajaan Singapura telah menggubal satu akta baru bagi mengawal masalah pendatang haram. Di bawah akta ini, individu luar negeri yang bekerja tanpa permit, jika tertangkap akan didenda sebanyak 5 ribu dollar bersama-sama majikannya atau hukuman penjara tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.¹²

Rakyat Malaysia yang masuk ke Singapura dengan pas lawatan social dan bekerja tanpa permit kerja adalah juga tertakluk kepada bidang kuasa akta tersebut.

Penguatkuasaan akta ini menyebabkan buruh binaan Foochow yang 'illegal' semakin takut dan bimbang sewaktu kerja dan menetap di kawasan pembinaan. Namun demikian, pekerja 'illegal' masih melebihi pemegang permit kerja di mana ia meliputi 66.7% dari keseluruhan

12. Zhongquo Pao (中國報), 22.8.1990 (m.s. 21) (Terjemahan).
Lihat Lampiran 3.

pekerja Foochow yang dikaji.

"Sementara itu 51% lagi merupakan pekerja tanpa permit kerja. Mereka bekerja dalam keadaan takut dan bimbang ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura. Mereka juga terpaksa berhati-hati semasa bersiar di bandar ataupun semasa bekerja." ¹³

Kenyataan Encik Koh mengenai pekerja tanpa permit terpaksa berhati-hati semasa bersiar di bandar tidak begitu tepat dalam konteks buruh binaan Foochow dalam kajian ini. Mereka telah lama berada di Singapura dan pengalaman telah mengajar mereka sedikit selok - belok perundangan Singapura. Ketakutan dan kebimbangan sewaktu berada di kawasan pembinaan memang tidak dapat dinafikan. Sewaktu berlakunya pergaduhan atau kemalangan, pekerja 'illegal' Foochow selalunya menyorok diri di kedai atau bangunan sebelah (di luar kawasan pembinaan) sehingga larut malam supaya memastikan pihak berkuasa tidak datang lagi.

Satu lagi masalah bagi pekerja 'illegal' ialah mereka terpaksa pergi membaharui pas lawatan social setiap 2 minggu ¹⁴ di pejabat kastam Woodland sehingga genap 2 bulan. Pas lawatan social hanya membenarkan seseorang berada di Singapura selama 2 bulan sahaja. Kebanyakan pekerja Foochow terpaksa pulang ke kampung selepas 2 bulan bekerja di Singapura. Selepas sebulan atau lebih, mereka kembali semula ke kawasan pembinaan dan diterima semula oleh majikan yang sama untuk bekerja. Akan tetapi terdapat sebilangan kecil pekerja yang menyorok di Singapura selama beberapa bulan tanpa dikesani oleh pihak berkuasa. Mereka selalu keluar memperbaharui pas lawatan pada hujung minggu ketika ramai pekerja dari Johor Bahru ingin pulang ke tanahair. Ketika inilah pihak kastam adalah terlalu sibuk dan jarang menyiasat latar belakang pengunjung dengan komputer dan biasanya membenarkan mereka masuk dengan senang. Dalam hal ini,

13. Koh Eng Bing, Sejarah Buruh-Buruh Keturunan Cina Foochow Sitiawan di Singapura, Tesis sarjana Jabatan Asia Tenggara Universiti Malaya, 1989.

14. Kad yang biasa dipanggil kad putih digunakan untuk memperbaharui pas lawatan terdapat di lampiran 6.

pengkaji sendiri pernah tinggal di Singapura selama hampir 3 bulan bekerja di kawasan pembinaan semasa cuti sesi 1988/89 dengan cara yang sama. Pembonceng motosikal lebih mudah melepas pihak kastam ini.

Kaedah lain yang digunakan adalah seperti menggunakan 2 buah pasport iaitu Pasport Malaysia Terhad dan Pasport Antarabangsa untuk memperbaharui pas lawatan. Kedua-dua buah pasport ini digunakan bergilir-gilir dan nampaknya kaedah ini amat berkesan juga. Ramai pekerja Foochow yang menggunakan kaedah ini juga dapat bertahan selama lebih dari setengah tahun. Ada setengahnya mencapai lebih dari setahun. Yang aneh sekali, ada di antara pekerja Foochow yang tidak keluar untuk memperbaharui pas lawatan selama beberapa bulan tetapi masih dapat melepas sempadan kastam untuk pulang ke Sitiawan dengan cara mereka sendiri. Cara ini adalah yang paling berisiko kerana kerajaan Singapura amat tegas dalam hal ini. Sesiapa yang didapati masuk ke Singapura secara haram atau tinggal di Singapura melebihi 90 hari tanpa kebenaran (tidak memperbaharui pas lawatan) akan dikenakan hukuman sebat sebanyak 3 kali atau dipenjara selama 3 bulan. Kesemua ini merupakan cabaran kepada pekerja Foochow kerana mereka masih mengambil risiko bekerja sebagai buruh migran 'illegal' di Singapura dengan pelbagai taktik dan kaedah tersendiri untuk mengatasinya.

4.5 Aktiviti - Aktiviti Masa Lapang

Bagi seseorang yang baru pertama kali tiba di Singapura dia akan dapati begitu banyak tempat yang menarik untuk dilawati tetapi tidak bagi buruh binaan Foochow Sitiawan. Mereka telahpun biasa dengan persekitaran di Singapura. Tiada apa yang istimewa bagi mereka di bandar Singa itu. Adaptasi yang cepat ini membawa kepada aktiviti-aktiviti tertentu pada waktu lapang.

Pekerja Foochow boleh dikatakan bekerja sepanjang minggu kecuali dalam keadaan tertentu seperti kekurangan material untuk pembinaan, hujan terlalu lebat serta membasahkan kawasan pembinaan dan hari-hari kelepasan tertentu. Sudah menjadi satu kebiasaan, pekerja Foochow berehat pada hari Ahad setiap 2 minggu sekali. Walaubagaimana pun,

ini tidaklah mutlak dan bergantung kepada keadaan. Kadangkala pekerja Foochow berehat pada hari Ahad selama 2 minggu kerana keletihan dan sebagainya.

Di hari - hari mereka tidak bekerja, pekerja-pekerja Foochow mula berkumpul dalam bilik untuk bermain mahjong, berjudi, beroatur atau berbaring sambil berjenaka (Lihat gambar 15). Setengah pekerja yang tidak berminat untuk berjudi atau beroatur biasanya lebih suka menghabiskan masa dengan berehat atau tidur di dalam bilik (Lihat gambar 16). Mereka tidak mahu melepaskan peluang ini kerana pada hari - hari yang lain mereka terpaksa bekerja keras. Ada pula yang pergi ke kompleks membeli-belah untuk 'window shopping' iaitu melihat tetapi tidak membeli. Jika tidak ke 'shopping complex', mereka pergi ke panggung wayang. 'Shopping complex' yang selalu dikunjungi adalah seperti Beauty World Shopping Centre di Bukit Timah, Woodland Shopping Centre, Boon Lay Shopping Centre, Sogo di Raffles City, Orchard Road, Marina Square, Peoples Park di China Town, Rochor Centre dan Katong Shopping Complex. Tempat-tempat ini merupakan kompleks membeli-belah yang besar dan lengkap dengan pelbagai jenis hiburan di sekitarnya. Golongan yang sudah berumahtangga biasanya lebih suka berada di kawasan pembinaan daripada keluar ke bandar untuk bersiar-siar. Dari sample pengkaji, mereka berjumlah 40% dari keseluruhan responden. Mereka lebih suka berjimat daripada keluar mencari hiburan. Keadaan ini bertentangan dengan sikap golongan yang lebih muda serta belum berumah-tangga. Kebanyakan pekerja dalam golongan ini berumur di antara 18 - 24 tahun. Mereka kerap mengunjungi kelab-kelab disco seperti Octagon di Kallang¹⁵ dan Fire di Orchard Road. Octagon merupakan tempat tumpuan rakyat Malaysia termasuk orang-orang Foochow dari Sitiawan.

Pada sebelah malam, golongan muda sering mengunjungi asrama pekerja kilang wanita serta menjemput gadis-gadis belasan tahun itu ke taman - taman bunga, tempat makan seperti di McDonald atau Kentucky, panggung wayang dan sebagainya. Banyak gadis-gadis belasan tahun juga menemani rakan-rakan mereka ke kelab disco Octagon di Kallang. Ada-

15. Kelab disco Octagon selalu dipenuhi oleh kaki disco pada petang Ahad dari pukul 3 - 5 petang kerana tawaran harga menjadi S\$3 sementara pada hari biasa adalah S\$10.



Gambar 15 : Pada masa lapang, pekerja selalunya menghabiskan masa dengan berjudi, bercatur atau bermain mahjong di bilik mereka seperti dalam gambar di atas.



Gambar 16 : Sementara yang lain sedang hangat berjudi, beberapa orang pekerja sedang berehat di atas katil kongsi yang dibina oleh mereka sendiri.

kalanya mereka beralih ke Marine Parade iaitu pantai di sebelah timur Singapura atau West Coast di pantai barat Singapura.

Dalam setengah kes, pekerja-pekerja pergi melawat sarang-sarang pelacuran yang terdapat di beberapa tempat seperti 'Lorong 18 Geylang', 'Jalan Besar', Kong Sak Gai di China Town dan Gin Chiu Ka (Kaki pisang emas) di Kallang. Dalam setengah keadaan agen-agen pelacuran membawa wanita Thai ke kawasan pembinaan untuk mencari pelanggan. Tidak semua pekerja terlibat dengan hal ini kerana kepercayaan, sikap dan mentaliti setiap individu adalah berbeza.

4.6 Turnover

'Turnover' merupakan sejenis pergerakan buruh di antara firma-firma. Ia juga merupakan sejenis mobiliti bagi buruh yang didefinisikan sebagai,

"Turnover is defined as the degree of individual movement across the membership boundary of a social system. Briefly, it is one type of labour mobility - inter firm movement. There are however, two types of turnover. The first is an individual movement across the membership boundary of a social system as initiated by the individual. The terms 'quit' and resignation are probably the most frequent label for voluntary turnover. The second, involuntary turnover, is movement not initiated by the individual, example of which are dismissals, layoffs, retirements and deaths.¹⁶

Berdasarkan definisi di atas, 'turnover' yang berlaku di kalangan buruh Foochow dalam sektor pembinaan meliputi jenis 'voluntary' dan 'involuntary'. Fenomena 'turnover' ini berlaku dengan meluas dalam sektor pembinaan di kalangan pekerja Foochow di Singapura.

Keadaan kerja pembinaan memaksa pekerja beralih dari satu majikan kepada yang lain. Hampir kesemua pekerja Foochow dalam kajian ini telahpun bekerja dengan lebih daripada 2 orang sub-kontraktor.

16. Dr. Fatimah Daud, Minah Karan : The truth about Malaysian Factory Girls (29).

Pergerakan buruh dari satu majikan kepada yang lain lebih mudah berlaku kerana tidak ada sebarang perjanjian bertulis yang dibuat semasa seseorang buruh mula bekerja. Majikan juga sedar bahawa pergerakan keluar-masuk buruh ini adalah amat tinggi tetapi mereka membiarkannya sahaja kerana buruh - buruh binaan ini tidak diberi sebarang latihan olehnya. Pekerja buruh kasar belajar kemahiran dari pengalaman mengikut buruh-buruh mahir dan separuh mahir. Lagipun, turnover yang tinggi bermakna pekerja - pekerja mudah diperolehi.

Semasa sesuatu projek pembinaan siap, pekerja - pekerja terpaksa pergi mencari kerja lain atau kerja pembinaan di bawah sub-kontraktor yang lain. Seseorang sub-kontraktor tidak mungkin mendapat kontrak atau projek secara berterusan. Kedua-dua pihak (majikan dan pekerja) sedar akan keadaan ini. Oleh itu, dalam setengah keadaan, pekerja yang pernah bekerja dengan sub-kontraktor tertentu datang semula mencari kerja tanpa sebarang rasa malu. Apa yang lebih menarik ialah terdapatnya peminjaman pekerja oleh sub - kontraktor - sub-kontraktor Foochow Sitiawan ini.

'Turnover' yang tinggi dalam kes pekerja Foochow di Singapura memberi faedah kepada kedua majikan dan pekerja. Kedua-dua pihak tidak terlalu mengambil kira soal 'turnover' ini. Pihak majikan mudah mendapat pekerja bila diperlukan sementara pekerja juga mudah mendapat kerja. Kemesraan perhubungan dan identiti Sitiawan di kalangan buruh-buruh Foochow termasuk sub-kontraktor membolehkan keadaan 'turnover' sebegini berlaku.

4.6.1 Semasa Ketiadaan Kerja

Proses pembinaan tidak menjamin kerja secara berterusan sehingga selesai sesuatu projek pembinaan. Dalam keadaan tertentu, kerja - kerja 'plastering' dan 'bricklaying' tidak dapat diteruskan. Umpamanya apabila bahan-bahan binaan sudah habis digunakan sementara tempahan hanya akan tiba dalam beberapa hari. Dalam keadaan lain pula, kerja-kerja 'reinforcement concrete' terlewat sementara proses pembinaan dalam 'bricklaying' dan 'plastering' telah bersilang dengannya. Kerja-kerja 'reinforcement concrete' perlu disiapkan

sebelum kerja menyusun bata dan melapis dinding dilakukan. Proses pembinaan memerlukan satu susunan kerja yang bertertib. Keadaan - keadaan seperti inilah menyebabkan pekerja-pekerja Foochow Sitiawan terpaksa duduk menunggu sahaja.

Jika R.C. work (reinforcement concrete) mengambil masa sebulan lagi, pekerja Foochow akan pulang ke Sitiawan untuk mencari kerja lain. Semua pekerja binaan ini telahpun mempunyai pengalaman kerja sebelum datang ke Singapura.¹⁷ Oleh itu, mereka dapat melakukan kerja-kerja seperti membantu keluarga berkebun dan menoreh getah.

4.7 Sumbangan Wang kepada Keluarga di Sitiawan

Dari 15 orang responden yang ditemubualkan, seramai 6 orang atau 40% telah mendirikan rumah tangga dan sudah mempunyai 5 orang anak daripada jumlah 6 orang atau 83.3% ini telahpun mempunyai anak-anak di sekolah rendah. Kebanyakan mereka meninggalkan anak isteri di kampung. 2 orang (33.33%) membawa isteri ke Singapura untuk bekerja di restoran dan kilang elektronik. Kedua-dua orang wanita ini tinggal di asrama pekerja yang disediakan oleh majikan.

Semua pekerja yang mempunyai anak meninggalkan anak-anak mereka di bawah jagaan isteri atau ibu mertua mereka di Sitiawan. Setiap bulan pekerja ini mengirimkan wang sebanyak M\$300 - M\$500 kepada keluarga di kampung untuk perbelanjaan isteri dan anak-anak.

Pekerja-pekerja yang belum berumahtangga kebanyakannya berumur dari 18 - 24 tahun sebanyak 46.67% dari jumlah yang belum berkahwin. Mereka ini masih muda serta aktif dalam kehidupan sosial di Singapura. Namun demikian mereka juga menyumbang secara tidak tetap untuk membantu keluarga di kampung. Mereka mengirim wang untuk membantu keluarga antara M\$100 - M\$250 bergantung kepada pendapatan bulanan dan perbelanjaan yang diperlukan. Kebanyakan mereka mengatakan kiriman itu adalah kerana rasa bertanggungjawab sebagai seorang anak yang sudah dewasa. Sebilangan kecil mengatakan ibubapa mereka meminta kerana terlalu miskin.

17. Sila rujuk jadual 3 dan jadual 4 dalam bab 2.

Jadual 5 : Kekerapan Pekerja Sudah Berumahtangga Mengikut Kumpulan Umur

Umur	Bujang		Berkahwin		Jumlah
	F	(%)	F	(%)	
18 - 24	7	46.67	0	0	46.67
25 - 29	1	6.67	3	20	26.67
30 - 34	0	0	1	6.67	6.67
35 - 39	1	6.67	2	13.33	20
Jumlah	9	60	6	40	100

Kekecualian berlaku dalam kumpulan umur 25 - 29 dan 35 - 39 kerana kedua-dua responden ini belum berumahtangga serta tidak membuat sebarang kiriman wang kepada keluarga di Sitiawan.

4.8 Imej Sosial dan 'Social Outlook'

Imej sosial di sini merujuk kepada pandangan ahli-ahli masyarakat terhadap buruh binaan dan juga gambaran diri individu Foochow Sitiawan yang diberikan kepada orangramai. Berbeza dengan imej sosial, 'social outlook' dalam konteks ini merujuk kepada pandangan buruh sendiri terhadap dirinya dalam masyarakat. Apakah prospek masa hadapannya dan kedudukan di dalam masyarakat? Soalan begini selalu timbul dalam perbualan pekerja buruh binaan Foochow di Singapura.

Pekerjaan sebagai buruh binaan adalah di antara kerja yang paling rendah taraf sosialnya dalam masyarakat Singapura. Rakyat Singapura tidak berminat langsung dalam kerja ini dan mendefinisikannya sebagai

'low job' atau 'dirty job' yang sepatutnya dilakukan oleh mereka yang berpendidikan rendah. Dalam kajian ini, tiada seorang pun penduduk Singapura berkecimpung dalam bahagian pembinaan atau sebagai buruh binaan. Malah di bahagian teknikal dan pengurusan, rakyat Singapura cuba membezakan status kewarganegaraan dan pekerjaan mereka. Semasa penglibatan diri pengkaji, seorang rakyat Singapura dari bahagian teknikal telah menghina pekerja-pekerja Foochow kerana bekerja sebagai buruh binaan dan berasal dari Malaysia. Akibat kelemahan yang ada, pengkaji telah campurtangan dan menanyakan beberapa soalan yang tidak dapat dijawab olehnya. Sehari sebelum pengkaji meninggalkan kawasan kajian, satu pertemuan dengan individu berkenaan telah berlaku. Beliau telah mengetahui yang pengkaji datang dengan tujuan membuat penyelidikan. Maka beliau pun memberi nasihat seperti berikut :

"....., don't do this dirty job in future.
It's for those who are not educated. They are very
ignorant and you will not be like them as you are
so well - educated,"

Stigma yang dikenakan ke atas pekerja binaan di Singapura menyebabkan kebanyakan pekerja Foochow berasa 'inferior complex' atau merasa rendah diri. Bila ditanya kenapa memilih pekerjaan ini, seorang responden menjawab:

"Saya tidak berpendidikan tinggi serta tidak mempunyai kemahiran lain. Dulu pekerjaan ini amat popular di Sitiawan dan berstatus pekerjaan yang agak tinggi."

Kebanyakan responden yang lebih tua memberitahu bahawa pekerjaan sebagai buruh binaan mahir dalam 10 - 20 tahun yang lepas sangat dihormati atau dipandang tinggi dalam masyarakat Foochow Sitiawan. Seorang lagi buruh mahir menceritakan bahawa sewaktu beliau bekerja di hadapan sebuah bangunan kerajaan, orangramai yang berpakaian kemas dan cantik melalui tempat kerjanya dan beliau berasa amat malu dengan keadaan yang kotor pada dirinya. Beliau mengakui kerja pembinaan ini sebagai 'low job' berbanding dengan kerja di sektor formal yang lebih bersih dan banyak faedah sampingan. Secara purata, hampir semua

pekerja Foochow mempunyai perasaan rendah diri dalam kerja pembinaan ini. Seorang buruh Foochow yang menyangka pengkaji telah gagal dari Universiti membuat kenyataan seperti berikut :

"Pelajar universiti (mahasiswa) pun bekerja seperti kita dalam kerja yang rendah dan kotor ini."

Bila disentuh mengenai masa depan, buruh-buruh Foochow ini selalunya bersikap pasif terhadap pekerjaan mereka. Mereka percaya kepada takdir dan nasib iaitu kalau kena loteri, tidaklah perlu bekerja sesusah ini.

4.9 Kesimpulan

Dalam kehidupan sosial di Singapura, pekerja buruh binaan Foochow menghadapi pelbagai masalah dari segi tempat tinggal yang serba kekurangan dan kotor, perhubungan dengan pekerja dari etnik lain dan pandangan masyarakat sekitar terhadap status pekerjaan mereka. Buruh 'illegal' pula menghadapi masalah untuk bekerja lebih lama dan selalu berada dalam ketakutan dan keimbangan.

5.1 Penemuan Kajian

Penghijrahan buruh - buruh dari satu negara ke negara lain merupakan satu fenomena yang biasa dalam dunia hari ini. Singapura juga menghadapi peningkatan buruh - buruh dari luar negeri dalam negaranya.¹ Salah satu sumber utama buruh luar negeri ini adalah dari Malaysia termasuk buruh-buruh Foochow Sitiawan.

Buruh-buruh Foochow Sitiawan berhijrah ke Singapura kerana tarikan upah dan matawang Singapura yang lebih tinggi dan disokong oleh beberapa faktor lain yang membolehkan mereka bertahan lama di sana. Pengekalan dan peningkatan buruh-buruh Foochow di Singapura pada hari ini adalah juga disebabkan oleh pergantungan Singapura kepada tenaga pekerja luar negeri.² Keadaan ini paling ketara dalam industri pembinaan³ di mana buruh-buruh tempatan (Singapura) memandang rendah pekerjaan buruh binaan.⁴ Tambahan pula Singapura menghadapi masalah kekurangan pelbagai jenis tenaga pekerja dalam pasaran buruhnya.⁵ Penduduk - penduduk yang layak bekerja tidak berupaya memenuhi permintaan tenaga buruh yang tinggi dalam pelbagai jenis sektor. Oleh itu, polisi buruh luar terpaksa diselaraskan setiap masa bagi memperolehi tingkat guna tenaga yang optima.

Buruh-buruh Foochow Sitiawan pula mengambil kesempatan untuk masuk ke pasaran buruh Singapura kerana upah yang diperolehi dari

1. Lawrence B. Krause, at. el, *The Singapore Economy Reconsidered*, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, 1987 (187).
2. Ibid, (187 - 188).
3. Ibid, (188); Data rasmi menunjukkan bahawa 46% dari jumlah buruh luar negeri bekerja dalam sektor perkilangan dan 20% dalam sektor pembinaan. Pengkaji mendapati jumlah buruh binaan yang 'illegal' adalah lebih banyak berbanding dengan buruh yang memperolehi permit kerja. Sektor perkilangan adalah lebih besar dari sektor pembinaan. Jadi, secara relatifnya, pergantungan kepada buruh luar adalah lebih jelas dalam sektor pembinaan.
4. Ibid.
5. Ibid, (175).

sektor pembinaan di tempat asal (Malaysia) adalah rendah sedangkan keadaan kerja tidak memuaskan. Jadi, ganjaran kewangan yang diperolehi menyebabkan mereka beranggapan bahawa segala kesusahan yang dihadapi semasa berada di Singapura merupakan masalah sementara sahaja. Apa yang lebih penting di sini ialah dapat membawa sejumlah wang pulang ke tempat asal setelah beberapa lama bekerja di sana.

Kejayaan orang-orang Foochow memasuki pasaran buruh Singapura dan seterusnya bertahan sehingga ke hari ini adalah kerana wujudnya ikatan 'olanship' dan pengenalan diri sebagai orang Sitiawan di antara mereka. Melalui ikatan ini, buruh-buruh yang masuk ke Singapura untuk kali pertamanya telah diberi bantuan dan perlindungan, kewangan dan sebagainya. Orang-orang yang menghulurkan bantuan ini biasanya merupakan saudara-mara atau rakan-rakan dari kawasan yang sama di Sitiawan. Mereka juga mencari pekerjaan yang sesuai bagi pendatang baru itu. Sekiranya majikan (sub-kontraktor) yang bertugas di sesuatu tempat pembinaan dan berasal dari Sitiawan maka peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah lebih tinggi. Lebih-lebih lagi kalau majikan itu berasal dari kampung yang sama dalam mukim Sitiawan kerana merasa malu kalau tidak membantu orang sekampungnya.

Sejak 1970an, telah muncul beberapa orang sub-kontraktor Foochow Sitiawan di Singapura. Mereka telah berusaha membawa lebih ramai orang Foochow ke Singapura. Kejayaan buruh-buruh Foochow memasuki pasaran buruh Singapura pada peringkat awal ini telah menarik lebih ramai lagi orang Foochow untuk pergi ke Singapura. Rakan-rakan dan saudara-mara yang pulang ke Sitiawan telah menceritakan segala kebaikan dan keuntungan yang diperolehi dari Republik tersebut. Kebanyakkannya telahpun membawa rakan atau saudara-mara mereka untuk menikmati faedah dari pekerjaan di Singapura. Lagipun, orang-orang Sitiawan merasakan pekerjaan dalam sektor pertanian terutamanya menoreh getah tidak mempunyai masa hadapan yang baik. Jadi, pemergian ke Singapura untuk bekerja merupakan salah satu jalan bagi mendapatkan mobiliti sosial yang lebih tinggi.

5.2 Komen dan Cadangan

Kajian mengenai buruh tidak seharusnya dilakukan semata-mata berdasarkan borang soalselidik dan dokumen-dokumen yang berkaitan tanpa mengambilkira mentaliti, sikap dan nilai mereka. Kaedah kuantitatif ini tidak dapat mencungkil keluar perkara sebenar yang mungkin diselindungi oleh para buruh berkenaan.

Buruh-buruh Foochow Sitiawan dalam kajian ini merupakan golongan yang berpendidikan rendah serta mempunyai sikap dan kehidupan sosial yang berbeza dengan golongan terpelajar atau di sektor formal. Mereka memandang golongan terpelajar dan pekerja di sektor formal sebagai kumpulan di luar kelompok mereka sendiri. Justeru itu, mereka bersikap dingin dan cuba merahsiakan (*secretive*) maklumat-maklumat peribadi dan sebagainya dari orang luar. Sikap cuba mengelakkan diri daripada orang luar ini hanya dapat diatasi apabila seseorang itu telah dianggap sebagai anggota kumpulan mereka. Dengan ini, pengkaji mengesyorkan bahawa kajian mengenai buruh harus dilakukan dengan kaedah kualitatif di mana seseorang pengkaji harus menganggotai sesuatu golongan buruh sehingga dapat diterima sebagai ahli kumpulan tersebut. Kaedah 'participant observation' iaitu menukar identiti seorang pengkaji kepada seorang buruh yang sebenarnya dengan melibatkan diri dalam segala aktiviti dan tinggal dengan mereka tentu sekali dapat memperolehi banyak maklumat yang penting serta sukar dilakukan dengan kaedah lain.

Pengkaji tidak bersetuju dengan cara kajian Koh Eng Bing (1989) mengenai perkara yang sama.⁶ Kaedah kuantitatif beliau telah menghasilkan penemuan dan kesimpulan yang amat berbeza dengan pengkaji.

Penembusan kapitalisme telah menghususkan ekonomi luar bandar Sitiawan kepada kegiatan pertanian secara mutlaknya. menyebabkan kawasan luar-bandar terus bergantung kepada bandar dalam segala bentuk aktiviti khasnya peluang pekerjaan.⁷

6. Koh Eng Bing, *Sejarah Buruh-Buruh Keturunan Cina Foochow Sitiawan Di Singapura*, tesis sarjana Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1989.

7. Ibid.

Saya tidak sepandapat dengan beliau kerana Sitiawan berada di bawah pemerintahan pusat Malaysia dan tiada perhubungan secara langsung dengan Singapura. Pendekatan 'structural dependency' yang mengemukakan perhubungan 'central - periphery' ini tidak dapat diapplikasikan dalam kes Sitiawan dengan Singapura. Segala lebih hasil pengeluaran tidak mengalir terus ke Singapura untuk pembangunan negara tersebut. Lagipun Singapura tidak mempunyai sebarang kawalan ke atas Sitiawan. Pada masa yang sama Sitiawan tidak bergantung kepada Singapura dalam apa jua perkara sekalipun. Kedua-dua Sitiawan dan Singapura sama-sama mengalami penembusan kapitalisme pada zaman kolonialism British. Sekiranya penghijrahan orang-orang Foochow ke Singapura dikatakan sebagai satu pergantungan, bagaimana pula dengan penghijrahan buruh-buruh dari negeri maju ke negara yang baru membangun?

5.3 Prospek Penglibatan Buruh Binaan Foochow Sitiawan dalam Industri Pembinaan Singapura

Satu persoalan yang timbul ialah adakah orang-orang Foochow Sitiawan akan terus kekal atau hilang dari sektor pembinaan di Singapura pada masa depan khususnya 10 tahun yang akan datang. Ramalan yang dibuat akan berdasarkan faktor-faktor seperti Polisi Buruh Luar Singapura yang sering berubah, kekurangan tanah untuk pembangunan di Singapura dan perubahan sosio - ekonomi di Sitiawan.

Singapura adalah sebuah ekonomi oampuran di mana kerajaan memainkan peranan penting sebagai pengusaha (entrepreneur), pengurusan makro-ekonomi dan pasaran buruh. Masalah kekurangan tenaga pekerja tempatan (domestic labour) menyebabkan kerajaan terpaksa merancang dan mengubah polisi-polisinya sesuai dengan perkembangan ekonomi Singapura. Terdapat 2 aspek penting dalam polisi buruh :

- 1) Polisi buruh luar (foreign labour policy) atau kawalan ke atas pengaliran masuk buruh-buruh dari luar dengan mengeluarkan permit kerja kepada pekerja yang tidak mahir dan pas pekerjaan (employment pass) kepada golongan profesional.

- ii) Polisi upah atau penyelarasan tahunan terhadap kadar upah nominal bagi semua sektor ekonomi.⁸

Polisi pertama akan mempengaruhi kedudukan orang-orang Foochow Sitiawan di Singapura. Kerajaan Singapura mempergunakan buruh luar sebagai alat pengimbang (buffer) bagi permintaan dan penawaran buruh di pasarnya. Dalam keadaan permintaan pengeluaran tinggi, buruh luar digalakkan masuk dan bila pengeluaran merosot, pekerja - pekerja dari luar dikurangkan. Dengan cara ini, kadar upah benar tidak akan naik dan turun dengan hebatnya.

Permit kerja dikeluarkan kepada buruh yang tidak mahir⁹ jika ada majikan yang membuat permohonan. Jangka masa permit kerja adalah pendek serta tiada jaminan untuk pembaharuan selepas tamat tempohnya. Ini adalah kerana kerajaan Singapura mementingkan golongan profesional dan pekerja berskil. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Singapura cuba mengurangkan penggunaan tenaga buruh (automation) dan menggantikannya dengan mesin, jentera serta teknologi yang tinggi. Cara ini dapat mengurangkan pergantungannya kepada buruh luar.¹⁰

Sistem 'levy' telah diperkenalkan pada tahun 1987. Ia memperuntukkan setiap pemegang permit kerja membayar cukai (levy) tanpa sebarang tabungan untuk EPF. Ia sengaja diperkenalkan untuk mengawal kemasukan pekerja tidak mahir ke negaranya. 'Levy' ini telahpun diselaraskan beberapa kali dan pada bulan Julai 1990 satu perubahan besar berlaku. Kategori buruh tanpa kemahiran dikehendaki membayar 'levy' sebanyak S\$320.00 sebulan sementara buruh berskil sebanyak S\$240.00. Sebelum itu kedua-dua kategori ini membayar pada kadar yang sama iaitu S\$280.00 sebulan. Adakah pas pekerjaan juga diberikan kepada buruh berskil. Keadaan ini membuktikan bahawa

8. op. cit, (149)

9. Pekerja berskil dalam pengertian Singapura ialah mereka yang mendapat latihan kemahiran dari institusi, vokasional, kolej dan sebagainya.

10. Dalam tahun 1973, pemegang permit kerja yang bukan warganegara Singapura membentuk 1/8 daripada jumlah tenaga buruh sementara 1980 masih terdapat 7% pekerja asing di Singapura. (Lawrence B. Krause).

kerajaan Singapura ingin mengurangkan penggunaan tenaga buruh terutamanya yang berasal dari luar negeri.

Singapura adalah sebuah negara yang kecil. Jarak dari utara ke selatan pulau ini hanya 15 km sahaja sementara dari barat ke timur pula 35 km. Pulau kecil ini telah mengalami pembangunan yang pesat sejak 1970an. Kawasan-kawasan terbiasa telah digantikan dengan bangunan-bangunan yang tinggi. Setakat ini hanya kawasan-kawasan kecil seperti Mandai, Changi dan beberapa lagi yang lain belum dimajukan sepenuhnya. Pengkaji meramalkan bahawa dalam 10 tahun lagi, Singapura tidak mempunyai tempat untuk pembangunan fizikalnya. Sektor pembinaan akan hanya tertumpu kepada pembinaan semula bangunan lama yang dirobohkan, pengubahsuai rumah dan jalanraya. Jadi, buruh-buruh dari luar tidak banyak diperlukan. Tambahan pula, sumber - sumber buruh luar negeri mudah diperolehi.¹¹ Di samping itu kerajaan berusaha meningkatkan pertumbuhan penduduk dengan memberi pelbagai insentif kepada keluarga yang beranak lebih dari 2 orang baru-baru ini. Kerajaan juga berusaha meningkatkan penglibatan tenaga buruh wanita dari 46% (1985) kepada 50% pada tahun 1995 serta melanjutkan usia bersara selepas 55 tahun.¹²

Mukim Sitiawan turut mengalami perubahan sosio-ekonomi yang pesat sejak 20 tahun kebelakangan ini. Peluang pekerjaan sudah lebih terbuka dan tidak lagi terhad kepada sektor pertanian sahaja. Kawasan simpang empat (dahulunya pekan Sitiawan) telahpun dinaikkan ke taraf bandar. Pelbagai jenis pekerjaan telah wujud di Sitiawan. Beberapa kilang perusahaan telahpun dibuka di Kampung Aceh oleh pemodal-pemodal Jepun. Industri pelancongan juga semakin berkembang di Sitiawan.

Taraf pendidikan formal juga semakin berkembang kerana orang-orang Sitiawan sangat mementingkan soal pendidikan anak-anak mereka.

11. Terdapat 3 sumber buruh utama iaitu pertamanya sumber tradisional dari Malaysia dan keduanya sumber bukan tradisional dari Indonesia, Thailand, Sri Lanka, India, Bangladesh dan Filipina. Sumber baru diperolehi dari Korea Selatan, Hong Kong, Macau dan Taiwan. (Lawrence B. Krause).

12. op. cit. (210)

Banyak pemuda - pemudi Sitiawan telahpun pergi ke luar negeri untuk pengajian mereka. 5 buah sekolah menengah atas terdapat di Sitiawan sekarang. Sekolah menengah dan pusat-pusat tusyen terdapat dengan banyaknya.

Perubahan - perubahan ini terutamanya perkembangan pendidikan telah membawa kepada perubahan dalam sikap dan mentaliti orang Sitiawan. Kebanyakkan pemuda-pemudi Sitiawan lebih cenderung untuk bekerja di sektor perkilangan di Singapura berbanding dengan di sektor pembinaan. Sikap memandang rendah kerja pembinaan rakyat Singapura juga mula kelihatan pada golongan muda Foochow Sitiawan ini. Kajian ini menunjukkan bahawa hanya golongan yang berpendidikan rendah terlibat dalam industri pembinaan. Malahan responden-respended sendiri memandang kerja ini sebagai tiada prospek yang baik.

Sebagai kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa dalam 10 tahun akan datang, penglibatan orang-orang Foochow Sitiawan dalam sektor pembinaan Singapura akan berkurangan dan mungkin mencapai tahap yang paling minima. Mereka mungkin terdapat dengan bilangan yang kecil dalam industri perkilangan akibat dari polisi buruh luar Singapura.

- Alatas, Syed Hussein,
1972 Modernization and Social Change,
Sydney : New Century Press.
- Alavi, Hamza,
Shanin, T.,
1982 Introduction to Sociology of the
Developing Societies, London :
Macmillan Press.
- Appelbaum, P.R.,
1971 Theories of Social Change, Chicago :
Markham Publishing Company.
- Babbie, Earl R.,
1975 The Practice of Social Research, California :
Wadsworth Publishing Company.
- Bailey, Kenneth D.,
1978 Methods of Social Research, London :
The Free.
- Bankins, S. et al. (eds.)
1967 International Labour, London :
Harper and Row.
- Banton, M.,
1955 The Coloured Quarter : Negro
Immigrants in an English City,
London : Jonathan Cape.
- Barth Frederick,
1969 Ethnic Groups and Boundaries,
The Social Organization of Culture
Difference, Boston : Little Brown
and Company.
- Bell, D.,
1976 The Coming of The Post-Industrial
Society, New York : Basic Book.
- Bendix, R.,
1960 Work and Authority in Industry,
New York : Harper and Row.
- Bennet, J. and
I. Ishino,
1963 Paternalism in The Japanese Economy,
Minneapolis : University of Minnesota
Press.
- Bernstein, H.,
1965 Underdevelopment and Development
- The Third World Today, Penguin
Books.
- Berry, B.,
1965 Race and Ethnic Relations, Boston :
Houghton Mifflin.
- Birnbaum, Norman,
1969 The Crisis of Industrial Society,
New York : Oxford University Press.
- Blau, P.M.,
Scott, W.R.
1963 Formal Organizations, London :
Routledge and Kegan Paul.

- Blau, P.,
Schoenherr, R.,
1971
The Structure of Organizations,
New York : Basic Books.
- Blauner, R.,
1964
Alienation and Freedom : The
Factory worker and his Industry,
Chicago : University of Chicago
Press.
- Breeze, Gerald,
1966
Urbanization in Newly Developing
Countries, New Jersey : Englewood
Cliffs.
- Brinkerhoff, M.B. (ed.),
1984
Work, Organization and Society,
London : Greenwood Press.
- Bukharin, N.,
1928
Historical Materialism : A
system of Sociology, London :
Routledge and Kegan Paul.
- Burkey, Richard M.,
1978
Ethnic and Racial Groups - The
Dynamics of Dominance, California:
Cunnings Publishing Company Inc.
- Burns, Tom,
1969
Industrial Man, Penguin Books.
- Caplow, T.,
1954
The Sociology of Work, Minneapolis:
University of Minnesota Press.
- Cartwright, D.,
Zander A.,
1968
Group Dynamics, London : Tavistock.
- Ching - Hwang, Yen,
1986
A Short History of The Chinese In
Singapore and Malaya 1800 - 1911,
Singapore : Oxford University
Press.
- Glammer, J.R.,
1980
Straits Chinese Society, Singapore:
Singapore University Press.
- Clark, Alice,
1919
Working Life of Women in Seventh
Century, London : Routledge and
Kegan Paul.
- Cohen, A.,
1974
Urban Ethnicity, London : Tavistock
Publications.
- Cole, R.,
1971
Japanese Blue Collar, Berkeley :
University of California Press.

- Coppock, J.D.,
1962
International Economic Instability,
New York : McGraw - Hill.
- Coser, A.L.,
1971
Masters of Sociological Thought - Ideas in Historical and Social Context, New York : Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Dahrendorf, Ralf,
1957
Class and Class Conflict in Industrial Society, California : Stanford.
- Dalton, M.,
1959
Men who Manage, New York : John Wiley.
- Daud, Fatimah,
1985
Minah Karan : The Truth about Malaysian Factory Girls, K.L. : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Desai, M.,
1974
Marxian Economic Theory, New York : Gray - Mills Publishing.
- Doeringer, P.B.,
Pierre, M.J.,
1971
Internal Labour Markets and Manpower Analysis, Levington : Heath Levington.
- Dublin, R.,
1958
The World of Work, New Jersey : Prentice - Hall.
- Eldridge, J.E.T.,
Crombie, A.D.,
1974
A Sociology of Organization, London : George Allen & Unwin Ltd.
- Elkan, Walter,
1960
Migrants and Proletarians, Urban Labour in the Economic Development of Uganda, London : Oxford University Press.
- Eng - Fong, Pang
1982
Education, Manpower and Development in Singapore, Singapore : Singapore University Press.
- Engels, F.,
1958
The Condition of Working Class in England in 1844, Oxford : Oxford University Press.
- Etzioni, A. (ed),
1958
Complex Organizations : A Sociological Reader, New York : Rinehart and Winston.
- Etzioni, A.,
1961
A comparative Analysis of Complex Organizations, New York : Free Press.

- Faunce, William,
1967 Reading in Industrial Sociology,
New Jersey : Englewood Cliffs.
- Fogarty, Michael, P.,
1971 Sex, Career and Family, London :
PEP.
- Foster, Charles,
1969 Building with Men : An analysis
of Group Behaviour and Organization
in a Building Firm, London :
Tavistock Publications.
- Freedman, Maurice,
1979 The Study of Chinese Society,
California : Stanford University
Press.
- Frank, Andre Gunder,
1971 Sociology of Development and
Underdevelopment of Sociology,
New York : Pluto Press.
- _____,
1975 On Capitalist Underdevelopment,
Bombay : Oxford University Press.
- Friedman, G.,
1954 Industrial Sociology, Illinois :
Glencoe, The Free Press.
- _____,
1961 The Anatomy of Work, New York :
The Free Press.
- Friedrichs J.,
Harmut Lüdtke,
1975 Participant Observation : Theory
and Practice, England : Heath Ltd.
- Goldthorpe, J.H.,
1968 The Affluent Worker : Political
Attitudes and Behaviour, Cambridge :
Cambridge University Press.
- Gordon, David,
1964 Assimilation in American Life,
New York : Oxford University
Press.
- Ginsburg, N.,
1958 Malaya, Seattle : University of
Washington Press.
- Hall R.H.,
1969 Occupations and The Social Structure,
New Jersey : Prentice - Hall.
- _____,
1986 Dimensions of Work, London : Sage
Publications.
- Hagen, E.,
1964 On the Theory of Social Change,
Illinois : Homewood.

- Heidhues, M.F.S.,
1974
Southeast Asia's Chinese Minorities,
Victoria, Australia : Longman.
- Horst, Van der, Sheila,
1964
African Workers in Town : A Study
of Labour in Cape Town, London :
Oxford University Press.
- Hughes, E.C.,
1958
Men and Their Work, New York :
Free Press.
- Hughes, F.,
1969
Foreign Investment and Industriali-
zation in Singapore, Australian
National University Press.
- Ingham, Geoffrey, K.,
1970
Size of Industrial Organization
and Worker Behaviour, Cambridge :
Cambridge University Press.
- Jin - Bee, Ooi
1969
Modern Singapore, Singapore :
University of Singapore Press.
- Josey, Alex,
1976
Industrial Relations : Labour Laws
in a Developing Singapore, Singapore :
Federal Publications.
- Ju - Kang, Tien,
1953
The Chinese of Sarawak : A Study of
Social Structure, London : London
School of Economics and Political
Science.
- Kant, Immanuel,
1949
Critique of Practical Reason and
Other Writings in Moral Philosophy,
Chicago : Chicago Press.
- Kay, Geoffrey,
1975
Development and Underdevelopment :
A Marxist Analysis, Edinburgh :
R. & K. Clard Ltd.
- Kerr, Clark, et. al.,
1960
Industrialism and Industrial Man,
Cambridge : Havard University Press.
- Kornhauser, A., et. al. (eds)
1954
Industrial Conflict, New York :
McGraw - Hill.
- Krause, E.A.,
1971
The Sociology of Occupations,
Boston : Little Brown and Co.
- Krause, Lawrence B., et. al.,
1987
The Singapore Economy Reconsidered,
Singapore : Kyodo - Shing Loong
Printing Industries Ptd. Ltd.

- Landsberger, Henry, A.,
1958
Hawthorne Revisited : Management and the worker, New York : Cornell University Press.
- Leo, Sespress, (ed),
1975
Ethnicity and Resource Competition in Plural Societies, Paris : Monton Publishers.
- Lester, Richmond, A.,
1951
Labour and Industrial Relations : A General Analysis, New York : Macmillan Co.
- Levinton, Sar A.,
Manginn Garth,
Marshall Ray,
1972
Human Resources and Labour Markets, New York : Harper and Row.
- Levy, Marion J.,
1965
Modernization and the Structure of Society, New York : Princeton University Press.
- Lewis, Coser,
Bernard Rosenberg,
1964
Sociological Theory : A book of Readings, London : The McMillan Co.
- Lim - Keak, Cheng,
1985
Social Change and The Chinese In Singapore : A Socio - Economic Geography with Special Reference to Bang Structure, NUS : Singapore University Press.
- Llyod, Peter, C.,
1971
Classes, Crisis and Coups, Themes in the Sociology of Developing Countries, London : Mac Gibbon & Kee.
- Lowas, Graham, M.,
Wood, Peter, A.,
1970
Employment Location in Regional Economic Planning : A case study of the West Midlands, London : Routledge & Kegan Paul.
- Mackay, D. Boddy, at. el.,
1971
Labour Markets Under Different Employment Conditions, London : Allen & Unwin.
- Madge, John,
1963
The Origins of Scientific Sociology, London : Tavistock Publications.
- Malinowski, B.,
Argonauts of The Western Pacific : An account of Native Enterprise and Adventure in the Archipelagoes of Melanesian New Guinea, London : Routledge & Kegan Paul.

- Marx, K.,
1964 Early Writtings, T.B. Bottomore,
 (trans & ed.), New York : McGraw -
 Hill.
- Mayo, E.,
1933 The Human Problems of An Industrial
 Civilization, New York : McMillan.
- Miller, D.C.
Form, W.H.,
1951 Industrial Sociology : An Introductio-
 n to the Sociology of Work
 Relations, New York : Harper.
- Mills, C.W.,
1959 The Sociological Imagination,
 New York : Oxford University Press.
- Moser, C.A.,
1960 Survey Methods in Social Investiga-
 tion, London : Routledge & Kegan
 Paul.
- Ong - Siong, Song,
1967 One Hundred Years History of the
 Chinese in Singapore, Singapore :
 University Malaya Press.
- Packard, Vance,
1968 The Sexual Wilderness, New York :
 Pluto Press.
- Park, R.E.,
1950 Race and Culture, Glencoe, Illinois:
 The Free Press.
- Parson, T.,
1964 The Social System, London : Routledge
 & Kegan Paul.
- Patterson, Sheila,
1968 Immigrants in Industry, London :
 Oxford University Press.
- Pen, Jan,
1971 Income Distribution, Fact, Theories
 and Policies, New York : Pluto
 Press.
- Peter Chen, S.J., at. el.,
1971 Public Policy and Population Change
 in Singapore, New York : The
 Population Council.
- Poh - Ping, Lee,
1978 Development Complexity East and
 Southeast Asia, Singapore :
 University Education Press.
- Poh - Ping, Lee,
1978 Chinese Society in Nineteenth
 Century Singapore, K.L.: Oxford
 University Press.

- Price, J.L.,
1977 The Study of Turnover, Iowa : The
Iowa State University Press.
- Purell, Victor,
1956 The Chinese in Modern Malaya,
Singapore : D. Moore.
- ,
1967 The Chinese in Malaya, Singapore :
Oxford University Press.
- Ramasamy, Rajakrishnan,
1988 Sojourners to Citizens, Sri Lankan
Tamil in Malaysia, 1885 - 1965,
Dpt. of Indian Studies, K.L. :
University of Malaya.
- Robinson, Joan,
1937 Essays in the Theory of Employment,
London : Macmillan & Co. Ltd.
- Salaman, G.,
Thompson, K.,
1973 People and Organizations, London :
Longman.
- Schacht, R.L.,
1971 Alienation, London : Allen & Unwin.
- Schneider, Eugene V.,
1969 Industrial Sociology : The Social
Relations of Industry and the
Community, New York : McGraw - Hill.
- Schultz, George, P.,
1951 Pressures on Wage Decision, A case
Study in the Shoe Industry, New
York : John Wiley.
- Shibutani, N.,
Rwan, R. (eds) ., 1965 Ethnic Stratification, New York :
Macmillan.
- Simpson, George E.,
1972 Racial and Culture Minorities :
An analysis of Prejudice and
Discrimination, New York : Harper
& Row.
- Stephen H.K. Yeh, (ed),
1975 Public Housing in Singapore, A
multi - disciplinary study,
Singapore : Singapore University
Press.
- Strassman, W.P.,
1968 Techonological Change and Economic
Development, Ithaca : Cornell
University Press.
- Swie - Hock, Saw, (ed),
1983 Singapore Towards the Year 2000,
Singapore : Singapore University
Press.

Watson, T.J.,
1980

Sociology, Work and Industry,
London : Routledge & Kegan Paul.

Artikel, Tesis, Risalah dan Lain - lain

Alan, Lockard G.,
1967

"Chinese Immigration Into Sarawak
1868 - 1917," M.A. Thesis,
Hawaii.

Chan, K.E.,
Khoo, S.H.,
Cho, G.,
1970

"Foochow Settlement in Sitiawan,
Perak : Preliminary Investigations,"
dlm. Geographica, vol. 6: 65 - 71.

_____,
1971

"Place - names in the Sitiawan
Area, Perak," dlm. Journal of
Southeast Asian Studies, vol.
2 : 185 - 194.

Chek - Yok, Ong,
1986

"Pola Sosio - Budaya dan Mobiliti
Dalam Komuniti Hockohiu di
Sitiawan, Perak," Latihan Ilmiah
di Jbtn. Antropologi dan Sosiologi,
UKM.

Chew Peh, Ting,
1975

"Komuniti China di Sitiawan,"
Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____,
1978

"Organisasi Etnik dan Integrasi
National," Laporan untuk Lembaga
Perpaduan Negara.

_____,
1980

"The Chinese in Peninsular Malaysia:
A Study of Race Relations in a
Plural Society," PhD Thesis.

Chiang, L.,
1952

"Glimpses of Chinese in Sitiawan,"
dlm. Journal of Southseas Society,
vol. 8 (1) : 4 - 7.

Construction Industry
Development Board,
1987/88

"CIDB Annual Report," Singapore.

_____,
Oct. - Dec., 1988

"CIDB Review," vol. 4 (4),
Singapore.

- Construction Industry Development Board,
Feb., 1989
_____,
Sept., 1989
- Construction Industry Development Board,
May, 1990
- Construction Industry Development Board,
- Construction Industry Development Board,
- Construction Industry Training Centre,
_____,
Oct., 1989
- Daud, Fatimah,
1983
- Eng - Bing, Koh,
1989
- Freedman, Maurice,
1960
- Han - Hoe, Tan, (ed),
Information Division,
Ministry of Communications
and Information,
1987
- "Cost Competitiveness of the Construction Industry in Singapore," vol. 2 (4), Singapore.
- "Construction Focus : Newsletter of the Construction Industry in Singapore," vol. 1 (8), Singapore.
- "Construction Focus : Newsletter of the Construction Industry in Singapore," vol. 2 (4), Singapore.
- "National Certificate in Construction Supervision," Singapore.
- "National Construction Trade Test Programme," Singapore.
- "Most Programme," Singapore.
- "The Contractor," vol. 6 (4), Singapore : Singapore Contractors Association Ltd.
- "Socio - Economic Problems of Women Workers : A case Study of Electronics Workers in a Multinational Japanese Firm," PhD Thesis, K.L., Dpt. of Anthropology & Sociology, University of Malaya.
- "Sejarah Buruh - Buruh Keturunan Cina Sitiawan di Singapura," Tesis Sarjana di Jbtn. Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya.
- "Immigrants and Associations : Chinese in 19 century Singapore," dlm. Comparative Studies in Society and History, vol. 3 (3) : 24 - 48.
- "Singapore 1987," Singapore : Koon Wah Printing Ptd. Ltd.

- Hsieh, Jiann
1978 "The Chinese Community in Singapore.
The Internal Structure," dlm. S.J.
Chen and Hans - Dieter Evers (eds),
Studies in Asean Sociology,
Singapore : Chopman Enterprises.
- Lianhe Zaoobao (联合早报)
13.5.90 Singapore Morning Papers.
- Malaysia
1980 "Laporan Banci Penduduk Malaysia,"
Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Ministry of Trade
and Industry, Singapore,
1987, 3rd. Quarter.
_____,
i) 1988, 1st. Quarter.
ii) 1988, 2nd. Quarter.
iii) 1988, 3rd. Quarter.
_____,
i) 1989, 1st. Quarter.
ii) 1989, 2nd. Quarter.
iii) 1989, 3rd. Quarter.
Ministry of Trade
and Industry, Singapore,
i) 1990, 1st. Quarter.
ii) 1990, 2nd. Quarter.
iii) 1990, 3rd. Quarter.
- Miracle, Marvin, P.,
Berry, Sava S.,
1970 "Migrant Labour and Economic
Development," dlm. Oxford Economic
Papers, vol. 22 (1) : 86 - 108.
- Poh - Tip, Ng,
1973 "The Politics of The Chinese In
Malaya," M.A. Thesis, University
of Guelph.
- Republic of Singapore,
March, 1990 "Census of Population."
- Stahl, Charles W.,
1984 "Singapore's Foreign Workforce :
Some Reflections on it's Benefits
and Costs," dlm. International
Migration Review, vol. 18 (1) :
37 - 49.

Swee - Hock, Saw,
1984

"The Labour Force of Singapore,"
Census Monograph No. 3, Dpt. of
Statistic, Singapore : Photo -
plates Ptd. Ltd.

The Information Division,
Ministry of Communications
and Information.
1985

"Singapore Facts and Pictures
1985, Singapore : Singapore
National Printer Ptd. Ltd.

Wei - Ai, Gong,
1977

"Sejarah Pemindahan Orang Foochow
ke Sitiawan, Perak," dlm. Papers
On Chinese Studies, vol. 1 :
111 - 118, Dpt. of Chinese
Studies, University of Malaya.

Zhongquo Pao (中國報)
22.8.1990

Akhbar Bahasa Cina Malaysia.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya